Berdasarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 – 2025, kadar kebolehpasaran graduan berupaya memberikan indikasi tentang keupayaan ekosistem pengajian tinggi negara untuk mengeluarkan graduan yang berkualiti serta memenuhi permintaan tenaga kerja dari pihak industri. Semakin tinggi kadar kebolehpasaran graduan yang dilaporkan semakin tinggi kualiti graduan yang dihasilkan oleh IPT dan berupaya memenuhi permintaan semasa industri, begitu juga sebaliknya. Walau bagaimanapun, kadar kebolehpasaran graduan baharu amat berhubung rapat dengan keadaan ekonomi sesebuah negara dan ekonomi dunia umumnya.

Tidak dinafikan kemunculan pandemik COVID-19 pada penghujung tahun 2019 telah mencetuskan krisis kesihatan dan ekonomi seluruh dunia. Justeru, penghasilan Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2021: Kadar Kebolehpasaran Pasca Pandemik COVID-19 amat penting bagi melihat kesan pandemik COVID-19 ke atas kebolehpasaran graduan negara. Maklumat yang diperolehi ini akan dapat membantu pelbagai pihak khususnya Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan agensi-agensi yang memerlukan data berkaitan status pekerjaan graduan baharu, pendapatan bulanan yang diperolehi dan mengetahui sektor yang menyediakan peluang pekerjaan. Bagi yang belum bekerja pula, profil graduan yang aktif mencari pekerjaan dapat dikenal pasti.

1.2 Skop Kajian

Kajian Pengesanan Graduan tahun 2021 melibatkan seramai 333,546 graduan daripada 879 IPT yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 15,512 graduan (4.7%) merupakan graduan bukan warganegara, iaitu 5,621 graduan merupakan keluaran universiti awam (UA) dan 9,891 graduan adalah keluaran Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Tiga (3) IPT yang mempunyai graduan terbesar ialah UA, iaitu seramai 138,797 graduan (41.6%), diikuti 117,280 graduan (35.2%) IPTS dan politeknik seramai 26,507 graduan (7.9%). Kajian ini turut disertai oleh ILKA di bawah tujuh (7) kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Selain itu, kolej komuniti (8,990 graduan) dan IPT lain (seperti Kolej Profesional MARA, ASWARA, INSPEN dan IPDAS) yang melibatkan seramai 3,974 graduan telah menyertai kajian.

Bagi memperoleh dapatan kajian yang relevan terutama berkaitan kebolehpasaran graduan, KPT telah menetapkan agar kadar respon kajian ini melebihi 85.0 peratus. Pada tahun 2021, kadar respons keseluruhan ialah 88.8 peratus dan bagi graduan warganegara adalah sebanyak 90.0 peratus.

1.3 Kebolehpasaran Graduan 2021

Tahun 2021 menyaksikan krisis kesihatan dan ekonomi terburuk kesan pandemik COVID-19 memasuki tahun kedua. Walau bagaimanapun, ekonomi global dijangka mengalami pertumbuhan 5.9 peratus pada tahun 2021 (World Economic Outlook October 2021) berbanding penguncupan pada kadar 3.2 peratus pada tahun 2020. Jangkaan peningkatan ini berlaku setelah pelbagai inisiatif dan strategi dilaksanakan ke arah pemulihan ekonomi negara. Malaysia turut mengalami perkembangan positif terhadap prestasi ekonomi yang mana Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pulih kepada 3.1 peratus namun kadar pengangguran mencatatkan peningkatan kecil 0.1 mata peratus kepada 4.6 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021 turut menunjukkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus, iaitu kepada 85.5 peratus berbanding 84.4 peratus pada tahun 2020. Begitu juga bagi graduan TVET, kadar kebolehpasaran graduan mencatatkan peningkatan pada tahun 2021, iaitu kepada 88.0 peratus berbanding 87.0 peratus pada tahun sebelumnya. Rekod tersebut mencapai sasaran kadar kebolehpasaran graduan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), iaitu mensasarkan sebanyak 85.4 peratus pada tahun 2021.

Perincian status pekerjaan merekodkan sebanyak 61.6 peratus (176,256 graduan) daripada 286,299 graduan warganegara tahun 2021 telah bekerja (2020: 60.0%). Dapatan kajian juga merekodkan sebanyak 18.8 peratus graduan melanjutkan pengajian, 3.3 peratus menunggu penempatan pekerjaan, 1.8 peratus sedang mengikuti pelbagai program meningkatkan kemahiran dan selebihnya, iaitu 14.5 peratus (41,467 graduan) belum bekerja.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sektor tenaga buruh semakin baik pada Januari 2022 didorong oleh peningkatan berterusan dalam guna tenaga manakala pengangguran merekodkan trend penurunan. Pada Januari 2022, bilangan penganggur merekodkan pengurangan kepada 680,400 orang, iaitu menurun sebanyak 1.1 peratus berbanding Disember 2021 (687,600 orang). Walau bagaimanapun, kadar pengangguran kekal pada 4.2 peratus. Justeru, tenaga buruh meningkat sebanyak 0.2 peratus mencatatkan 16.37 juta orang (Disember 2021: 16.34 juta orang). Seterusnya membawa kepada peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh bulan Januari 2021 kepada 69.1 peratus (Disember 2021: 69.0%). Situasi ini mencerminkan aktiviti ekonomi yang menggalakkan pada Januari 2022 berikutan kesemua negeri telah berada dalam fasa empat (4) Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membenarkan perniagaan terus beroperasi pada kapasiti penuh dengan waktu perniagaan yang lebih panjang (sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 9 Mac 2022).

Bagi keseluruhan graduan bekerja, sektor swasta (termasuk NGO) merupakan pembekal utama pekerjaan kepada graduan, iaitu 70.2 peratus graduan tahun 2021, di mana dapatan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus berbanding tahun 2020 (68.5%). Terdapat tujuh (7) IPT yang merekodkan lebih 70.0 peratus graduan bekerja dalam sektor swasta tempatan (termasuk NGO), iaitu ILKA KSM (81.3%), kolej vokasional (79.9%), politeknik (75.9%), IPTS (72.8%), ILKBS (72.3%), ILKA MOTAC (71.4%) dan kolej komuniti (71.1%).

Pada tahun 2021, KPT juga telah menyebarkan pelaksanaan program peningkatan kemahiran graduan melalui Pelan Jana Ekonomi (PENJANA), iaitu PENJANA KPT-CAP kepada graduan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTs). PENJANA merangkumi tiga subprogram iaitu *Place and Train*, Keusahawanan dan Ekonomi Gig bertujuan untuk menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan pengangguran siswazah. Selain itu, KPT turut membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 yang memberi fokus kepada penerapan elemen kemahiran abad ke-21 dan kurikulum tersedia masa hadapan yang selari dengan keperluan industri. Pelan ini menjadi panduan induk kepada IPT untuk memastikan kebolehpasaran graduan kekal berdaya saing. Melalui pendekatan pelan ini, graduan akan lebih bersedia memasuki landskap pekerjaan baharu.

1.4 Metodologi Kajian

Kumpulan sasaran pelaksanaan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan secara atas talian oleh KPT sejak tahun 2006 adalah graduan IPT dan ILKA yang merangkumi peringkat pengajian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga Doktor Falsafah (PhD). Metodologi kajian ini merupakan kaedah yang dilaksanakan bagi mengumpul data graduan, menganalisis data dan seterusnya menghasilkan laporan. Data graduan disediakan oleh IPT/ILKA dan dimuat naik ke Sistem Anjung SKPG mengikut tarikh yang dicadangkan memandangkan pada tahun 2021 majoriti IPT/ILKA masih belum mengadakan majlis konvokesyen. Capaian pada sistem SKPG oleh graduan adalah melalui laman **great.mohe.gov.my** bagi melengkapkan kaji selidik. Graduan dibenarkan mengemaskini status dan maklumat pekerjaan mereka melalui SKPG 2.0 yang juga boleh dicapai melalui laman sesawang yang sama. Analisis data bagi tujuan penyediaan laporan adalah sehingga *cut-off date* yang ditetapkan oleh KPT, lazimnya pada Februari tahun seterusnya.

Pada tahun 2021, borang kaji selidik telah dimurnikan agar lebih ringkas, padat dan tepat di mana tumpuan diberikan kepada soalan-soalan yang penting sahaja terutama pada bahagian Pengalaman Semasa Graduan Mengikuti Pengajian di Institusi, Keberkesanan Program Pengajian dan Kesediaan Diri. Pada bahagian bekerja, soalan berkaitan penilaian keupayaan dan kemampuan graduan dalam melaksanakan pekerjaan sekarang telah dijumlahkan.

1.5 Susunan Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2021

Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2021 masih menggunakan format berinfografik yang terdiri daripada tiga belas bab. Bab 1 hingga Bab 12 disusun dalam tiga (3) bahagian seperti berikut:

- a. **Bahagian I: Bab 1** Pengenalan
- b. **Bahagian II:** Mengandungi enam (6) bab dan permulaan bab dipaparkan dapatan terpilih bagi tahun 2020 dan 2021. Seterusnya, diperincikan dapatan Kajian Pengesanan Graduan tahun 2021 seperti berikut:
 - i. **Bab 2** memperincikan keluaran keseluruhan graduan tahun 2021 mengikut jenis IPT/ILKA, status warganegara, jantina, peringkat dan bidang pengajian.
 - ii. **Bab 3** memaparkan kebolehpasaran graduan warganegara (graduate employability; GE) dan status pekerjaan mengikut peringkat pengajian.
 - iii. **Bab 4** memperihalkan maklumat pekerjaan graduan warganegara tahun 2021 yang bekerja seperti taraf pekerjaan, pendapatan bulanan, sektor ekonomi dan sebagainya.
 - iv. **Bab 5** membincangkan maklumat graduan warganegara yang belum bekerja, seperti sebab belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut jantina, peringkat dan bidang pengajian, negeri bermastautin dan lain-lain.
 - v. **Bab 6** mengandungi maklumat melanjutkan pengajian bagi graduan warganegara dan bukan warganegara.
 - vi. **Bab 7** memperihalkan kumpulan berfokus, iaitu graduan yang bekerja sendiri (usahawan), graduan Orang Kurang Upaya (OKU) dan graduan berketurunan Orang Asli.

- c. **Bahagian III:** Mengandungi lima (5) bab yang membincangkan trend bagi tempoh lima (5) tahun dapatan Kajian Pengesanan Graduan tahun 2017-2021:
- i. **Bab 8** memuatkan trend keseluruhan graduan, kebolehpasaran graduan warganegara dan status pekerjaan serta maklumat pekerjaan bagi graduan yang bekerja.
 - ii. **Bab 9** memaparkan trend maklumat pekerjaan graduan warganegara yang menceburi bidang keusahawanan.
 - iii. **Bab 10** pula memberi fokus kepada trend keluaran graduan TVET dan kebolehpasaran graduan TVET bagi tempoh empat (4) tahun.
 - iv. **Bab 11** memperincikan trend maklumat pekerjaan graduan TVET bagi kohort 2018-2021.
 - v. **Bab 12** memperihalkan trend pendapatan bulanan graduan ijazah pertama dan diploma yang berumur 30 tahun dan ke bawah.
- d. **Bab 13:** Kesimpulan

Susunan laporan pada tahun 2021 mengekalkan tema seperti tahun 2020. Bagi menghasilkan laporan yang lebih komprehensif, profil graduan dan status pekerjaan graduan TVET digabungkan dan dibincangkan dalam Bab 10 dan Bab 11.


BAB 2

BAHAGIAN II CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2021

- Keluaran Keseluruhan Graduan 2021
- Keluaran Graduan UA 2021
- Keluaran Graduan IPTS 2021
- Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2021
- Keluaran Graduan Institusi di bawah lain-lain Kementerian 2021

KELUARAN GRADUAN DAN KADAR RESPONS TAHUN 2020-2021

► Graduan yang terlibat dalam kajian ini adalah merangkumi peringkat pengajian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Doktor Falsafah (PhD).



- Kadar penyertaan IPT ↑ 0.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Jumlah graduan ↑ 4.7 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun 2020.
- Bilangan graduan bukan warganegara ↑ 16.7 peratus pada tahun 2021.

Penyertaan IPT dan Graduan dalam Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2021

IPT	Bil. IPT	Keseluruhan			Warganegara		
		Graduan	Responden	KR (%)	Graduan	Responden	KR (%)
UA	20	138,797	126,798	91.4	133,176	123,362	92.6
IPTS	303	117,280	99,741	85.0	107,389	93,238	86.8
Politeknik	35	26,507	24,640	93.0	26,507	24,640	93.0
Kolej komuniti	92	8,990	8,470	94.2	8,990	8,470	94.2
Kolej vokasional	81	10,628	9,607	90.4	10,628	9,607	90.4
ILKA KPLB	256	14,192	13,862	97.7	14,192	13,862	97.7
ILKA KSM	33	5,497	4,970	90.4	5,497	4,970	90.4
ILKA KKR	13	3,854	538	14.0	3,854	538	14.0
ILKBS	21	2,507	2,473	98.6	2,507	2,473	98.6
ILKAP MAFI	15	1,228	1,150	93.6	1,228	1,150	93.6
ILKA MOTAC	1	92	40	43.5	92	40	43.5
IPT lain	9	3,974	3,949	99.4	3,974	3,949	99.4
Keseluruhan	879	333,546	296,238	88.8	318,034	286,299	90.0

► Pada tahun 2021, kadar respons graduan warganegara adalah 90.0 peratus iaitu 286,299 daripada keseluruhan 318,034 graduan.

Keluaran Graduan dan Kadar Respons Mengikut Peringkat Pengajian, 2020-2021

IPT	2020			2021		
	Bil.	%	KR (%)	Bil.	%	KR (%)
PhD	4,354	1.4	71.9	4,560	1.4	78.6
Sarjana	20,158	6.3	81.1	23,107	6.9	84.5
Diploma pascasiswazah	1,374	0.4	83.0	2,016	0.6	89.6
Ijazah pertama	131,045	41.1	84.9	140,994	42.3	90.2
Diploma lanjutan	201	0.1	82.6	235	0.1	91.1
Diploma	127,747	40.1	84.2	128,960	38.7	89.5
Sijil	33,251	10.4	85.8	32,960	9.9	85.1
Profesional	401	0.1	72.3	652	0.2	73.8
Sijil pascasiswazah	62	0.02	67.7	62	0.02	91.9
Keseluruhan	318,593	100	84.3	333,546	100	88.8

► Hampir semua peringkat pengajian pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan jumlah graduan kecuali peringkat sijil dan sijil pascasiswazah.

BW= Bukan warganegara
KR= Kadar respons

CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2021

Bab ini memaparkan jumlah graduan yang layak berkonvokesyen pada tahun 2021 di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seluruh negara. Peringkat pengajian yang terlibat dalam kaji selidik pada tahun 2021 adalah graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 hingga Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf. Antara yang dibincangkan dalam bab ini ialah keluaran graduan mengikut jenis IPT, taraf kewarganegaraan, jantina, peringkat pengajian, bidang pengajian dan lain-lain.

2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2021

2.1.1 Keluaran Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT

- ▶ Terdapat 879 IPT yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2021 dan melibatkan seramai 333,546 graduan.
- ▶ Sebanyak 41.6 peratus atau seramai 138,797 graduan merupakan keluaran universiti awam (UA), diikuti 35.2 peratus (117,280 graduan) keluaran IPTS dan graduan politeknik sebanyak 7.9 peratus (26,507 graduan).
- ▶ Seterusnya adalah keluaran ILKA KPLB (4.3%; 14,192 graduan), kolej vokasional (3.2%; 10,628 graduan) dan kolej komuniti sebanyak 2.7 peratus atau 8,990 graduan.
- ▶ Selebihnya adalah dalam lingkungan antara 92 dan 5,497 graduan (0.03 hingga 1.6%).

Jadual 2a

Keluaran Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Bil. IPT	Graduan	KR (%)
UA	20	138,797	91.4
IPTS	303	117,280	85.0
Politeknik	35	26,507	93.0
Kolej komuniti	92	8,990	94.2
ILKA KPLB	256	14,192	97.7
Kolej vokasional	81	10,628	90.4
ILKA KSM	33	5,497	90.4
ILKA KKR	13	3,854	14.0
ILKBS	21	2,507	98.6
ILKAP MAFI	15	1,228	93.6
ILKA MOTAC	1	92	43.5
* IPT lain	9	3,974	99.4
Keseluruhan	879	333,546	88.8


KR= Kadar respons

Nota: * IPT lain merangkumi:

- i. Kolej Profesional MARA
- ii. Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- iii. Institut Penilaian Negara (INSPEN)
- iv. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

2.1.2 Keluaran Graduan 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Carta 2.1a Keluaran Graduan 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan

L= Lelaki

P= Perempuan

* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

- Graduan peringkat ijazah pertama merupakan kumpulan terbesar, iaitu mewakili 42.3 peratus, diikuti graduan diploma (38.7%), sijil (9.9%), sarjana (6.9%), PhD (1.4%) dan lain-lain peringkat sebanyak 0.9 peratus.
- Hampir semua peringkat pengajian mencatatkan bilangan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali peringkat PhD dan sijil.

2.1.3 Keluaran Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

- Seramai 138,797 graduan (59.3%) merupakan peringkat ijazah pertama, diikuti graduan diploma (25.0%), sarjana (11.8%), PhD (2.9%) dan peringkat lain sebanyak 1.1 peratus.
- Bagi IPTs, dua (2) kelompok terbesar adalah graduan ijazah pertama dan diploma, iaitu masing-masing sebanyak 49.9 peratus (58,476 graduan) dan 41.6 peratus (48,845 graduan).
- Semua graduan kolej vokasional adalah peringkat diploma (10,628 graduan). Sebahagian besar graduan politeknik (99.0%; 26,248 graduan) dan IPT lain (92.8%; 3,688 graduan) juga merupakan graduan diploma. Keluaran ILKA MOTAC pula merekodkan sebanyak 54.3 peratus graduan diploma.
- Bagi lain-lain ILKA pula, sebahagian besar keluarannya adalah graduan peringkat sijil.

IPT	Jumlah graduan	PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	* Peringkat lain (%)
UA	138,797	2.9	11.8	59.3	25.0	-	1.1
IPTS	117,280	0.5	5.7	49.9	41.6	1.1	1.2
Politeknik	26,507	-	-	0.6	99.0	0.3	-
Kolej komuniti	8,990	-	-	-	0.4	99.6	-
Kolej vokasional	10,628	-	-	-	100.0	-	-
ILKA KPLB	14,192	-	-	-	24.2	75.8	0.0
ILKA KSM	5,497	-	-	-	15.4	83.8	0.8
ILKA KKR	3,854	-	-	-	-	100.0	-
ILKBS	2,507	-	-	-	14.1	85.9	-
ILKAP MAFI	1,228	-	-	-	15.5	84.5	-
ILKA MOTAC	92	-	-	-	54.3	45.7	-
IPT lain	3,974	-	-	1.2	92.8	4.8	1.1
Keseluruhan	333,546	1.4	6.9	42.3	38.7	9.9	0.9


* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.1.4 Keluaran Graduan 2021 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Dua (2) kelompok terbesar keluaran 2021 adalah graduan bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (33.4%) dan graduan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (27.4%). Graduan bidang sains, matematik & komputer mewakili 11.2 peratus, diikuti graduan sastera & kemanusiaan sebanyak 8.2 peratus dan bidang perkhidmatan 7.2 peratus.
- Hampir semua bidang pengajian mencatatkan bilangan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (68.3%) dan pertanian & veterinar (51.9%).

Carta 2.1b

Keluaran Graduan 2021 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina



2.1.5 Keluaran Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

- ▶ Peratus tertinggi bagi graduan UA dan IPTS adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan, masing-masing 34.2 peratus dan 44.3 peratus. Begitu juga bagi IPT lain, sebanyak 76.3 peratus merupakan graduan bidang tersebut.
- ▶ Bagi ILKA, sebahagian besar adalah graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Walau bagaimanapun bagi ILKAP MAFI, sebanyak 82.7 peratus adalah graduan bidang pertanian & veterinar.


Jadual 2c

Keluaran Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

(%)

IPT	Jumlah graduan	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Sains, matematik dan komputer	Sastera dan kemanusiaan	Perkhidmatan	Pendidikan	Kesihatan dan kebajikan	Pertanian dan veterinar
UA	138,797	34.2	22.1	15.2	9.6	4.2	6.7	5.6	2.2
IPTS	117,280	44.3	12.2	9.9	8.1	9.3	8.4	7.5	0.3
Politeknik	26,507	24.9	54.9	5.9	3.7	7.4	-	-	3.1
Kolej komuniti	8,990	4.9	39.7	14.7	12.8	26.4	-	-	1.5
ILKA KPLB	14,192	-	81.6	5.0	5.2	8.0	0.1	-	0.1
Kolej vokasional	10,628	18.1	59.6	4.5	3.6	11.1	-	1.7	1.5
ILKA KSM	5,497	-	81.0	4.5	3.1	-	11.4	-	-
ILKA KKR	3,854	-	99.8	0.2	-	-	-	-	-
ILKBS	2,507	-	72.9	2.5	2.0	21.3	-	1.3	-
ILKAP MAFI	1,228	6.6	10.7	-	-	-	-	-	82.7
ILKA MOTAC	92	-	-	-	100.0	-	-	-	-
IPT lain	3,974	76.3	-	4.3	18.1	-	-	-	1.2
Keseluruhan	333,546	33.4	27.4	11.2	8.2	7.2	6.0	5.0	1.7

2.1.6 Keluaran Graduan 2021 Mengikut Taraf Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT




N= Jumlah graduan

L= Lelaki

* Merangkumi jumlah keluaran graduan keseluruhan IPT tahun 2021

- Secara keseluruhan, sebanyak 4.7 peratus merupakan graduan bukan warganegara dengan majoritinya adalah lelaki, iaitu 61.5 peratus.
- Bagi UA, terdapat seramai 5,621 graduan bukan warganegara, iaitu mewakili 4.0 peratus daripada jumlah keluaran UA tahun 2021.
- Graduan bukan warganegara di IPTS pula adalah seramai 9,891 graduan atau 8.4 peratus daripada jumlah graduannya.

2.1.7 Keluaran Graduan UA dan IPTS 2021 Mengikut Peringkat Pengajian, Taraf Kewarganegaraan dan Jantina



- Bagi peringkat PhD di UA dan IPTS, graduan bukan warganegara merekodkan 40.7 peratus dan 48.5 peratus.
- Sebahagian besar graduan peringkat sarjana di UA dan IPTS adalah graduan warganegara, iaitu masing-masing 86.0 peratus dan 65.7 peratus.
- Majoriti graduan bukan warganegara di UA dan IPTS bagi peringkat PhD adalah lelaki, iaitu masing-masing 75.2 dan 69.2 peratus. Trend yang sama dapat dilihat bagi graduan peringkat sarjana dan ijazah pertama.


2.2 Keluaran Graduan UA 2021

2.2.1 Keluaran Graduan UA 2021 bagi Setiap Universiti

- Umumnya UiTM merupakan pengeluar terbesar yang menyumbang lebih daripada satu pertiga daripada jumlah graduan UA setiap tahun. Pada tahun 2021, UiTM mengeluarkan seramai 52,588 graduan atau mewakili 37.9 peratus daripada 138,797 graduan UA. Ini diikuti UKM seramai 7,708 graduan, UM (6,828 graduan) dan USM seramai 6,706 graduan.

Carta 2.2a

Keluaran Graduan UA 2021 bagi Setiap Universiti




2.2.2 Keluaran Graduan UA 2021 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Sebanyak 59.3 peratus keluaran UA merupakan peringkat ijazah pertama, diikuti diploma (25.0%), sarjana (11.8%) dan PhD (2.9%).
- Bilangan graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian kecuali PhD, peratusan lelaki adalah 53.5 peratus berbanding perempuan (46.5%).
- Secara keseluruhan, sebanyak 96.0 peratus graduan UA adalah warganegara dan selebihnya (4.0%) bukan warganegara.

Carta 2.2b

Keluaran Graduan UA 2021 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



N = Jumlah graduan
 L = Lelaki
 P = Perempuan
 W = Warganegara
 BW = Bukan warganegara

* Termasuk diploma pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.2.3 Keluaran Graduan 2021 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

- ▶ Seramai 66,960 graduan (48.2%) graduan UA adalah keluaran universiti komprehensif, diikuti universiti penyelidikan (23.6%; 32,704 graduan), universiti berfokus (17.5%; 24,250 graduan) dan universiti teknikal (10.7%; 14,883 graduan).
- ▶ Kumpulan terbesar bagi semua kategori UA adalah graduan ijazah pertama, iaitu antara 51.8 hingga 72.9 peratus, diikuti peringkat diploma (3.9 hingga 40.7 peratus), sarjana (6.0 hingga 28.9 peratus), PhD (1.0 hingga 7.3 peratus) dan peringkat lain (0.5 hingga 2.7 peratus).
- ▶ Dua (2) kategori UA mencatatkan peratusan melebihi 70.0 peratus bagi peringkat ijazah pertama ialah universiti berfokus (72.9%; 17,679 graduan) dan universiti teknikal (72.6%; 10,805 graduan). Bagi peringkat diploma, peratusan tertinggi adalah di universiti komprehensif (40.7%; 27,271 graduan). Graduan sarjana dan PhD pula, peratusan tertinggi tertumpu di universiti penyelidikan, masing-masing 28.9 peratus dan 7.3 peratus.

Jadual 2d

Keluaran Graduan 2021 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

(%)

Peringkat pengajian	Universiti Penyelidikan (N= 32,704)	Universiti Komprehensif (N= 66,960)	Universiti Teknikal (N= 14,883)	Universiti Berfokus (N= 24,250)
Ijazah pertama	58.6	51.8	72.6	72.9
Diploma	3.9	40.7	16.9	14.8
Sarjana	28.9	6.0	8.1	7.1
PhD	7.3	1.0	2.3	2.5
* Peringkat lain	1.3	0.5	-	2.7

* Termasuk diploma pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.2.4 Keluaran Graduan UA 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2e

Keluaran Graduan 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan









N 138,797

L 50,684

P 88,113

W 133,176

(%)

	Bil.	%	L	W
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	47,481	34.2	29.2	96.0
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	30,739	22.1	52.6	95.5
 Sains, matematik dan komputer	21,098	15.2	36.5	95.3
 Sastera dan kemanusiaan	13,387	9.6	33.0	95.5
 Pendidikan	9,348	6.7	26.3	95.0
 Kesihatan dan kebajikan	7,795	5.6	27.6	97.7
 Perkhidmatan	5,868	4.2	42.8	99.1
 Pertanian dan veterinar	3,081	2.2	45.5	98.2

N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan

- Sebanyak 34.2 peratus graduan UA adalah graduan bidang sains sosial, perniagaan & perundangan, diikuti graduan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (22.1%) dan bidang sains, matematik & komputer sebanyak 15.2 peratus.
- Semua bidang pengajian merekodkan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, sebanyak 52.6 peratus.
- Terdapat tiga (3) bidang pengajian yang mempunyai graduan bukan warganegara 4.5 peratus dan ke atas, iaitu bidang pendidikan (5.0%), sains, matematik & komputer (4.7%) dan sastera & kemanusiaan (4.5%).

2.2.5 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2f

Keluaran Graduan UA Peringkat PhD Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N

4,012

L

2,147









P

1,865

W

2,380

(%)

		Bil.	%	L	W
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan		959	23.9	57.0	54.5
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan		939	23.4	56.4	65.8
 Sains, matematik dan komputer		795	19.8	53.0	53.1
 Pendidikan		494	12.3	49.4	60.1
 Sastera dan kemanusiaan		388	9.7	56.7	49.0
 Kesihatan dan kebajikan		301	7.5	37.2	80.4
 Perkhidmatan		71	1.8	45.1	66.2
 Pertanian dan veterinar		65	1.6	63.1	63.1

N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan


- ▶ Tiga (3) bidang pengajian tertinggi bagi graduan PhD UA ialah sains sosial, perniagaan & perundangan (23.9%), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (23.4%) dan sains, matematik & komputer (19.8%).
- ▶ Bilangan graduan lelaki melebihi perempuan bagi bidang pertanian & veterinar (63.1%), sains sosial, perniagaan & perundangan (57.0%), sastera & kemanusiaan (56.7%), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (56.4%) dan sains, matematik & komputer (53.0%).
- ▶ Bidang sastera & kemanusiaan mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan bukan warganegara UA, iaitu 51.0 peratus.

2.2.6 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebanyak 37.5 peratus graduan PhD UA adalah dalam lingkungan umur 41 tahun & ke atas, diikuti kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (27.9%) dan 36 hingga 40 tahun (26.0%).
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi semua kumpulan umur kecuali kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (45.8%).
- Bagi kumpulan umur 26 hingga 30 tahun, bilangan graduan PhD lelaki dan perempuan adalah hampir setara.

Carta 2.2c

Keluaran Graduan UA Peringkat PhD Tahun 2021
Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.7 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2g









Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 16,373

L 6,572

P 9,801

W 14,080

		(%)			
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	4,485	27.4	39.9	83.1
	Pendidikan	3,036	18.5	25.3	91.8
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2,839	17.3	54.1	79.3
	Kesihatan dan kebajikan	2,565	15.7	40.2	95.8
	Sains, matematik dan komputer	1,786	10.9	39.2	81.2
	Sastera dan kemanusiaan	1,083	6.6	36.6	79.1
	Perkhidmatan	406	2.5	69.5	98.3
	Pertanian dan veterinar	173	1.1	39.3	85.0

N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan


- Peratusan tertinggi graduan sarjana UA adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (27.4%), diikuti bidang pendidikan (18.5%) serta bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 17.3 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi bidang perkhidmatan (69.5%) dan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (54.1%).
- Graduan bukan warganegara peringkat sarjana UA merekodkan peratusan tertinggi dalam bidang sastera & kemanusiaan (20.9%), manakala bidang perkhidmatan merekodkan peratusan terendah, iaitu 1.7 peratus.

2.2.8 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Kebanyakan graduan UA peringkat sarjana adalah dalam lingkungan umur 26 hingga 30 tahun (39.7%), diikuti kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (22.9%) dan 36 hingga 40 tahun sebanyak 16.4 peratus.
- Peratusan graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali 41 tahun & ke atas.

Carta 2.2d

Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.9 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2h









Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 82,300

L 28,343

P 53,957

W 80,614

		(%)			
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	28,217	34.3	27.4	97.5
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	20,328	24.7	50.7	97.7
	Sains, matematik dan komputer	12,532	15.2	33.8	97.8
	Sastera dan kemanusiaan	8,410	10.2	29.3	98.0
	Pendidikan	4,492	5.5	25.8	99.5
	Kesihatan dan kebajikan	4,197	5.1	21.4	99.7
	Perkhidmatan	2,704	3.3	37.5	99.1
	Pertanian dan veterinar	1,420	1.7	37.3	99.6

N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan


- Graduan sains sosial, perniagaan & perundangan merupakan kumpulan terbesar graduan ijazah pertama UA 2021, iaitu 34.3 peratus. Ini diikuti graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (24.7%) dan graduan sains, matematik & komputer sebanyak 15.2 peratus.
- Bilangan graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua bidang pengajian kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan yang mempunyai graduan lelaki sebanyak 50.7 peratus.
- Sebahagian besar graduan bagi semua bidang pengajian adalah warganegara, iaitu antara 97.5 hingga 99.7 peratus.

2.2.10 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebahagian besar, graduan ijazah pertama UA berada dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun (85.5%), diikuti 10.6 peratus berumur antara 26 hingga 30 tahun dan 2.0 peratus berumur 31 hingga 35 tahun.
- Bilangan graduan perempuan melebihi lelaki bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun. Bilangan graduan lelaki mengatasi perempuan bagi kumpulan umur 31 tahun & ke atas.

Carta 2.2e

Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




2.2.11 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021

- Lebih 50.0 peratus graduan ijazah pertama berada dalam julat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 – 3.49, iaitu 51.1 peratus, diikuti 3.50 – 3.69 (19.1%) dan 2.50 – 2.99 sebanyak 16.4 peratus.
- Sebanyak 17.6 peratus graduan peringkat ini memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Sebanyak 11.3 peratus graduan ijazah pertama UA memperoleh PNGK 3.70 – 4.00.

Carta 2.2f

Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021



N= Jumlah graduan

* Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi yang tidak menggunakan sistem PNGK

2.2.12 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2i









Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 34,642

L 13,206

P 21,436

W 34,637

		(%)			
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	13,273	38.3	27.2	100.0
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	6,633	19.1	57.3	100.0
	Sains, matematik dan komputer	5,985	17.3	39.1	99.9
	Sastera dan kemanusiaan	3,506	10.1	38.1	100.0
	Perkhidmatan	2,681	7.7	43.9	100.0
	Pertanian dan veterinar	1,423	4.1	53.6	100.0
	Kesihatan dan kebajikan	624	1.8	14.9	100.0
	Pendidikan	517	1.5	16.1	100.0

N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan


- ▶ Tiga (3) kumpulan terbesar graduan diploma adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (38.3%), bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (19.1%) dan bidang sains, matematik & komputer sebanyak 17.3 peratus.
- ▶ Dua (2) bidang pengajian mempunyai graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (57.3%) dan bidang pertanian & veterinar (53.6%).
- ▶ Hampir semua bidang pengajian merekodkan 100.0 peratus graduan warganegara kecuali bidang sains, matematik & komputer (99.9%).

2.2.13 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebahagian besar graduan diploma UA adalah dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun (90.5%), diikuti umur 19 hingga 20 tahun (6.9%) dan selebihnya (2.5%) berumur 26 tahun & ke atas.
- Bagi kumpulan umur 25 tahun & ke bawah, majoriti adalah graduan perempuan (melebihi 60 peratus). Bagi kumpulan lain pula, bilangan graduan lelaki mengatasi perempuan.

Carta 2.2g

Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




2.2.14 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2021

- Sebanyak 49.7 peratus graduan diploma UA memperoleh PNGK 3.00 – 3.49, diikuti 3.50 – 3.69 (19.9%) dan 2.50 – 2.99 (16.1%). Manakala 17.0 peratus graduan memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Peratus graduan yang berada dalam julat PNGK 3.70 – 4.00 adalah sebanyak 13.5 peratus.

Carta 2.2h

Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2021



2.3 Keluaran Graduan IPTS 2021

2.3.1 Keluaran Graduan IPTS 2021 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

- Peringkat ijazah pertama merupakan keluaran terbesar IPTS bertaraf universiti dan kampus cawangan universiti luar negara, iaitu masing-masing 68.9 peratus (38,813 graduan) dan 89.6 peratus (5,742 graduan).
- Bagi IPTS bertaraf kolej universiti dan kolej & lain-lain, peratusan tertinggi ialah peringkat diploma, iaitu masing-masing 60.5 peratus dan 76.7 peratus.

Jadual 2j

Keluaran Graduan IPTS 2021 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

(%)

Peringkat pengajian	Universiti (N= 56,323)	Kolej Universiti (N= 23,106)	Kolej dan lain-lain (N= 31,442)	Kampus Cawangan Universiti Luar Negara (N= 6,409)
PhD	0.8	0.04	-	1.6
Sarjana	9.7	1.2	1.7	7.4
Ijazah pertama	68.9	36.6	17.4	89.6
Diploma	19	60.5	76.7	1.2
Sijil	0.2	0.5	3.3	-
* Peringkat lain	1.5	1.2	0.9	0.3

N= Jumlah graduan


* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.3.2 Keluaran Graduan IPTS 2021 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Sebanyak 49.9 peratus keluaran IPTS adalah peringkat ijazah pertama, diikuti diploma (41.6%), sarjana (5.7%) dan sijil (1.1%). Graduan peringkat PhD dan peringkat lain masing-masing mewakili 0.5 peratus dan 1.2 peratus daripada jumlah keluaran IPTS tahun 2021.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi peringkat PhD dan sarjana, iaitu masing-masing 59.1 peratus dan 52.6 peratus.
- Bagi graduan PhD dan sarjana, sebanyak 48.5 peratus dan 34.3 peratus merupakan graduan bukan warganegara.

Carta 2.3a

Keluaran Graduan IPTS 2021 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



N = Jumlah graduan
 L = Lelaki
 P = Perempuan
 W = Warganegara
 BW = Bukan warganegara

* Termasuk diploma pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.3.3 Keluaran Graduan IPTS 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2k

Keluaran Graduan IPTS 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan









N 117,280

L 52,139

P 65,141

W 107,389

(%)

	Bil.	%	L	W
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	51,959	44.3	40.0	90.7
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	14,317	12.2	72.0	87.5
 Sains, matematik dan komputer	11,560	9.9	70.7	88.6
 Perkhidmatan	10,940	9.3	47.7	92.6
 Pendidikan	9,892	8.4	12.0	97.6
 Sastera dan kemanusiaan	9,532	8.1	45.2	94.3
 Kesihatan dan kebajikan	8,766	7.5	22.4	96.1
 Pertanian dan veterinar	314	0.3	66.2	99.7

N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan








- Kumpulan terbesar graduan IPTS adalah bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (44.3%), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (12.2%) dan sains, matematik & komputer (9.9%).
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan bidang sains, matematik & komputer.
- Dua (2) bidang pengajian yang merekodkan graduan bukan warganegara melebihi 10.0 peratus ialah kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (12.5%) dan bidang sains, matematik & komputer (11.4%).

2.3.4 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 21

Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




		(%)			
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	202	36.9	59.9	42.6
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	158	28.8	67.1	54.4
	Pendidikan	61	11.1	49.2	73.8
	Sains, matematik dan komputer	58	10.6	60.3	44.8
	Kesihatan dan kebajikan	36	6.6	36.1	63.9
	Sastera dan kemanusiaan	23	4.2	56.5	65.2
	Perkhidmatan	10	1.8	60.0	10.0

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- › Tiga (3) bidang pengajian tertinggi bagi graduan PhD di IPTS ialah sains sosial, perniagaan & perundangan (36.9%), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (28.8%) serta pendidikan (11.1%).
- › Graduan lelaki melebihi perempuan bagi semua bidang pengajian kecuali pendidikan dan bidang kesihatan & kebajikan.
- › Sebahagian besar graduan bidang perkhidmatan adalah bukan warganegara, iaitu sebanyak 90.0 peratus.

2.3.5 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Peratusan tertinggi graduan PhD adalah berada dalam lingkungan umur 41 tahun & ke atas (40.5%). Ini diikuti kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (23.4%) dan kumpulan umur 36 hingga 40 tahun (20.4%).
- Semua kumpulan umur merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan.



2.3.6 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2m

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan








N 6,734

L 3,540

P 3,194

W 4,424

(%)

	Bil.	%	L	W
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	4,739	70.4	55.8	62.5
 Pendidikan	607	9.0	20.6	80.7
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	460	6.8	66.7	68.5
 Sains, matematik dan komputer	273	4.1	64.8	53.5
 Kesihatan dan kebajikan	258	3.8	28.3	85.3
 Sastera dan kemanusiaan	223	3.3	48.0	79.8
 Perkhidmatan	174	2.6	60.9	66.1

N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan


- Majoriti graduan sarjana IPTS adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (70.4%), diikuti pendidikan (9.0%) dan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (6.8%).
- Hampir semua bidang merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan kecuali bidang pendidikan, kesihatan & kebajikan serta bidang sastera & kemanusiaan.
- Sebanyak 46.5 peratus graduan bidang sains, matematik & komputer adalah bukan warganegara. Manakala bagi lain-lain bidang, peratusan bukan warganegara adalah antara 19.3 hingga 37.5 peratus.

2.3.7 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Peratusan tertinggi graduan sarjana IPTS adalah dalam kumpulan umur 26 hingga 30 tahun (29.4%), diikuti 41 tahun & ke atas (20.8%) dan 31 hingga 35 tahun (19.9%).
- Peratusan keluaran graduan lelaki tidak menunjukkan perbezaan ketara berbanding graduan perempuan bagi semua kumpulan umur, iaitu antara 48.5 hingga 57.9 peratus. Bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun, peratusan graduan lelaki adalah hampir sama, iaitu masing-masing sebanyak 48.5 peratus dan 48.8 peratus.

Carta 2.3c

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2021
Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.3.8 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2n









Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 58,476

L 27,103

P 31,373

W 52,136

		(%)			
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	27,332	46.7	38.6	90.3
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	10,388	17.8	70.1	85.6
	Sains, matematik dan komputer	7,082	12.1	68.2	85.1
	Kesihatan dan kebajikan	4,206	7.2	28.1	93.7
	Sastera dan kemanusiaan	3,662	6.3	41.0	89.7
	Pendidikan	2,948	5.0	13.3	98.3
	Perkhidmatan	2,774	4.7	47.0	83.7
	Pertanian dan veterinar	84	0.1	61.9	100.0


N = Jumlah graduan
W = Warganegara

L = Lelaki
P = Perempuan

- Peratusan tertinggi graduan ijazah pertama IPTS adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (46.7%), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (17.8%) dan bidang sains, matematik & komputer (12.1%).
- Tiga (3) bidang pengajian yang mencatatkan graduan lelaki melebihi perempuan ialah kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, bidang sains, matematik & komputer, dan bidang pertanian & veterinar.
- Semua bidang pengajian menunjukkan peratusan graduan warganegara melebihi graduan bukan warganegara, iaitu 83.7 peratus dan ke atas.

2.3.9 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebahagian besar graduan IPTS peringkat ijazah pertama berada dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun, iaitu sebanyak 82.4 peratus.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali kumpulan 26 hingga 30 tahun.




2.3.10 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021

- Kebanyakan graduan ijazah pertama IPTS memperoleh PNGK dalam julat 3.00 – 3.49 (36.3%) dan 2.50 – 2.99 (22.2%).
- Sebanyak 25.6 peratus (15,001 graduan) memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Terdapat 10.3 peratus (5,999 graduan) berada dalam julat PNGK 3.70 – 4.00.

Carta 2.3e

Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2021



N= Jumlah graduan

* Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian, farmasi dan program di IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK

2.3.11 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2o

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 48,845

L 20,246

P 28,599

W 47,941

(%)

	Bil.	%	L	W
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	18,848	38.6	37.6	98.5
 Perkhidmatan	7,911	16.2	47.6	96.4
 Sastera dan kemanusiaan	5,530	11.3	47.6	97.9
 Pendidikan	5,419	11.1	8.0	99.6
 Sains, matematik dan komputer	4,064	8.3	75.7	97.6
 Kesihatan dan kebajikan	3,686	7.5	16.5	99.5
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	3,157	6.5	79.0	97.6
 Pertanian dan veterinar	230	0.5	67.8	99.6

N = Jumlah graduan
W = Warganegara


L = Lelaki
P = Perempuan

- ▶ Tiga (3) bidang pengajian yang merekodkan peratusan tertinggi bagi graduan diploma IPTS ialah bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (38.6%), bidang perkhidmatan (16.2%) dan bidang sastera & kemanusiaan (11.3%).
- ▶ Graduan perempuan mewakili 58.6 peratus (28,599 graduan) daripada jumlah graduan diploma IPTS tahun 2021.
- ▶ Terdapat tiga (3) bidang pengajian yang merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, bidang sains, matematik & komputer dan pertanian & veterinar.
- ▶ Semua bidang pengajian menunjukkan sebahagian besar graduannya adalah warganegara dengan peratusan melebihi 95.0 peratus.

2.3.12 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Majoriti graduan diploma IPTS adalah dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun (67.8%), diikuti kumpulan umur 19 hingga 20 tahun (27.9%) dan 26 hingga 30 tahun (1.9%). Sebanyak 2.3 peratus sahaja yang berumur melebihi 30 tahun.
- Peratusan graduan perempuan melebihi lelaki dalam semua kumpulan umur kecuali 26 hingga 30 tahun.

Carta 2.3f Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2021 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.3.13 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2021

- Peratusan tertinggi graduan diploma IPTS berada dalam julat PNGK 3.00 – 3.49 (41.4%), diikuti 2.50 – 2.99 (24.6%) dan 3.50 – 3.69 (14.7%).
- Sebanyak 28.8 peratus graduan diploma IPTS memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Terdapat 12.1 peratus memperoleh PNGK dalam julat 3.70 – 4.00.

Carta 2.3g

Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2021




N= Jumlah graduan

* Lulus – merujuk kepada program di IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK

2.4 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2021

2.4.1 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Carta 2.4a Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina









N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

- Pada tahun 2021, keluaran politeknik adalah seramai 26,507 graduan dengan 99.0 peratus adalah peringkat diploma. Peratusan graduan lelaki melebihi perempuan bagi semua peringkat pengajian tetapi tidak menunjukkan perbezaan ketara kecuali bagi peringkat sijil, iaitu 63.3 peratus adalah lelaki.
- Bagi kolej komuniti, sebanyak 99.6 peratus merupakan graduan peringkat sijil dan selebihnya adalah diploma. Kedua-dua peringkat pengajian juga merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan.

2.4.2 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

Jadual 2p

Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2021 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

	Politeknik N= 26,507	Kolej komuniti N= 8,990
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	54.9% (14,550) L=66.0%	39.7% (3,573) L=78.8%
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	24.9% (6,607) L=24.9%	4.9% (440) L=30.5%
 Perkhidmatan	7.4% (1,967) L=28.3%	26.4% (2,374) L=32.6%
 Sains, matematik dan komputer	5.9% (1,568) L=49.0%	14.7% (1,325) L=51.6%
 Sastera dan kemanusiaan	3.7% (981) L=44.3%	12.8% (1,147) L=23.5%
 Pertanian dan veterinar	3.1% (834) L=49.9%	1.5% (131) L=64.9%


N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

- Kumpulan terbesar graduan politeknik dan kolej komuniti adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu masing-masing 54.9 peratus dan 39.7 peratus.
- Peratusan kedua tertinggi bagi politeknik adalah bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (24.9%) dan bagi kolej komuniti pula adalah perkhidmatan (26.4%).
- Hampir semua bidang pengajian di politeknik, graduan perempuan melebihi lelaki kecuali kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Bagi kolej komuniti pula, terdapat tiga (3) bidang mencatatkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (78.8%), pertanian & veterinar (64.9%) dan bidang sains, matematik & komputer (51.6%).

2.4.3 Pencapaian Akademik Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2021

Carta 2.4b

Pencapaian Akademik Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2021



N= Jumlah graduan

- Peratusan tertinggi graduan politeknik adalah dalam julat PNGK 3.00 – 3.49 (41.3%), diikuti PNGK 2.50 – 2.99 (33.3%) dan 3.50 – 3.69 (11.3%). Terdapat 6.0 peratus memperoleh PNGK antara 3.70 – 4.00. Umumnya, sebanyak 41.4 peratus graduan politeknik memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Bagi graduan kolej komuniti pula, peratusan tertinggi adalah dalam julat PNGK 3.70 – 4.00 (48.6%), diikuti 3.50 – 3.69 (25.6%) dan 3.00 – 3.49 (22.0%). Hanya sebilangan kecil graduan kolej komuniti memperoleh PNGK kurang daripada 3.00 (3.7%).

2.5 Keluaran Graduan Institusi di bawah lain-lain Kementerian 2021

2.5.1 Keluaran Graduan 2021 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

- Keluaran kolej vokasional adalah 100.0 peratus graduan peringkat diploma, diikuti graduan IPT lain dan ILKA MOTAC, masing-masing 92.8 peratus dan 54.3 peratus.
- Bagi ILKA KKR, 100.0 peratus adalah graduan peringkat sijil, diikuti graduan ILKBS dan ILKAP MAFI, masing-masing 85.9 peratus (2,153 graduan) dan 84.5 peratus (1,038 graduan). Begitu juga bagi ILKA KPLB dan ILKA KSM, majoriti merupakan graduan sijil, iaitu masing-masing 75.8 dan 83.8 peratus.
- Graduan peringkat ijazah pertama di IPT lain, iaitu sebanyak 1.2 peratus (49 graduan) merupakan keluaran Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Jadual 2q

Keluarannya Graduan 2021 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Ijazah pertama	Diploma lanjutan	Diploma	Sijil	Profesional
ILKA KPLB	14,192	-	0.0	24.2	75.8	-
Kolej vokasional	10,628	-	-	100.0	-	-
ILKA KSM	5,497	-	0.8	15.4	83.8	-
IPT lain	3,974	1.2	-	92.8	4.8	1.1
ILKA KKR	3,854	-	-	-	100.0	-
ILKBS	2,507	-	-	14.1	85.9	-
ILKAP MAFI	1,228	-	-	15.5	84.5	-
ILKA MOTAC	92	-	-	54.3	45.7	-
Keseluruhan	41,972	0.1	0.1	45.7	53.9	0.1

2.5.2 Keluaran Graduan 2021 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

- Semua graduan ILKA MOTAC (92 graduan) adalah graduan bidang sastera & kemanusiaan. Manakala, majoriti institusi lain menghasilkan graduan tertinggi dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dengan peratusan antara 59.6 hingga 99.8 peratus.
- Bagi IPT lain dan ILKAP MAFI, peratusan tertinggi adalah masing-masing dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (76.3%) dan bidang pertanian & veterinar (82.7%).
- Hanya ILKBS & kolej vokasional mempunyai graduan bidang kesihatan & kebajikan, iaitu masing-masing 1.3 peratus dan 1.7 peratus.

Jadual 2r

Keluaran Graduan 2021 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

(%)

Jenis IPT	Jumlah graduan	Pendidikan	Sastera dan kemanusiaan	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	Sains, matematik dan komputer	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Pertanian dan veterinar	Kesihatan dan kebajikan	Perkhidmatan
ILKA KPLB	14,192	0.1	5.2	-	5.0	81.6	0.1	-	8.0
Kolej vokasional	10,628	-	3.6	18.1	4.5	59.6	1.5	1.7	11.1
ILKA KSM	5,497	11.4	3.1	-	4.5	81.0	-	-	-
18	Aktiviti hartanah	1,746	1.0
19	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	1,119	0.6
20	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	753	0.4
21	Perlombongan dan pengkuarian	552	0.3
Jumlah		176,256	100

BAB 5


BAHAGIAN II
GRADUAN (WARGANEGARA) 2021 YANG BELUM BEKERJA

GRADUAN (WARGANEGARA) 2021 YANG BELUM BEKERJA

Kadar Belum Bekerja




Taburan Graduan Belum Bekerja Mengikut Jantina



Sebab Utama Belum Bekerja


Sebab belum bekerja	2020 (%)	2021 (%)
Sedang mencari pekerjaan	72.8	73.2
Berehat/melancong/bercuti	6.7	7.5
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	6.0	6.8
Tanggungjawab terhadap keluarga	4.5	4.3
Memilih untuk tidak bekerja	2.3	2.1
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	1.5	1.7
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)	1.5	1.5
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	0.4	1.1
Tidak berminat untuk bekerja	0.8	0.4
Lain-lain	3.6	1.2

Kadar Belum Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian




* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

Kadar Belum Bekerja Mengikut Negeri Bermastautin (5 Tertinggi)



Kadar Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian




GRADUAN (WARGANEGARA) 2021 YANG BELUM BEKERJA

Bab ini membincangkan graduan warganegara tahun 2021 yang belum bekerja mengikut jenis IPT, peringkat pengajian, bidang pengajian, negeri bermastautin dan kumpulan pendapatan bulanan keluarga. Di samping itu, turut dipaparkan sebab belum bekerja mengikut jenis IPT, kekerapan menghadiri temu duga dan sumber mendapatkan maklumat pekerjaan bagi graduan yang aktif mencari pekerjaan.

5.1 Sebab Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan 2021

- ▶ Pada tahun 2021, seramai 41,467 graduan berstatus belum bekerja. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar (73.2%; 30,369 graduan) sedang mencari pekerjaan.
- ▶ Seterusnya sebanyak 7.5 peratus atau 3,129 graduan memilih untuk berehat/melancong/bercuti dan 6.8 peratus (2,830 graduan) pula sedang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian.
- ▶ Terdapat juga graduan memilih untuk tidak bekerja dan tidak berminat untuk bekerja, iaitu masing-masing 2.1 peratus dan 0.4 peratus. Walau bagaimanapun, bilangan ini amat kecil berbanding mereka yang aktif mencari pekerjaan.
- ▶ Terdapat 4.3 peratus graduan menyatakan sebab tidak bekerja kerana tanggungjawab terhadap keluarga.


Carta 5.1a Sebab Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan 2021



n= Jumlah responden

5.2 Kadar Belum Bekerja Graduan 2021

5.2.1 Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT




n= Jumlah responden

- Kadar belum bekerja terendah adalah graduan kolej komuniti, iaitu 5.2 peratus (437 graduan), diikuti graduan politeknik (6.3%; 1,561 graduan) dan UA (11.8%; 14,595 graduan). Bagi IPTS yang mempunyai jumlah graduan kedua terbesar, kadar belum bekerja adalah sebanyak 19.7 peratus (18,391 graduan).
- Terdapat dua (2) IPT mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 30.0 peratus, iaitu ILKAP MAFI (33.7%; 388 graduan) dan ILKA MOTAC (55.0%; 22 graduan).

5.2.2 Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 5.2b

Kadar Belum Bekerja Graduan 2021
Mengikut Peringkat Pengajian




n= Jumlah responden

- Graduan ijazah pertama merekodkan kadar belum bekerja tertinggi (15.5%; 18,868 graduan), diikuti diploma lanjutan (15.0%; 32 graduan), sijil (14.7%; 4,121 graduan), diploma (14.6%; 16,807 graduan) dan diploma pascasiswazah (10.9%; 194 graduan).
- Graduan PhD, sijil pascasiswazah, sarjana dan profesional mencatatkan kadar belum bekerja kurang daripada 10.0 peratus iaitu antara 6.9 hingga 8.8 peratus.

5.2.3 Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Jantina

Carta 5.2c

Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Jantina



- › Kadar belum bekerja bagi graduan lelaki adalah 13.0 peratus manakala graduan perempuan adalah 15.6 peratus.

n= Jumlah responden

Jadual 5a

Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Jantina dan Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Lelaki		Perempuan	
	n	Kadar belum bekerja	n	Kadar belum bekerja
Pertanian dan veterinar	2,599	18.7% (486)	2,582	19.4% (502)
Perkhidmatan	7,937	17.0% (1,351)	12,315	18.9% (2,328)
Sastera dan kemanusiaan	8,637	15.8% (1,364)	15,138	17.5% (2,655)
Pendidikan	3,328	11.3% (375)	14,577	17.5% (2,551)
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	29,364	14.6% (4,277)	64,724	16.0% (10,388)
Kesihatan dan kebajikan	3,450	13.9% (481)	10,944	15.0% (1,646)
Sains, matematik dan komputer	14,845	12.6% (1,869)	17,231	13.0% (2,244)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	52,172	10.8% (5,655)	26,456	12.5% (3,295)


- › Setiap bidang pengajian merekodkan kadar belum bekerja graduan perempuan melebihi lelaki, iaitu antara 0.4 peratus hingga 6.2 peratus.
- › Perbezaan peratusan tertinggi direkodkan oleh graduan bidang pendidikan, iaitu sebanyak 6.2 peratus (lelaki: 11.3%; perempuan: 17.5%).
- › Perbezaan kadar belum bekerja terendah (0.4 peratus) pula direkodkan oleh graduan sains, matematik & komputer, iaitu sebanyak 12.6 peratus bagi graduan lelaki dan 13.0 peratus bagi perempuan.

n= Jumlah responden

5.2.4 Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Bidang Pengajian

Carta 5.2d

Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Bidang Pengajian



n= Jumlah responden


- ▶ Graduan bidang pertanian & veterinar merekodkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu 19.1 peratus (988 graduan), diikuti graduan bidang perkhidmatan (18.2%; 3,679 graduan).
- ▶ Terdapat tiga (3) bidang yang mencatatkan kadar belum bekerja kurang daripada 15.0 peratus, iaitu bidang kesihatan & kebajikan (14.8%; 2,127 graduan), sains, matematik & komputer (12.8%; 4,113 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (11.4%; 8,950 graduan).

5.2.5 Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Negeri Bermastautin

- Terdapat empat (4) negeri yang mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 17.0 peratus, iaitu graduan yang bermastautin di Sabah (21.8%; 3,580 graduan), diikuti Kelantan (19.8%; 3,429 graduan), Sarawak (17.3%; 2,995 graduan) dan Perak (17.1%; 3,754 graduan).
- Graduan di Wilayah Persekutuan Putrajaya pula merekodkan kadar belum bekerja terendah, iaitu 8.5 peratus (139 graduan).
- Terdapat lima (5) negeri yang merekodkan jumlah melebihi 20 ribu graduan, iaitu Selangor, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kedah. Kadar belum bekerja bagi graduan di Selangor ialah 11.5 peratus, Johor (13.1%), Perak (17.1%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (11.6%) dan Kedah sebanyak 15.3 peratus.

Carta 5.2e

Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Negeri Bermastautin



n= Jumlah responden

Nota:

- 1) Seramai 18 graduan bermastautin di luar negara. Kadar belum bekerja ialah 10.1 peratus
- 2) Seramai 41 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

5.3 Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

Jadual 5b

Kadar Belum Bekerja Graduan 2021 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

Pendapatan bulanan keluarga	n	%
RM4,000 dan ke bawah	188,362	16.0% (30,137)
RM1,000 dan ke bawah	34,249	19.1% (6,548)
RM1,001 – RM2,000	69,614	16.9% (11,754)
RM2,001 – RM3,000	51,297	14.3% (7,322)
RM3,001 – RM4,000	33,202	13.6% (4,513)
RM4,001 – RM8,500	65,541	12.1% (7,931)
RM4,001 – RM5,000	25,420	12.7% (3,220)
RM 5,001 – RM8,500	40,121	11.7% (4,711)
RM8,501 dan ke atas	31,931	10.5% (3,358)

n= Jumlah responden


Nota: Seramai 41 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

- Kadar belum bekerja tertinggi adalah dari graduan dalam kategori RM4,000 & ke bawah, iaitu sebanyak 16.0 peratus. Bagi kategori tersebut, graduan dalam kumpulan pendapatan bulanan keluarga RM1,000 & ke bawah adalah 19.1 peratus, diikuti RM1,001 – RM2,000 sebanyak 16.9 peratus.
- Graduan dengan pendapatan keluarga antara RM5,001 – RM8,500 dan yang melebihi RM8,500 mempunyai kadar belum bekerja terendah, iaitu masing-masing 11.7 peratus dan 10.5 peratus.

5.4 Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2021 yang Belum Bekerja

Carta 5.3a

Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2021 yang Belum Bekerja



n= Jumlah responden

Nota:

- 1) Melibatkan graduan yang menyatakan sebab belum bekerja adalah sedang mencari pekerjaan
- 2) Seramai 966 tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

- Sebanyak 68.1 peratus graduan pernah menghadiri temu duga pekerjaan dengan 37.2 peratus merekodkan antara dua (2) hingga empat (4) kali, 22.0 peratus menghadiri satu (1) sesi temu duga dan 8.9 peratus lima (5) kali & ke atas.
- Sebanyak 31.9 peratus graduan yang aktif mencari pekerjaan tidak pernah menghadiri temu duga.

5.5 Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2021 yang Belum Bekerja

- Sumber graduan mendapatkan maklumat pekerjaan adalah portal pekerjaan (51.2%), media sosial (41.4%) dan media cetak (2.0%).

Jadual 5c

Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2021 yang Belum Bekerja

Jenis IPT	Jumlah responden	Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan (%)						
		Portal Pekerjaan (MYFutureJobs, JobStreet dll)	Media sosial	Media cetak	Unit/Pusat Kaunseling/ Kerjaya	Pensyarah/ Penasihat Akademik	Media elektronik (TV/radio)	Lain-lain
IPTS	12,669	53.1	40.1	1.5	1.2	0.9	0.6	2.6
UA	10,851	62.5	33.3	1.1	0.8	0.6	0.5	1.3
ILKA KPLB	1,505	17.2	62.7	7.8	0.9	1.1	1.5	8.8
Kolej vokasional	1,269	23.8	62.7	3.0	1.7	2.2	2.0	4.6
Politeknik	1,077	45.3	46.0	1.8	0.8	1.2	0.6	4.3
ILKA KSM	748	27.4	55.6	8.0	1.9	1.2	1.7	4.1
ILKBS	336	19.3	67.3	5.1	-	0.6	2.4	5.4
ILKAP MAFI	324	25.9	63.6	1.9	1.9	2.2	0.3	4.3
Kolej komuniti	317	19.2	70.7	3.2	1.9	-	1.9	3.2
IPT lain	168	39.9	52.4	0.6	0.6	-	0.6	6.0
ILKA KKR	119	16.8	67.2	3.4	0.8	4.2	0.8	6.7
ILKA MOTAC	20	10.0	45.0	10.0	-	20.0	-	15.0
Keseluruhan	29,403	51.2	41.4	2.0	1.0	0.9	0.7	2.7

Nota:

- 1) Melibatkan graduan yang menyatakan sebab belum bekerja adalah sedang mencari pekerjaan
- 2) Seramai 966 tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

BAB 6


BAHAGIAN II

GRADUAN 2021 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN


- **Graduan Warganegara**
- **Graduan Bukan Warganegara**

GRADUAN WARGANEGARA 2020-2021 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

Kadar Melanjutkan Pengajian



Taburan Graduan yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina



Taburan Graduan yang Melanjutkan Pengajian Dalam Bidang yang Sama Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	2020 (%)		2021 (%)	
	n	Bidang yang sama	n	Bidang yang sama
PhD	48	75.0	107	82.2
Sarjana	1,253	86.3	1,569	84.1
Ijazah pertama	7,849	83.6	9,867	84.5
Diploma	38,459	85.8	45,293	84.9
Sijil	7,276	83.1	7,206	84.1
* Peringkat lain	245	91.0	357	88.5
Keseluruhan	55,130	85.2	64,399	84.7

* Termasuk diploma lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah dan profesional

Kadar Graduan Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT



n= Jumlah responden

Sebab UTAMA Melanjutkan Pengajian

Sebab UTAMA melanjutkan pengajian	2020 (n=54,319) (%)	2021 (n=62,910) (%)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	31.9	33.6
Minat yang mendalam mencari ilmu	22.3	24.3
Prospek kerjaya yang lebih baik	16.3	16.1
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	16.6	14.5
Dorongan Keluarga	7.7	6.0
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	2.0	1.6
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	1.3	1.2
Lain-lain	0.5	0.4

Nota: Seramai 1,489 graduan 2021 tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0).


GRADUAN 2021 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

Bab ini memaparkan maklumat kecenderungan graduan tahun 2021 yang melanjutkan pengajian setelah mereka menamatkan pengajian di institusi masing-masing. Graduan yang melanjutkan pengajian terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu graduan warganegara dan bukan warganegara. Merujuk kepada definisi *The National Graduate Employability Blueprint 2012 – 2017*, kadar kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE) adalah termasuk status melanjutkan pengajian. Terdapat seramai 53,770 graduan atau sebanyak 18.8 peratus daripada 286,299 responden warganegara tahun 2021 tergolong dalam kategori ini.

Bab ini juga merangkumi analisis kecenderungan graduan memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Selain itu, bab ini juga memberi gambaran graduan yang berstatus bekerja, sedang meningkat kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Merujuk kepada analisis yang dipaparkan, sebanyak 22.5 peratus graduan warganegara (64,399 graduan) tahun 2021 telah melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi berbanding 21.1 peratus (55,130 graduan) pada tahun 2020. Menerusi analisis di dalam bab ini, gambaran menyeluruh peratusan graduan melanjutkan pengajian meningkat berbanding tahun 2020 adalah disebabkan beberapa faktor iaitu meningkatkan tahap kelayakan akademik, minat yang mendalam mencari ilmu, meningkatkan peluang mendapat pekerjaan dan mendapatkan prospek kerjaya yang lebih baik. Alasan-alasan ini menjadi faktor utama graduan melanjutkan pengajian, diikuti dengan pasaran kerja yang masih kurang stabil ekoran krisis COVID-19.

6.1 Graduan Warganegara 2021 yang Melanjutkan Pengajian

6.1.1 Graduan 2021 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT



n= Jumlah responden


Jenis IPT	Jumlah responden	Kadar Melanjutkan Pengajian
Kolej komuniti	8,470	25.9% (2,195)
ILKA KSM	4,970	24.8% (1,234)
ILKA KPLB	13,862	24.5% (3,400)
Politeknik	24,640	23.1% (5,680)
UA	123,362	22.5% (27,812)
IPTS	93,238	21.3% (19,873)
ILKAP MAFI	1,150	18.8% (216)
ILKBS	2,473	15.4% (380)
ILKA KKR	538	12.5% (67)
Kolej vokasional	9,607	10.7% (1,027)
ILKA MOTAC	40	7.5% (3)
IPT lain	3,949	63.6% (2,512)
Keseluruhan	286,299	22.5% (64,399)

- Sebanyak 64,399 graduan atau 22.5 peratus graduan tahun 2021 melanjutkan pengajian selepas bergraduasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43.6 peratus merupakan graduan lelaki dan selebihnya adalah perempuan.
- Kadar melanjutkan pengajian bagi graduan lelaki ialah 22.9 peratus (28,061 graduan). Manakala bagi graduan perempuan ialah sebanyak 22.2 peratus atau 36,338 graduan daripada 163,967 graduan.
- Kadar tertinggi melanjutkan pengajian dicatatkan oleh graduan IPT lain iaitu 63.6 peratus (terdiri daripada Kolej Profesional MARA, ASWARA, INSPENS dan IPDAS, iaitu di bawah pengurusan kementerian lain/kerajaan negeri). Ini diikuti graduan kolej komuniti (25.9%), ILKA KSM (24.8%) dan ILKA KPLB sebanyak 24.5 peratus.

6.1.2 Graduan 2021 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)

Carta 6.1b

Graduan 2021 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)



n= Jumlah responden

* Peringkat diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

- ▶ Graduan peringkat diploma merekodkan peratusan tertinggi melanjutkan pengajian dengan 70.3 peratus, diikuti graduan ijazah pertama (15.3%) dan graduan sijil sebanyak 11.2 peratus.
- ▶ Manakala graduan PhD dan peringkat lain merekodkan peratusan melanjutkan pengajian kurang daripada 1.0 peratus, masing-masing 0.2 peratus dan 0.6 peratus.

6.1.3 Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan 2021

- Graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 66.5 peratus (42,854 graduan), diikuti diploma/tahap 4 (12.6%; 8,134 graduan) dan sarjana (9.8%; 6,285 graduan).




n= Jumlah responden

6.1.4 Tumpuan Utama bagi Graduan 2021 yang Melanjutkan Pengajian

Carta 6.1d

Tumpuan Utama bagi Graduan 2021 yang Melanjutkan Pengajian



n= Jumlah responden

Nota: Memaparkan dua (2) peringkat pengajian lanjutan yang mencatatkan peratusan tertinggi iaitu graduan PhD dan diploma

- Peratusan graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat PhD ialah sebanyak 84.1 peratus
- Graduan diploma merekodkan peratusan tertinggi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 91.2 peratus.
- Sebanyak 71.3 peratus graduan sarjana melanjutkan pengajian ke peringkat PhD manakala 22.8 peratus ke peringkat sarjana.
- Graduan sijil yang melanjutkan pengajian ke peringkat diploma adalah sebanyak 70.0 peratus.









6.1.5 Bidang Pengajian Lanjutan Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen) bagi Graduan 2021

- Sebanyak 27.6 peratus atau 29 graduan peringkat PhD melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan, diikuti bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (23.8%; 25 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (16.2%; 17 graduan).
- Graduan peringkat sarjana, ijazah pertama dan diploma merekodkan peratusan tertinggi graduan melanjutkan pengajian dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan, iaitu masing-masing 25.7 peratus (400 graduan), 35.4 peratus (3,366 graduan) dan 34.8 peratus (15,600 graduan). Diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan bagi peringkat sarjana (17.1%; 266 graduan) dan diploma (22.1%; 9,885 graduan) manakala bagi peringkat ijazah pertama ialah bidang sains, matematik & komputer (19.3%; 1,834 graduan).
- Manakala bagi graduan peringkat sijil, bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (45.9%; 2,507 graduan) menjadi pilihan utama graduan.

Jadual 6a

Bidang Pengajian Lanjutan Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen) bagi Graduan 2021

(%)

Bidang pengajian (lanjutan)	Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)					
	PhD (n= 105)	Sarjana (n= 1,554)	Ijazah pertama (n= 9,518)	Diploma (n= 44,802)	Sijil (n= 5,466)	* Peringkat lain (n= 343)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	23.8	25.7	35.4	34.8	11.0	50.4
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	16.2	17.1	13.5	22.1	45.9	1.7
 Sains, matematik dan komputer	9.5	14.1	19.3	17.5	13.8	7.3
 Pendidikan	27.6	16.5	11.3	9.4	10.8	22.4
 Perkhidmatan	1.0	3.4	7.5	6.3	11.8	12.0
 Sastera dan kemanusiaan	13.3	6.0	8.1	6.2	1.9	2.6
 Kesihatan dan kebajikan	7.6	16.4	3.8	1.9	1.1	3.2
 Pertanian dan veterinar	1.0	0.7	1.0	1.8	3.7	0.3

n= Jumlah responden

Nota: Tidak termasuk graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat sijil dan kursus jangka pendek

* Termasuk diploma lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah dan profesional (peringkat pengajian semasa konvokesyen)

6.1.6 Graduan 2021 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Jadual 6b

Graduan 2021 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	Bil. responden	Bidang yang sama	
		Bil.	%
PhD	107	88	82.2
Sarjana	1,569	1,319	84.1
Ijazah pertama	9,867	8,340	84.5
Diploma	45,293	38,450	84.9
Sijil	7,206	6,060	84.1
* Peringkat lain	357	316	88.5
Keseluruhan	64,399	54,573	84.7

➤ Sebahagian besar graduan 2021 yang melanjutkan pengajian memilih bidang yang sama, iaitu 84.7 peratus (54,573 graduan).

➤ Semua peringkat pengajian mencatatkan kadar melebihi 80.0 peratus memilih melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama.

Nota: Tidak termasuk graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat sijil dan kursus jangka pendek

* Termasuk diploma lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah dan profesional (peringkat pengajian semasa konvokesyen)

6.1.7 Tempat Graduan 2021 Melanjutkan Pengajian

Carta 6.1e

Tempat Graduan 2021 Melanjutkan Pengajian

	(%)	
UA	94.8	UA
	3.4	IPTS
IPTS	83.5	IPTS
	9.9	UA
Politeknik	82.3	UA
	10.4	IPTS
Kolej komuniti	74.5	Politeknik
	7.6	Kolej komuniti
ILKA KSM	86.8	ILKA KSM
	3.0	UA
ILKBS	58.7	ILKBS
	24.7	ILKA KSM
ILKAP MAFI	71.8	ILKAP MAFI
	13.0	UA
ILKA MOTAC	66.7	ILKA MOTAC
	33.3	UA
Kolej vokasional	46.3	UA
	30.5	IPTS
ILKA KPLB	44.3	ILKA KPLB
	21.9	IPTS
ILKA KKR	56.7	ILKA KKR
	9.0	ILKA KPLB
IPT lain	57.8	IPTS
	37.5	UA

Nota: Memaparkan dua (2) tempat yang mencatatkan peratus tertinggi

- ▶ Sebanyak 94.8 peratus atau 26,354 graduan UA tetap memilih UA sebagai institusi untuk melanjutkan pengajian. Begitu juga bagi IPTS, sebahagian besar (83.5%; 16,596 graduan) memilih IPTS sebagai institusi melanjutkan pengajian.
- ▶ Manakala graduan politeknik dan Kolej vokasional merekodkan peratusan tertinggi melanjutkan pengajian ke UA, masing-masing sebanyak 82.5 peratus (4,677 graduan) dan 46.3 peratus (476 graduan). Seterusnya, graduan Kolej vokasional (30.5%; 313 graduan) dan politeknik (10.4%; 592 graduan) memilih IPTS sebagai destinasi kedua melanjutkan pengajian.
- ▶ Sebanyak 74.5 peratus atau 1,635 graduan kolej komuniti melanjutkan pengajian ke politeknik. Sebahagian kecil graduan kolej komuniti (7.6%; 166 graduan) memilih institusi yang sama.
- ▶ Bagi lain-lain ILKA seperti ILKA KSM, ILKBS, ILKAP MAFI, ILKA KPLB dan ILKA MOTAC masing-masing memilih jenis institusi yang sama bagi melanjutkan pengajian, iaitu antara 44.3 hingga 86.8 peratus.
- ▶ Majoriti graduan IPT lain pula memilih IPTS, iaitu sebanyak 57.8 peratus (1,453 graduan) dan diikuti 37.5 peratus (941 graduan) memilih UA sebagai destinasi melanjutkan pengajian.

6.1.8 Graduan UA 2021 Melanjutkan Pengajian ke Institusi yang Sama

Jadual 6c

Graduan UA 2021 Melanjutkan Pengajian ke Institusi yang Sama


Institusi semasa konvokesyen	Bil. responden	Memilih UA yang sama	
		Bil.	%
UPNM	158	151	95.6
UiTM	17,394	16,612	95.5
UPM	645	574	89.0
UniMAP	451	398	88.2
UTeM	497	438	88.1
UMP	524	458	87.4
UTHM	810	676	83.5
UMS	244	200	82.0
UTM	756	609	80.6
USM	474	382	80.6
UKM	506	397	78.5
UPSI	1,385	1,065	76.9
UM	398	304	76.4
UNIMAS	267	201	75.3
UniSZA	730	540	74.0
UMT	202	146	72.3
UUM	253	172	68.0
UIAM	389	254	65.3
USIM	219	136	62.1
UMK	62	32	51.6
Keseluruhan	26,354	23,745	90.1%

- Sebahagian besar graduan UA memilih untuk melanjutkan pengajian ke institusi yang sama, dengan peratusan tertinggi adalah graduan UPNM (95.6%: 151 graduan), diikuti UiTM (95.5%: 16,612 graduan) dan UPM merekodkan sebanyak 89.0 peratus (574 graduan) daripada jumlah graduan masing-masing yang melanjutkan pengajian.

Nota: Bagi graduan UMK, sebanyak 1.6 peratus melanjutkan pengajian ke UPM, USIM (0.9%) dan selebihnya lain-lain IPT

6.1.9 Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan 2021

➤ Daripada jumlah keseluruhan graduan 2021 yang melanjutkan pengajian iaitu 64,399 graduan, seramai 53,770 orang atau 83.5 peratus adalah graduan yang sememangnya berstatus melanjutkan pengajian. Selebihnya adalah graduan pada masa yang sama adalah bekerja, sedang meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pekerjaan.



Nota: Seramai 1,489 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.1.10 Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan 2021 Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)

- Analisis pada **Jadual 6d** dan **Jadual 6e** hanya melibatkan graduan yang berstatus melanjutkan pengajian semasa melengkapkan kaji selidik pada tahun 2021.
- Bagi graduan pascasiswazah (PhD dan sarjana), alasan utama graduan melanjutkan pengajian ialah minat yang mendalam mencari ilmu dan untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik.
- Graduan ijazah pertama dan diploma pula sebab melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana ingin meningkatkan tahap kelayakan akademik, diikuti minat yang mendalam mencari ilmu dan mendapatkan prospek kerjaya yang lebih baik.
- Meningkatkan tahap kelayakan akademik merupakan sebab utama graduan sijil melanjutkan pengajian, iaitu 33.1 peratus, diikuti minat yang mendalam mencari ilmu (30.1%) dan meningkatkan peluang mendapat pekerjaan (16.1%).

Jadual 6d

Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan 2021 Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)

Sebab melanjutkan pengajian	Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)				
	PhD (n= 100)	Sarjana (n= 1,525)	Ijazah pertama (n= 9,394)	Diploma (n= 44,374)	Sijil (n= 7,167)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	35.0	32.1	32.1	35.1	33.1
Minat yang mendalam mencari ilmu	43.0	39.1	27.2	23.0	30.1
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	7.0	4.7	11.0	15.9	16.1
Prospek kerjaya yang lebih baik	12.0	19.1	18.9	16.6	11.6
Dorongan keluarga	1.0	1.6	5.2	6.5	6.3
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	-	0.5	1.9	1.7	1.4
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	-	1.4	2.9	0.9	1.1
Lain-lain	2.0	1.5	0.9	0.3	0.4

n= Jumlah responden

6.1.11 Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT (Semasa Konvokesyen)

- Graduan di semua jenis IPT mencatatkan sebab utama melanjutkan pengajian adalah untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik.
- Hal ini diikuti minat yang mendalam mencari ilmu (antara 21.2 peratus hingga 28.8 peratus) kecuali bagi graduan IPT lain, peratusan kedua tertinggi ialah memperoleh prospek kerjaya yang lebih baik (21.3%).

Jadual 6e

Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan 2021 Mengikut Jenis IPT (Semasa Konvokesyen)

(%)

Alasan melanjutkan pengajian	Jenis IPT (semasa konvokesyen)					
	UA (n= 27,343)	IPTS (n= 19,549)	Politeknik (n= 5,639)	Kolej Komuniti (n= 2,190)	IPT lain (n= 1,970)	ILKA (n= 6,219)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	35.0	34.4	36.5	33.7	34.6	30.2
Minat yang mendalam mencari ilmu	22.9	27.4	21.2	29.3	19.6	28.8
Dorongan keluarga	6.4	4.4	8.6	7.3	6.7	7.0
Prospek kerjaya yang lebih baik	17.4	16.2	17.1	11.8	21.3	12.7
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	15.0	14.0	13.6	15.4	15.2	18.0
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	1.1	1.5	1.3	0.9	0.5	1.1
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	1.8	1.6	1.5	1.1	1.6	1.5
Lain-lain	0.4	0.5	0.2	0.3	0.5	0.7


n= Jumlah responden

Nota: Seramai 1,489 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.2 Graduan Bukan Warganegara 2021 yang Melanjutkan Pengajian

6.2.1 Graduan Bukan Warganegara 2021 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT

Carta 6.2a Graduan Bukan Warganegara 2021 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT



n= Jumlah responden

Jenis IPT	Jumlah responden	Kadar melanjutkan pengajian
UA	3,436	20.4% (702)
IPTS	6,503	26.7% (1,737)

- Sebanyak 24.5 peratus atau 2,439 graduan bukan warganegara tahun 2021 memilih melanjutkan pengajian setelah bergraduasi.
- Kadar melanjutkan pengajian bagi graduan lelaki adalah sebanyak 25.2 peratus (1,546 graduan) manakala graduan perempuan sebanyak 23.5 peratus (893 graduan) daripada jumlah masing-masing.

6.2.2 Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan Bukan Warganegara 2021

Jadual 6f Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan Bukan Warganegara 2021

Peringkat pengajian (lanjutan)	UA (n= 702)	IPTS (n= 1,737)	Keseluruhan (n= 2,439)
Sarjana	44.0	47.0	46.1
PhD	41.0	12.0	20.4
Ijazah pertama	1.9	25.4	18.7
Diploma/tahap 4	2.3	4.0	3.5
Kursus pendek	2.4	3.0	2.8
Diploma lepasan ijazah	2.8	2.6	2.7
Sijil lepasan ijazah	3.1	2.0	2.3
Sijil/tahap 3	1.0	1.4	1.3
Kelayakan profesional	0.9	1.3	1.2
Diploma lanjutan/tahap 5	0.3	1.0	0.8
Diploma eksekutif	0.3	0.2	0.2


n= Jumlah responden

- (%) ➤ Seramai 1,125 atau 46.1 peratus graduan bukan warganegara melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, diikuti 20.4 peratus (497 graduan) ke peringkat PhD dan 18.7 peratus (455 graduan) ke peringkat Ijazah pertama.
- Sebilangan besar graduan bukan warganegara UA dan IPTS mencatatkan peratusan tertinggi melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, iaitu masing-masing 44.0 peratus (309 graduan) dan 47.0 peratus (816 graduan).
- Secara keseluruhan, peringkat diploma eksekutif merekodkan peratusan terendah (0.2%), diikuti diploma lanjutan/tahap 5 (0.8%) dan kelayakan profesional sebanyak 1.2 peratus.

6.2.3 Tempat Graduan Bukan Warganegara 2021 Melanjutkan Pengajian

Carta 6.2b

Tempat Graduan Bukan Warganegara 2021
Melanjutkan pengajian



- ▶ Sebanyak 58.5 peratus atau 1,017 graduan antarabangsa di IPTS tahun 2021 kembali melanjutkan pengajian ke IPTS, manakala sebanyak 35.5 peratus (616 graduan) memilih untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.
- ▶ Bagi graduan antarabangsa UA, sebanyak 46.7 peratus (328 graduan) tetap memilih UA sebagai destinasi melanjutkan pengajian dan sebanyak 39.9 peratus (280 graduan) memilih institusi pendidikan di luar negara.

BAB 7

BAHAGIAN II

KUMPULAN BERFOKUS: KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN


- 7.1 Graduan Usahawan
- 7.2 Graduan Berstatus OKU
- 7.3 Graduan Keturunan Orang Asli

BAB 7.1

**GRADUAN USAHAWAN 2021
(BEKERJA SENDIRI/FREELANCE DAN MAJIKAN)**


GRADUAN USAHAWAN WARGANEGARA 2020-2021

Kadar Graduan Usahawan




n= Jumlah responden bekerja

Taburan Graduan Usahawan Mengikut Jantina



n= Jumlah responden usahawan

Kadar Graduan Usahawan Mengikut Peringkat Pengajian




* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional


Taburan Graduan Usahawan Mengikut Jenis IPT



Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan



Sektor Ekonomi (10 tertinggi)



n= Jumlah responden usahawan

GRADUAN USAHAWAN 2021

Bab ini memaparkan maklumat graduan (warganegara) 2021 yang berada dalam kategori usahawan, merangkumi graduan bekerja sendiri/*freelance* dan majikan. Antara perkara yang dibincangkan ialah kadar graduan yang menceburi bidang keusahawanan mengikut jenis IPT, jantina, peringkat pengajian dan bidang pengajian. Sektor ekonomi yang disertai oleh graduan usahawan, pendapatan bulanan dan sumber modal turut dibincangkan.

7.1 Graduan Usahawan 2021

7.1.1 Graduan Usahawan 2021 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Jadual 7a


Graduan Usahawan 2021 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Jenis IPT	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan	(%)	
			L	P
ILKA KKR	338	24.9% (84)	98.8	1.2
ILKA KPLB	8,680	23.2% (2,016)	71.8	28.2
IPT lain	1,078	17.5% (189)	56.6	43.4
ILKAP MAFI	558	16.3% (91)	83.5	16.5
Kolej komuniti	6,102	15.2% (925)	47.2	52.8
ILKBS	1,708	13.6% (233)	70.0	30.0
IPTS	54,519	10.1% (5,487)	49.2	50.8
Politeknik	17,529	9.5% (1,657)	53.0	47.0
ILKA KSM	2,953	9.0% (267)	74.9	25.1
Kolej vokasional	6,662	8.3% (552)	68.3	31.7
UA	76,115	7.4% (5,654)	41.5	58.5
ILKA MOTAC	14	7.1% (1)	100.0	-
Keseluruhan	176,256	9.7% (17,156)	51.4	48.6

- Sebanyak 9.7 peratus atau 17,156 graduan tahun 2021 menceburi bidang keusahawanan. Umumnya, graduan usahawan ini adalah dari Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).
- Graduan ILKA KKR merekodkan 24.9 peratus (84 graduan) menceburi bidang keusahawanan, diikuti ILKA KPLB (23.2%; 2,016 graduan), IPT lain (17.5%; 189 graduan) dan ILKAP MAFI (16.3%; 91 graduan).
- UA dan IPTS mencatatkan sekitar 5,500 graduan menceburi bidang keusahawanan, masing-masing mewakili 7.4 peratus (5,654 graduan) dan 10.1 peratus (5,487 graduan).
- Peratusan graduan lelaki yang menjadi usahawan lebih tinggi berbanding perempuan, kecuali graduan kolej komuniti, IPTS dan UA.

L= Lelaki P= Perempuan

7.1.2 Kadar Graduan Usahawan 2021 Mengikut Peringkat Pengajian











n= Jumlah responden bekerja

➤ Graduan sijil merekodkan peratus tertinggi sebagai usahawan, iaitu 18.0 peratus (3,161 graduan), diikuti diploma (10.2%; 5,563 graduan), ijazah pertama (8.4%; 7,233 graduan) dan sarjana (6.6%; 952 graduan).

7.1.3 Kadar Graduan Usahawan 2021 Mengikut Bidang Pengajian

Jadual 7b Kadar Graduan Usahawan 2021 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan
 Sastera dan kemanusiaan	14,251	16.4% (2,338)
 Perkhidmatan	12,802	11.3% (1,451)
 Pertanian dan veterinar	2,672	11.0% (293)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	51,142	10.3% (5,268)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	56,328	8.9% (5,016)
 Pendidikan	11,645	8.9% (1,036)
 Sains, matematik dan komputer	18,145	7.7% (1,396)
 Kesihatan dan kebajikan	9,271	3.9% (358)


➤ Graduan bidang sastera & kemanusiaan mencatatkan peratus tertinggi yang menceburi bidang keusahawanan, iaitu sebanyak 16.4 peratus (2,338 graduan), diikuti perkhidmatan (11.3%; 1,451 graduan) dan pertanian & veterinar sebanyak 11.0 peratus (293 graduan).

7.1.4 Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Usahawan 2021

- Sebahagian besar graduan usahawan menceburi aktiviti perkhidmatan, iaitu 83.1 peratus (14,252 graduan), diikuti pembuatan (9.1%; 1,559 graduan), pembinaan (4.4%; 760 graduan) dan pertanian, perhutanan & perikanan (3.3%; 560 graduan).

Carta 7.1b

Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Usahawan 2021




n= Jumlah responden usahawan

7.1.5 Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan 2021

- Sebanyak 81.3 peratus atau 10,874 graduan memulakan perniagaan dengan menggunakan modal sendiri, diikuti keluarga (8.7%), bank komersil (3.3%) dan rakan kongsi sebanyak 2.8 peratus.
- Sumber modal dari agensi dan badan-badan keusahawanan lain adalah kecil, iaitu kurang daripada 0.4 peratus.

Carta 7.1c

Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan 2021




Nota: Seramai 3,785 responden usahawan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

7.1.6 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2021

Carta 7.1d

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2021



- ▶ Julat pendapatan RM1,000 & ke bawah merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 39.2 peratus (6,717 graduan), diikuti RM1,001 – RM2,000 (34.5%; 5,926 graduan) dan RM2,001 – RM3,000 (14.8%; 2,541 graduan).
- ▶ Graduan perempuan mencatatkan peratusan tertinggi bagi julat pendapatan RM1,000 & ke bawah, iaitu 57.0 peratus. Sebaliknya, graduan lelaki mencatatkan peratusan melebihi perempuan bagi semua julat pendapatan melebihi RM1,000.

7.1.7 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2021 Mengikut Sektor Ekonomi

- Sebanyak 48.8 peratus atau 273 graduan yang bekerja dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan bagi julat pendapatan RM1,000 & ke bawah, diikuti pembuatan (40.0%; 623 graduan) dan perkhidmatan (39.7%; 5,657 graduan).
- Terdapat tiga (3) sektor yang merekodkan peratusan tertinggi dalam kumpulan pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah, iaitu sektor pertanian, perhutanan & perikanan (48.8%; 273 graduan), pembuatan, (40.0%; 623 graduan) dan perkhidmatan (39.7%; 5,657 graduan). Bagi pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, semua sektor mencatatkan peratusan antara 34.1 peratus hingga 39.6 peratus. Graduan yang menceburi sektor pembinaan merekodkan peratusan tertinggi (39.6%; 301 graduan), diikuti perlombongan & pengkuarian, iaitu sebanyak 36.0 peratus (9 graduan).

Jadual 7c

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2021 Mengikut Sektor Ekonomi


Sektor ekonomi	Jumlah responden usahawan	(%)						
		RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 – RM2,000	RM2,001 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 – RM10,000	Lebih daripada RM10,000
Perkhidmatan	14,252	39.7	34.1	14.6	5.1	2.3	3.1	1.1
Pembuatan	1,559	40.0	35.7	14.6	4.7	1.7	2.3	1.0
Pembinaan	760	21.1	39.6	23.8	5.4	4.1	3.8	2.2
Pertanian, perhutanan dan perikanan	560	48.8	35.4	8.0	3.4	1.3	2.9	0.4
Perlombongan dan pengkuarian	25	16.0	36.0	16.0	12.0	0.0	8.0	12.0

BAB 7.2

**GRADUAN OKU 2021
KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN**


GRADUAN OKU 2020-2021

Keluaran Graduan OKU dan Kadar Respons




Kadar Respons: **2020: 85.5%** | **2021: 88.5%** (↑ 8.4%)


Kadar Kebolehpasaran Graduan OKU




Status Pekerjaan Graduan OKU



Taraf Pekerjaan Graduan OKU



Pendapatan Bulanan Graduan OKU



* Tidak termasuk 34 graduan yang bekerja dengan keluarga

5 Sebab Belum Bekerja Graduan OKU

Sebab utama belum bekerja (5 tertinggi)	2020 (%)	2021 (%)
Sedang mencari pekerjaan	59.6	62.9
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	12.7	10.9
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	5.4	7.9
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	4.8	5.9
Berehat/melancong/bercuti	1.8	3.5

* Usahawan merangkumi graduan bekerja sendiri/freelance dan majikan

N= Jumlah graduan
n= Jumlah responden
KR= Kadar respons

GRADUAN OKU 2021

KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Bab ini membincangkan maklumat keluaran graduan di bawah kategori Orang Kurang Upaya (OKU) bagi tahun 2021, status pekerjaan dan maklumat pekerjaan yang meliputi taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan yang diperoleh serta kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian.


7.2 Graduan OKU 2021

7.2.1 Graduan OKU 2021 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

- Pada tahun 2021, seramai 1,038 graduan berstatus OKU dengan graduan UA merekodkan bilangan tertinggi, iaitu seramai 373 graduan, diikuti IPTS (265 graduan) dan kolej komuniti (135 graduan).
- Graduan OKU lelaki melebihi perempuan di setiap jenis IPT kecuali IPT lain, iaitu bilangan graduan lelaki dan perempuan adalah sama.

Carta 7.2a

Graduan OKU 2021 Mengikut Jenis IPT dan Jantina











N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

7.2.2 Graduan OKU 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Graduan OKU peringkat sijil merekodkan bilangan tertinggi, iaitu seramai 346 graduan, diikuti ijazah pertama (313 graduan), diploma (269 graduan), sarjana (86 graduan), PhD (16 graduan) dan lain-lain peringkat (8 graduan).
- Graduan OKU dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 27.2 peratus (282 graduan), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.2%; 220 graduan) dan sastera & kemanusiaan (14.6%; 152 graduan).
- Bidang sains sosial, perniagaan & perundangan merekodkan kadar tertinggi bagi graduan peringkat ijazah pertama (44.1%; 138 graduan), sarjana (43.0%; 37 graduan), PhD (37.5%; 6 graduan) dan diploma (34.9%; 94 graduan).
- Bagi peringkat sijil pula, peratusan tertinggi ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu sebanyak 39.6 peratus (137 graduan).

Jadual 7d

Graduan OKU 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

								(%)
Bidang pengajian	PhD (N= 16)	Sarjana (N= 86)	Ijazah pertama (N= 313)	Diploma (N= 269)	Sijil (N= 346)	* Peringkat lain (N= 8)	Keseluruhan (N= 1,038)	
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	37.5	43.0	44.1	34.9	1.4	25.0	27.2	
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	-	10.5	11.8	13.4	39.6	12.5	21.2	
 Sastera dan kemanusiaan	18.8	5.8	15.3	16.7	14.7	-	14.6	
 Perkhidmatan	-	7.0	3.5	6.3	32.4	-	14.1	
 Sains, matematik dan komputer	25.0	11.6	17.9	17.5	6.4	-	13.4	
 Pendidikan	12.5	17.4	3.2	5.9	0.3	50.0	4.6	
 Pertanian dan veterinar	-	-	0.6	3.3	4.9	-	2.7	
 Kesihatan dan kebajikan	6.3	4.7	3.5	1.9	0.3	12.5	2.2	


N= Jumlah graduan

* Merangkumi graduan diploma pascasiswazah dan diploma lanjutan

7.2.3 Jenis Ketidakupayaan Graduan OKU 2021

Carta 7.2b

Jenis Ketidakupayaan Graduan OKU 2021



N= Jumlah graduan

Nota: Seramai 91 graduan tidak mempunyai maklumat jenis ketidakupayaan


* Pelbagai bermaksud mempunyai lebih daripada satu (1) jenis ketidakupayaan

- Ketidakupayaan anggota fizikal merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 39.7 peratus, diikuti masalah pembelajaran (22.0%), pendengaran (18.5%) dan penglihatan (15.6%).
- Sebahagian kecil daripada graduan OKU mengalami masalah mental (3.0%), pertuturan (1.2%) dan pelbagai (0.1%).

7.2.4 Status Pekerjaan Graduan OKU 2021

Carta 7.2c

Status Pekerjaan Graduan OKU 2021



n= Jumlah responden

- Kadar kebolehpasaran graduan OKU tahun 2021 ialah 78.0 peratus dengan sebanyak 58.8 peratus (540 graduan) bekerja, 15.3 peratus (141 graduan) melanjutkan pengajian, 2.1 peratus (19 graduan) menunggu penempatan pekerjaan dan 1.8 peratus (17 graduan) meningkatkan kemahiran.
- Selebihnya, 22.0 peratus atau seramai 202 graduan OKU berstatus belum bekerja.

7.2.4.1 Status Pekerjaan Graduan OKU 2021 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan OKU peringkat PhD merekodkan kadar bekerja tertinggi, iaitu 77.8 peratus (7 graduan). Bagi peringkat sarjana, diploma pascasiswazah, ijazah pertama dan sijil mencatatkan kadar bekerja melebihi 60.0 peratus, iaitu antara 61.9 hingga 69.8 peratus. Bagi graduan diploma pula, sebanyak 45.5 peratus (111 graduan) bekerja.
- Bagi status melanjutkan pengajian, graduan OKU peringkat diploma mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 29.9 peratus (73 graduan).
- Kadar belum bekerja bagi graduan OKU pada semua peringkat pengajian ialah antara 20.6 hingga 22.4 peratus kecuali diploma pascasiswazah (16.7%; 1 graduan).

Jadual 7e

Status Pekerjaan Graduan OKU 2021 Mengikut Peringkat Pengajian


(%)

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
PhD	9	77.8	-	-	-	22.2
Sarjana	63	69.8	7.9	-	1.6	20.6
Diploma pascasiswazah	6	66.7	-	-	16.7	16.7
Ijazah pertama	286	61.9	7.3	4.2	4.2	22.4
Diploma	244	45.5	29.9	2.0	0.4	22.1
Sijil	311	63.3	13.5	-	1.3	21.9
Keseluruhan	919	58.8	15.3	1.8	2.1	22.0

7.2.5 Taraf Pekerjaan Graduan OKU 2021

Carta 7.2d

Taraf Pekerjaan Graduan OKU 2021




n= Jumlah responden

- Seramai 327 graduan OKU atau 60.6 peratus merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti pekerja kerajaan (14.4%; 78 graduan) dan bekerja dengan keluarga (10.0%; 54 graduan).
- Sebanyak 15.0 peratus atau 81 graduan OKU menjadi usahawan (bekerja sendiri/freelance dan majikan).

7.2.6 Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2021

Carta 7.2e

Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2021



n= Jumlah responden

Nota: Merangkumi graduan OKU pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)


- Majoriti graduan OKU bagi tahun 2021 bekerja dalam sektor swasta tempatan, iaitu 58.8 peratus (238 graduan), diikuti sektor swasta multinasional (10.9%; 44 graduan), Kerajaan Persekutuan (10.6%; 43 graduan) dan NGO (9.1%; 37 graduan).
- Sektor kerajaan negeri/tempatan dan badan berkanun masing-masing merekodkan 4.9 peratus (20 graduan) dan 3.7 peratus (15 graduan). Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) pula merekodkan 2.0 peratus (8 graduan).

7.2.7 Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2021

- Sebanyak 46.6 peratus atau 236 graduan OKU memperoleh pendapatan bulanan di antara RM1,001 – RM2,000, diikuti julat pendapatan RM1,000 & ke bawah (26.3%; 133 graduan) dan RM2,001 – RM 3,000 (14.6%; 74 graduan).

Carta 7.2f

Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2021



n= Jumlah responden

* Tidak termasuk 34 graduan yang bekerja dengan keluarga

7.2.8 Kadar Belum Bekerja bagi Graduan OKU 2021 Mengikut Bidang Pengajian

Jadual 7f

Kadar Belum Bekerja bagi Graduan OKU 2021
Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Kadar belum bekerja
Sastera dan kemanusiaan	141	29.8% (42)
Pendidikan	42	26.2% (11)
Pertanian dan veterinar	27	25.9% (7)
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	253	23.7% (60)
Sains, matematik dan komputer	124	19.4% (24)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	184	19.0% (35)
Perkhidmatan	132	15.9% (21)
Kesihatan dan kebajikan	16	12.5% (2)


► Terdapat empat (4) bidang pengajian merekodkan kadar belum bekerja melebihi 20.0 peratus, iaitu sastera & kemanusiaan (29.8%; 42 graduan), pendidikan (26.2%; 11 graduan), pertanian & veterinar (25.9%; 7 graduan) dan sains sosial, perniagaan & perundangan (23.7%; 60 graduan).

BAB 7.3


**GRADUAN ORANG ASLI 2021
KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN**

GRADUAN ORANG ASLI 2020-2021


Keluaran Graduan Orang Asli dan Kadar Respons (KR)




Kadar Kebolehpasaran Graduan Orang Asli




Status Pekerjaan Orang Asli




Sebab Belum Bekerja Graduan Orang Asli



Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli



Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli




GRADUAN ORANG ASLI 2021

KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Bab ini memperihalkan tentang profil graduan Orang Asli bagi tahun 2021 mengikut jenis IPT, jantina, peringkat pengajian dan bidang pengajian. Turut dibincangkan status pekerjaan dan maklumat pekerjaan seperti taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan yang diperoleh dan sebab belum bekerja. Senarai maklumat keturunan adalah merujuk kepada senarai Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA atau lebih dikenali sebagai UPU. Manakala pengkategorian kepada Orang Asli adalah merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang merangkumi graduan berketurunan Jakun, Negrito, Semai, Semalai, Temiar, Semoi, Orang Asli Semenanjung, Orang Kuala, Temuan dan Orang Asli Lain.

7.3 Graduan Orang Asli 2021

7.3.1 Graduan Orang Asli 2021 Mengikut Jenis IPT dan Jantina



- ▶ Pada tahun 2021, terdapat seramai 302 graduan berketurunan Orang Asli. Seramai 156 graduan atau 51.7 peratus merupakan graduan UA, diikuti IPTS (24.2%; 73 graduan), politeknik (10.6%; 32 graduan), kolej komuniti (7.9%; 24 graduan) dan lain-lain IPT mempunyai 1 hingga 6 graduan Orang Asli.
- ▶ Graduan perempuan mewakili 69.5 peratus (210 graduan) dan lelaki sebanyak 30.5 peratus (92 graduan).









7.3.2 Graduan Orang Asli 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Majoriti graduan Orang Asli merupakan peringkat diploma, iaitu sebanyak 58.9 peratus (178 graduan), diikuti ijazah pertama (25.5%; 77 graduan), sijil (11.3%; 34 graduan), sarjana (3.6 peratus; 11 graduan) dan selebihnya peringkat diploma pascasiswazah (0.7%; 2 graduan).
- Secara keseluruhan, sebanyak 23.8 peratus atau 72 graduan Orang Asli mengikuti bidang sains sosial, perniagaan & perundangan, diikuti pendidikan (17.5%; 53 graduan), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (17.2%; 52 graduan) dan sastera & kemanusiaan (12.3%; 37 graduan).

Jadual 7g

Graduan Orang Asli 2021 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

(%)

Bidang pengajian	Sarjana (N= 11)	Diploma pascasiswazah (N= 2)	Ijazah pertama (N= 77)	Diploma (N= 178)	Sijil (N= 34)	Keseluruhan (N= 302)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	18.2	-	33.8	24.7	-	23.8
 Pendidikan	54.5	50.0	11.7	20.2	2.9	17.5
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	9.1	-	18.2	12.9	41.2	17.2
 Sastera dan kemanusiaan	-	-	13	12.9	11.8	12.3
 Sains, matematik dan komputer	9.1	-	14.3	8.4	14.7	10.6
 Perkhidmatan	9.1	-	5.2	11.2	17.6	10.3
 Pertanian dan veterinar	-	-	1.3	6.2	11.8	5.3
 Kesihatan dan kebajikan	-	50.0	2.6	3.4	-	3.0

N= Jumlah graduan


7.3.3 Kadar Kebolehpasaran dan Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021

- Seramai 263 graduan Orang Asli atau mewakili 81.7 peratus menyertai kajian pada tahun 2021.
- Kadar kebolehpasaran graduan Orang Asli ialah 81.7 peratus dengan 62.0 peratus (163 graduan) bekerja, 14.1 peratus (37 graduan) melanjutkan pengajian, 4.6 peratus (12 graduan) menunggu penempatan pekerjaan dan 1.1 peratus (3 graduan) meningkatkan kemahiran.
- Graduan perempuan Orang Asli merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 83.9 peratus, lebih tinggi berbanding lelaki (76.6%).
- Sebanyak 18.3 peratus atau seramai 48 graduan Orang Asli belum bekerja.


Carta 7.3b

Kadar Kebolehpasaran dan Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021

Kebolehpasaran graduan (GE):



Status pekerjaan:



7.3.3.1 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021 Mengikut Peringkat Pengajian

- Semua peringkat pengajian merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 80.0 peratus dan ke atas. Graduan peringkat sarjana mencatatkan sebanyak 88.9 peratus (8 graduan), sijil (86.2%; 25 graduan), ijazah pertama (82.4%; 61 graduan) dan diploma (80.0%; 120 graduan).
- Graduan diploma dan sarjana merekodkan kadar melanjutkan pengajian yang tinggi, masing-masing sebanyak 20.0 peratus dan 22.2 peratus.
- Graduan ijazah pertama mencatatkan peratusan tertinggi bagi status menunggu penempatan pekerjaan, iaitu sebanyak 6.8 peratus (5 graduan) manakala peringkat sijil pada status meningkatkan kemahiran (3.4%; 1 graduan).

Jadual 7h

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Sarjana	9	88.9	66.7	22.2	-	-	11.1
Diploma pascasiswazah	1	100.0	100.0	-	-	-	-
Ijazah pertama	74	82.4	73.0	1.4	1.4	6.8	17.6
Diploma	150	80.0	55.3	20.0	0.7	4.0	20.0
Sijil	29	86.2	65.5	13.8	3.4	3.4	13.8
Keseluruhan	263	81.7	62.0	14.1	1.1	4.6	18.3









GE= Kadar kebolehpasaran graduan

7.3.3.2 Status Pekerjaan Graduan Asli 2021 Mengikut Bidang Pengajian

- ▶ Empat (4) bidang pengajian merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 80.0 peratus. Graduan sains, matematik & komputer merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 93.3 peratus (28 graduan), perkhidmatan (88.0%; 22 graduan), pendidikan (85.1%; 40 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (84.1%; 37 graduan).
- ▶ Terdapat dua (2) bidang pengajian, iaitu sastera & kemanusiaan (68.8%; 22 graduan) dan kesihatan & kebajikan (66.7%; 6 graduan) merekodkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 70.0 peratus.
- ▶ Bagi status bekerja, graduan bidang pendidikan merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 74.5 peratus (35 graduan), diikuti perkhidmatan (68.0%; 17 graduan), bidang sains, matematik & komputer dan kesihatan & kebajikan masing-masing sebanyak 66.7 peratus.

Jadual 7i


Status Pekerjaan Graduan Asli 2021 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian		Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
	Sains, matematik dan komputer	30	93.3	66.7	23.3	-	3.3	6.7
	Perkhidmatan	25	88.0	68.0	12.0	-	8.0	12.0
	Pendidikan	47	85.1	74.5	4.3	-	6.4	14.9
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	44	84.1	61.4	13.6	2.3	6.8	15.9
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	62	79.0	46.8	24.2	3.2	4.8	21.0
	Pertanian dan veterinar	14	78.6	64.3	14.3	-	-	21.4
	Sastera dan kemanusiaan	32	68.8	62.5	6.3	-	-	31.3
	Kesihatan dan kebajikan	9	66.7	66.7	-	-	-	33.3
Keseluruhan		263	81.7	62.0	14.1	1.1	4.6	18.3

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

7.3.4 Taraf Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021

Carta 7.3c Taraf Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021




Sebanyak 57.1 peratus graduan Orang Asli merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti pekerja kerajaan (24.5%; 40 graduan), usahawan (12.3%; 20 graduan) dan bekerja dengan keluarga (6.1%; 10 graduan).

n= Jumlah responden
 Nota: * Merangkumi graduan Orang Asli yang bekerja sendiri/freelance dan majikan

7.3.5 Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021

Carta 7.3d Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021



Sebanyak 69.9 peratus graduan Orang Asli bekerja dalam sektor swasta yang merangkumi 46.6 peratus (62 graduan) bekerja dalam swasta tempatan, 12.8 peratus (17 graduan) swasta multinasional, 9.0 peratus (12 graduan) NGO dan 1.5 peratus (2 graduan) GLC. Selebihnya, bekerja dalam sektor kerajaan, iaitu kerajaan persekutuan (18.0%; 24 graduan), kerajaan negeri/tempatan (9.8%; 13 graduan) dan badan berkanun (2.3%; 3 graduan).


n= Jumlah responden
 Nota: Merangkumi graduan Orang Asli pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

7.3.6 Kumpulan Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021

- Kumpulan profesional merekodkan 30.7 peratus (50 graduan), diikuti pekerja perkhidmatan & jualan (18.4%; 30 graduan), pekerja asas (13.5%; 22 graduan) dan juruteknik & profesional bersekutu sebanyak 11.7 peratus (19 graduan).

Carta 7.3e

Kumpulan Pekerjaan Graduan Orang Asli 2021



7.3.7 Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2021 Mengikut Peringkat Pengajian

- ▶ Julat pendapatan bulanan RM1,001 – RM1,500 merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 36.3 peratus (57 graduan), diikuti julat RM1,501 – RM2,000 (21.0%; 33 graduan) dan RM1,000 & ke bawah sebanyak 15.3 peratus (24 graduan).
- ▶ Graduan Orang Asli peringkat ijazah pertama, diploma dan sijil merekodkan peratusan tertinggi dalam julat RM1,001 – RM1,500, antara 23.1 hingga 58.8 peratus. Bagi graduan sarjana pula, sebanyak 50.0 peratus (3 graduan) berada dalam julat pendapatan bulanan RM5,001 – RM10,000.

Jadual 7j

Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2021 Mengikut Peringkat Pengajian

Pendapatan bulanan	(%)					
	Sarjana (n= 6)	Diploma pascasiswazah (n= 1)	Ijazah pertama (n= 52)	Diploma (n= 81)	Sijil (n= 17)	* Keseluruhan (n= 157)
RM1,000 dan ke bawah	-	-	17.3	13.6	23.5	15.3
RM1,001 – RM1,500	-	-	23.1	43.2	58.8	36.3
RM1,501 – RM2,000	-	-	17.3	27.2	11.8	21.0
RM2,001 – RM2,500	16.7	-	7.7	6.2	-	6.4
RM2,501 – RM3,000	-	-	17.3	4.9	-	8.3
RM3,001 – RM4,000	-	-	7.7	4.9	5.9	5.7
RM4,001 – RM5,000	33.3	-	7.7	-	-	3.8
RM5,001 – RM10,000	50.0	100.0	1.9	-	-	3.2

Nota: * Tidak termasuk graduan Orang Asli yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) seramai 6 graduan

7.3.8 Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2021

- Tiga (3) sektor ekonomi bagi graduan Orang Asli merekodkan peratusan melebihi 10.0 peratus, iaitu aktiviti perkhidmatan lain (22.7%), pendidikan (17.2%) dan pembuatan (12.9%).


Jadual 7k

Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2021

Sektor ekonomi	Jumlah responden (n= 163)	%
Aktiviti perkhidmatan lain	37	22.7
Pendidikan	28	17.2
Pembuatan	21	12.9
Pertanian, perhutanan dan perikanan	14	8.6
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	12	7.4
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	10	6.1
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	8	4.9
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	8	4.9
Maklumat dan komunikasi	7	4.3
Bekalan elektrik, gas, stim dan penyaman udara	3	1.8
Kesenian, hiburan dan rekreasi	3	1.8
Pembinaan	2	1.2
Pengangkutan dan penyimpanan	2	1.2
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	2	1.2
Pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib	2	1.2
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	2	1.2
Perlombongan dan pengkuarian	1	0.6
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	1	0.6

7.3.9 Sebab Belum Bekerja bagi Graduan Orang Asli 2021

- Sebanyak 72.9 peratus atau 35 graduan Orang Asli yang belum bekerja aktif mencari pekerjaan, 12.5 peratus (6 graduan) ingin berehat/melancong/bercuti dan 6.3 peratus (3 graduan) menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian.



BAB 8

BAHAGIAN III
TREND KELUARAN KESELURUHAN
DAN
KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA), 2017-2021

TREND KELUARAN KESELURUHAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA), 2017–2021

Bab ini memaparkan trend keluaran keseluruhan graduan dan kebolehpasaran graduan warganegara bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu tahun 2017–2021. Analisis trend amat penting bagi melihat kesan COVID-19 yang telah melanda negara ini sejak penghujung tahun 2019 kepada jumlah keluaran graduan institusi pengajian tinggi tempatan dan kebolehpasaran graduan baharu. Pada 16 Ogos 2021, sebanyak 11 sektor ekonomi mula dibuka untuk negeri-negeri Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan sekatan dilonggarkan bagi memulihkan kembali ekonomi negara (Astro Awani, 15 Ogos 2021).


8.1 Trend Penyertaan IPT/ILKA dan Graduan, 2017–2021

Pada tahun 2021, jumlah graduan meningkat sebanyak 4.7 peratus, iaitu kepada 333,546 graduan daripada 879 institusi berbanding 318,593 graduan (872 IPT) pada tahun 2020. Bilangan penyertaan IPT turut meningkat sebanyak 0.8 peratus pada tahun 2021, iaitu kepada 879 buah berbanding tahun sebelumnya (2020: 872 IPT). Pertambahan bilangan IPT ini didorong oleh penyertaan 13 institusi *Construction Industry Development Board Technologies* (CIDB Tech) di bawah Kementerian Kerja Raya (ILKA KKR). Walau bagaimanapun, terdapat IPTS yang mempunyai keluaran dua (2) tahun sekali seperti Universiti of Southampton Malaysia Campus, Universiti Antarabangsa Al-Madinah, Kolej Sidma Sarawak dan lain-lain menyebabkan institusi tersebut tidak menyertai kajian pada tahun 2021.

Kadar respons meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada 88.8 peratus atau seramai 296,238 graduan menyertai kaji selidik berbanding tahun 2020 (84.3%; 268,525 graduan). Kadar respons bagi graduan warganegara merekodkan peningkatan sebanyak 4.6 peratus, iaitu kepada 90.0 peratus berbanding 85.4 peratus pada tahun 2020 (rujuk **Carta 8.1a**). Walaupun majoriti IPT/ILKA masih tidak dapat menjalankan majlis konvokesyen, namun kadar respons mencatatkan peningkatan hasil pelbagai usaha yang dijalankan bagi memperoleh kadar respons melebihi 85.0 peratus seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Antara usaha yang dijalankan adalah:

- a. hebahan di laman web dan media sosial institusi;
- b. pemantauan kadar respons setiap institusi secara berterusan;
- c. kadar respons kurang daripada 85.0 peratus akan dihubungi oleh pihak KPT;
- d. graduan perlu menunjukkan slip kaji selidik ketika pengambilan skrol;
- e. graduan turut dihubungi oleh alumni atau pensyarah/tenaga pengajar; dan
- f. mengadakan karnival kerjaya dalam kampus.

Tambahan pula, bagi memohon program PENJANA KPT-CAP pada portal GREaT, graduan perlu melengkapkan kaji selidik terlebih dahulu.




8.1.1 Trend Keluaran Keseluruhan Graduan, 2017–2021

- Peratusan keluaran graduan mengikut peringkat pengajian tidak menunjukkan perbezaan ketara kecuali peringkat diploma yang merekodkan kadar terendah bagi tempoh lima (5) tahun.
- Kumpulan terbesar graduan 2021 adalah peringkat ijazah pertama (42.3%), diikuti graduan diploma (38.7%) dan lain-lain peringkat pengajian sebanyak 10.8 peratus.
- Graduan bukan warganegara mewakili 4.7 peratus (15,512 graduan) daripada jumlah keseluruhan graduan tahun 2021. Bilangan graduan bukan warganegara meningkat sebanyak 16.7 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 (13,292 graduan).

Carta 8.1b

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2017–2021



Nota: * Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan, sijil dan profesional

- Hampir semua peringkat pengajian menunjukkan peningkatan bilangan graduan berbanding tahun sebelumnya kecuali sijil, menurun sebanyak 0.9 peratus.
- Peningkatan paling ketara adalah graduan peringkat profesional dan diploma pascasiswazah, iaitu masing-masing sebanyak 62.6 peratus dan 46.7 peratus.
- Graduan peringkat pascasiswazah (graduan PhD dan sarjana) juga turut meningkat, iaitu sebanyak 4.7 peratus bagi PhD dan 14.6 peratus bagi peringkat sarjana.

Jadual 8a

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2021
	2017	2018	2019	2020	2021	
	Bil.					(%)
PhD	5,000	5,145	5,079	4,354	4,560	4.7
Sarjana	24,068	22,878	23,519	20,158	23,107	14.6
Diploma pascasiswazah	637	845	1,288	1,374	2,016	46.7
Ijazah pertama	136,645	139,741	139,520	131,045	140,994	7.6
Diploma lanjutan	353	387	424	201	235	16.9
Diploma	120,650	140,632	138,768	127,747	128,960	0.9
Sijil	11,547	30,846	37,418	33,251	32,960	-0.9
Profesional	679	799	644	401	652	62.6
Sijil pascasiswazah	56	38	26	62	62	0.0
Jumlah	299,635	341,311	346,686	318,593	333,546	4.7

8.1.2 Trend Keluaran Graduan Universiti Awam (UA), 2017–2021

- Bilangan keluaran UA meningkat sebanyak 9.0 peratus, iaitu kepada 138,797 graduan pada tahun 2021 berbanding seramai 127,334 graduan pada tahun 2020.
- Graduan bukan warganegara mewakili 4.0 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan UA tahun 2021. Bilangan graduan bukan warganegara meningkat sebanyak 17.3 peratus kepada 5,621 graduan pada tahun 2021 berbanding 4,790 graduan pada tahun 2020.
- Taburan mengikut peringkat pengajian, didapati peratus graduan diploma, sarjana dan peringkat lain meningkat sekitar 0.1 hingga 0.6 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. Bagi peringkat ijazah pertama dan PhD pula, masing-masing merekodkan penurunan sebanyak 0.9 peratus dan 0.1 peratus.

Carta 8.1c

Trend Keluaran Graduan UA bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2017–2021



- Bilangan graduan peringkat diploma lanjutan menunjukkan perubahan mendadak pada tahun 2021, iaitu kepada 94 graduan berbanding hanya lima (5) graduan pada tahun 2020. Ini kerana mesyuarat Senat Universiti Malaya pada Oktober 2020 memutuskan graduan diploma lanjutan dari Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dikategorikan sebagai graduan yang berkonvokesyen pada tahun 2021.
- Bilangan graduan profesional menurun sebanyak 15.5 peratus, iaitu berkurang seramai 30 orang kepada 163 graduan pada tahun 2021.
- Graduan peringkat sarjana dan diploma meningkat lebih daripada 10.0 peratus, iaitu masing-masing 12.9 peratus dan 11.5 peratus. Graduan peringkat PhD, ijazah pertama dan diploma pascasiswazah turut meningkat sekitar 5.0 hingga 7.7 peratus.
- Sejak tahun 2019 tiada lagi keluaran UA peringkat sijil.

Jadual 8b

Trend Keluaran Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2021
	2017	2018	2019	2020	2021	
	Bil.					(%)
PhD	4,550	4,477	4,254	3,821	4,012	5.0
Sarjana	18,247	16,871	16,695	14,499	16,373	12.9
Diploma pascasiswazah	425	695	1,048	1,126	1,213	7.7
Ijazah pertama	81,314	81,551	78,930	76,609	82,300	7.4
Diploma lanjutan	126	107	116	5	94	1780.0
Diploma	30,349	28,658	28,388	31,081	34,642	11.5
Sijil	30	25	-	-	-	-
Profesional	100	134	269	193	163	-15.5
Jumlah	135,141	132,518	129,700	127,334	138,797	9.0

8.1.3 Trend Keluaran Graduan IPTS, 2017-2021

- Jumlah graduan IPTS meningkat sebanyak 5.9 peratus, iaitu kepada 117,280 graduan pada tahun 2021 berbanding seramai 110,797 graduan pada tahun 2020.
- Graduan bukan warganegara IPTS pada tahun 2021 adalah seramai 9,891 graduan, iaitu mewakili 8.4 peratus daripada jumlah keseluruhan IPTS. Bilangan tersebut telah meningkat sebanyak 16.3 peratus berbanding tahun 2020 yang merekodkan seramai 8,502 graduan.
- Peratusan keluaran graduan IPTS mengikut peringkat pengajian yang merekodkan peningkatan adalah sarjana, ijazah pertama dan peringkat lain, iaitu sekitar 0.3 hingga 1.0 peratus. Sebaliknya bagi graduan diploma, menurun sebanyak 1.9 peratus.

Carta 8.1d

Trend Keluaran Graduan IPTS bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021



Nota: * Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan, sijil dan profesional

- Bilangan graduan peringkat diploma pascasiswazah dan profesional IPTS mencatatkan perubahan mendadak pada tahun 2021, iaitu lebih sekali ganda berbanding tahun 2020. Ini diikuti graduan sarjana sebanyak 19.0 peratus, graduan ijazah pertama (7.9%), PhD (2.8%) dan diploma sebanyak 1.4 peratus.
- Bilangan graduan sarjana dan ijazah pertama yang direkodkan pada tahun 2021 merupakan jumlah kedua terbesar bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2017–2021).
- Graduan peringkat diploma lanjutan dan sijil pula merekodkan penurunan, iaitu masing-masing sebanyak 36.7 peratus dan 20.0 peratus.

Jadual 8c

Trend Keluaran Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2017–2021


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2021
	2017	2018	2019	2020	2021	
	Bil.					(%)
PhD	448	667	824	533	548	2.8
Sarjana	5,820	6,005	6,819	5,659	6,734	19.0
Diploma pascasiswazah	212	150	240	248	803	223.8
Ijazah pertama	55,127	57,969	60,309	54,177	58,476	7.9
Diploma lanjutan	179	109	216	150	95	-36.7
Diploma	63,897	59,953	58,092	48,168	48,845	1.4
Sijil	1,977	2,548	1,491	1,592	1,273	-20.0
Profesional	579	665	375	208	444	113.5
Sijil pascasiswazah	56	38	26	62	62	0.0
Jumlah	128,295	128,104	128,392	110,797	117,280	5.9

8.1.4 Trend Keluaran Graduan Politeknik, 2017–2021

- ▶ Taburan graduan politeknik tahun 2019 hingga 2021 adalah hampir sama, iaitu sebanyak 99.0 peratus bagi graduan peringkat diploma, diikuti peringkat ijazah pertama (0.6%) dan sijil (antara 0.3 hingga 0.4 peratus). Bermula tahun 2019 graduan peringkat diploma lanjutan tidak dikeluarkan.
- ▶ Jumlah keseluruhan keluaran politeknik pada tahun 2021 ialah seramai 26,507 graduan, iaitu merekodkan penurunan sebanyak 7.1 peratus (2020: 28,532 graduan). Ini disebabkan tiada keluaran daripada Politeknik Tawau Sabah dan terdapat beberapa politeknik yang mengurangkan jumlah lulusan yang bergraduan disebabkan kekangan pandemik seperti Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang hanya disertai oleh graduan kohort Jun 2020 sahaja.

Carta 8.1e

Trend Keluaran Graduan Politeknik bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2017–2021



- Keluaran politeknik bagi peringkat ijazah pertama merekodkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus, iaitu seramai 169 graduan berbanding 166 graduan pada tahun 2020. Manakala peringkat sijil (90 graduan) dan diploma (26,248 graduan) pada tahun 2021 merekodkan penurunan, masing-masing sebanyak 16.7 peratus dan 7.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.


Jadual 8d

Trend Keluaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2021
	2017	2018	2019	2020	2021	
	Bil.					(%)
Ijazah pertama	126	162	178	166	169	1.8
Diploma lanjutan	48	47	-	-	-	-
Diploma	25,308	28,384	28,830	28,258	26,248	-7.1
Sijil	50	92	119	108	90	-16.7
Jumlah	25,532	28,685	29,127	28,532	26,507	-7.1

8.1.5 Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti, 2017–2021

- Sebanyak 99.6 peratus daripada 8,990 graduan kolej komuniti tahun 2021 adalah peringkat sijil dan selebihnya adalah peringkat diploma (0.4%). Peratusan graduan peringkat diploma ini adalah paling kecil bagi tempoh lima (5) tahun kajian (**Carta 8.1f**).



- Bilangan keluaran tertinggi graduan kolej komuniti adalah pada tahun 2019 (11,150 graduan) manakala terendah pada tahun 2020 (6,939 graduan). Keluaran kolej komuniti merekodkan peningkatan bilangan graduan sebanyak 29.6 peratus pada tahun 2021 kepada 8,990 graduan.
- Graduan peringkat sijil meningkat kepada 8,954 graduan berbanding 6,720 graduan pada tahun 2020, iaitu merekodkan peningkatan sebanyak 33.2 peratus.
- Bagi graduan peringkat diploma pula, berlaku penurunan sebanyak 83.6 peratus, iaitu seramai 36 graduan pada tahun 2021. Ini kerana bermula tahun 2018/2019, pengambilan pelajar peringkat diploma kolej komuniti dibuat sekali setahun sahaja iaitu pada bulan Disember setiap tahun.

Jadual 8e Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2017–2021


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2021
	2017	2018	2019	2020	2021	(%)
	Bil.					(%)
Diploma	95	167	286	219	36	-83.6
Sijil	9,438	10,265	10,864	6,720	8,954	33.2
Jumlah	9,533	10,432	11,150	6,939	8,990	29.6

8.1.6 Trend Keluaran Graduan ILKA (Selain ILKA KPT), 2018–2021

- Trend keluaran Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang dipaparkan pada **Carta 8.1g** adalah bagi tempoh empat (4) tahun kajian memandangkan penyertaan ILKA di bawah lain-lain kementerian adalah bermula pada tahun 2018, iaitu apabila kajian diperluaskan kepada graduan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) ILKA.
- Bagi tempoh tersebut, jumlah keluaran graduan ILKA pada tahun 2021 adalah terendah, iaitu seramai 37,998 graduan.
- Peratusan graduan peringkat sijil menunjukkan peningkatan sebanyak 2.0 peratus pada tahun 2021, iaitu kepada 59.1 peratus (2020: 57.1%).
- Sebaliknya bagi graduan peringkat diploma, terdapat penurunan sebanyak 2.0 peratus berbanding 42.8 peratus pada tahun 2020. Manakala graduan diploma lanjutan kekal sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2021.

Carta 8.1g

Trend Keluaran Graduan ILKA (Selain ILKA KPT) bagi Tempoh Empat (4) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2021



- Bilangan graduan ILKA berkurang sebanyak 12.0 peratus pada tahun 2021 kepada 37,998 graduan berbanding seramai 43,184 graduan pada tahun 2020.
- Graduan peringkat diploma berkurang sebanyak 16.1 peratus dan sebanyak 9.0 peratus bagi peringkat sijil.
- Pada tahun 2021, pengurangan bilangan graduan yang menamatkan pengajian adalah disebabkan oleh pelanjutan tempoh pengajian pelajar sedia ada dan tiada pengambilan pelatih pada Jun 2020 di Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar.

Jadual 8f

Trend Keluaran Graduan ILKA (Selain ILKA KPT) Mengikut Peringkat Pengajian, 2018-2021

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen				Peratus perubahan tahunan 2021
	2018	2019	2020	2021	
	Bil.				%
Diploma lanjutan	124	92	46	46	0.0
Diploma	20,316	20,920	18,465	15,501	-16.1
Sijil	17,736	24,745	24,673	22,451	-9.0
Jumlah	38,176	45,757	43,184	37,998	-12.0

8.2 Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2017-2021


Berdasarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025, *QS World University Rankings* merupakan satu daripada penarafan yang menetapkan enam indikator pengukur iaitu Reputasi Akademik, **Reputasi Majikan**, Ratio Fakulti dan Pelajar, Sitasi Fakulti, Ratio Fakulti Antarabangsa dan Ratio Pelajar Antarabangsa. **Reputasi Majikan** yang merangkumi kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE) mempunyai pemberat sebanyak 10 peratus berdasarkan metrik soal selidik ke atas 50,000 majikan dan industri, digunakan untuk menentukan IPT yang paling kompeten, inovatif, dan berupaya melahirkan graduan yang paling efektif kepada mereka. Penarafan QS Kebolehpasaran Graduan (QS Graduate Employability Rankings), merupakan satu daripada cabang *QS World University Ranking*.

Penarafan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap reputasi dan kualiti IPT. Ia menjadi kayu ukur kedudukan universiti di persada dunia dan merupakan satu daripada faktor pemilihan pelajar untuk kemasukan ke universiti. Justeru, kebolehpasaran graduan memainkan peranan penting dalam menentukan penarafan universiti pada peringkat global.

Kadar kebolehpasaran graduan (Graduate Employability; GE) dalam Kajian Pengesanan Graduan KPT merangkumi graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025 menyasarkan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021 adalah sekurang-kurangnya 85.1 peratus.

8.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2017–2021

- Kadar kebolehpasaran graduan (warganegara) pada tahun 2021 meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada 85.5 peratus berbanding 84.4 peratus pada tahun 2020.
- Perincian status pekerjaan bagi tempoh lima (5) tahun kajian dipaparkan pada **Jadual 8g**.



n= Jumlah responden

Nota: * Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

- Kadar bekerja meningkat sebanyak 1.6 peratus, iaitu kepada 61.6 peratus pada tahun 2021 berbanding 60.0 peratus pada tahun 2020. Kadar melanjutkan pengajian juga turut meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada 18.8 peratus.
- Kadar belum bekerja menurun sebanyak 1.1 peratus. Namun, bilangan graduan belum bekerja meningkat kepada 41,467 graduan berbanding 40,550 graduan pada tahun 2020. Hal ini kerana jumlah keluaran graduan pada tahun 2021 adalah lebih besar berbanding tahun 2020.
- Peratusan graduan yang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan juga menurun berbanding tahun 2020, iaitu masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 peratus dan 1.3 peratus.

Jadual 8g


Trend Status Pekerjaan Graduan (Warganegara), 2017-2021

Status pekerjaan	Tahun konvokesyen									
	2017		2018		2019		2020		2021	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja	141,257	55.4	170,226	58.6	189,543	63.5	156,525	60.0	176,256	61.6
Melanjutkan pengajian	43,495	17.1	45,636	15.7	49,875	16.7	46,278	17.8	53,770	18.8
Meningkatkan kemahiran	5,068	2.0	3,710	1.3	4,029	1.3	5,282	2.0	5,253	1.8
Menunggu penempatan pekerjaan	11,906	4.7	13,299	4.6	13,943	4.7	12,066	4.6	9,553	3.3
Belum bekerja	53,373	20.9	57,411	19.8	41,161	13.8	40,550	15.6	41,467	14.5
Jumlah	255,099	100	290,282	100	298,551	100	260,701	100	286,299	100

- Kadar kebolehpasaran graduan (kadar GE) bagi peringkat PhD, sarjana dan ijazah pertama pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Graduan sarjana dan ijazah pertama masing-masing merekodkan peningkatan sebanyak 2.4 peratus dan 1.4 peratus bagi graduan PhD.
- Bagi graduan diploma pula, kadar GE menurun sedikit, iaitu sebanyak 0.2 peratus pada tahun 2021 kepada 85.4 peratus (2020: 85.6%).


Carta 8.2b

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara)
Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021




- Pada tahun 2021, kadar belum bekerja peringkat PhD dan sarjana merekodkan kadar terendah bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu masing-masing 8.8 peratus dan 7.1 peratus. Ini menunjukkan pencapaian yang baik bagi graduan peringkat ini pada tahun 2021.

Carta 8.2c Kadar Belum Bekerja bagi Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana, 2017-2021



- Kadar belum bekerja bagi peringkat ijazah pertama pada tahun 2021 turut menurun sebanyak 2.4 peratus. Manakala bagi graduan diploma, terdapat sedikit peningkatan, iaitu kepada 14.6 peratus berbanding 14.4 peratus pada tahun 2020.

Carta 8.2d Kadar Belum Bekerja bagi Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2017-2021




8.2.1.1 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina

- Pada tahun 2021, kadar kebolehpasaran graduan lelaki adalah sebanyak 87.0 peratus dan 84.4 peratus bagi graduan perempuan. Peratusan tersebut merekodkan peningkatan, iaitu sebanyak 1.0 peratus bagi graduan lelaki dan 1.1 peratus bagi perempuan.
- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki dan perempuan mencatatkan kadar tertinggi pada tahun 2019, iaitu 88.0 peratus bagi lelaki dan 84.9 peratus bagi perempuan.

Carta 8.2e

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2017-2021








8.2.1.2 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian

- Hampir semua bidang pengajian mencatatkan peningkatan kadar kebolehpasaran graduan kecuali bagi bidang perkhidmatan dan pertanian & veterinar, iaitu masing-masing menurun sebanyak 0.7 peratus dan 0.3 peratus berbanding tahun 2020.
- Kadar kebolehpasaran graduan tertinggi mengikut bidang pengajian pada tahun 2021 adalah sama seperti tahun 2020. Kadar GE tertinggi adalah graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (88.6%), diikuti graduan sains, matematik & komputer (87.2%) dan graduan kesihatan & kebajikan sebanyak 85.2 peratus.
- Graduan pendidikan merekodkan peningkatan bagi tempoh tiga (3) tahun (2019–2021), iaitu sebanyak 79.2 peratus pada tahun 2019, 83.0 peratus pada tahun 2020 dan kepada 83.7 peratus pada tahun 2021.

Jadual 8h

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara)
Mengikut Bidang Pengajian, 2017–2021

Bidang pengajian	Tahun konvokesyen				
	2017	2018	2019	2020	2021
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	82.3	83.4	90.1	86.5	88.6
 Sains, matematik dan komputer	79.2	80.3	87.2	85.3	87.2
 Kesihatan dan kebajikan	79.3	79.1	86.1	84.4	85.2
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	77.5	78.8	84.5	83.8	84.4
 Pendidikan	83.7	81.4	79.2	83.0	83.7
 Sastera dan kemanusiaan	72.2	75.4	83.4	81.2	83.1
 Perkhidmatan	79.5	80.3	85.0	82.5	81.8
 Pertanian dan veterinar	75.2	76.1	84.5	81.2	80.9

8.2.1.3 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin

- Pada tahun 2021, tiga (3) negeri yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pulau Pinang dan Selangor, masing-masing sebanyak 91.5 peratus, 88.8 peratus dan 88.5 peratus.
- Pada tahun yang sama, terdapat tujuh (7) negeri yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 85.0 peratus. Sabah mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan terendah iaitu 78.2 peratus, diikuti Kelantan (80.2%) dan Sarawak (82.7%).

Jadual 8i

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara)
Mengikut Negeri Bermastautin, 2017-2021

		(%)				
Negeri bermastautin		2017	2018	2019	2020	2021
 WP Putrajaya		87.5	90.3	90.8	90.3	91.5
 Pulau Pinang		83.6	84.5	88.6	87.6	88.8
 Selangor		83.4	83.8	88.2	87.0	88.5
 WP Kuala Lumpur		83.2	84.2	87.4	86.8	88.4
 Johor		80.6	82.6	87.8	87.0	86.9
 Melaka		79.9	81.4	86.3	86.2	86.0
 Perlis		79.5	78.8	86.7	83.0	85.7
 WP Labuan		74.6	71.2	88.1	82.9	85.7
 Negeri Sembilan		79.4	81.6	86.1	85.2	85.6
 Kedah		78.2	78.7	86.6	84.5	84.7
 Pahang		77.3	79.4	85.7	84.5	83.7
 Terengganu		71.3	74.3	84.0	82.6	83.6
 Perak		77.3	77.8	84.5	81.8	82.9
 Sarawak		76.4	77.4	83.2	80.1	82.7
 Kelantan		71.2	72.1	82.1	80.9	80.2
 Sabah		68.6	71.6	82.0	76.2	78.2

8.2.1.4 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga

- Analisis melibatkan empat (4) tahun memandangkan skala pendapatan bulanan keluarga pada tahun 2017 berbeza. Purata kadar kebolehpasaran bagi ketiga-tiga kategori pendapatan bulanan keluarga antara 79.1 hingga 89.5 peratus.
- Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021 bagi semua kategori pendapatan bulanan keluarga merekodkan peningkatan antara 0.4 hingga 2.0 peratus. Bagi kategori pendapatan bulanan melebihi RM4,000, peratusan yang direkodkan pada tahun 2021 merupakan kadar tertinggi.
- Dapatan kajian menunjukkan trend kadar kebolehpasaran graduan adalah konsisten mengikut kategori pendapatan bulanan keluarga bagi tempoh tersebut.

Carta 8.2f

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2018-2021


Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga	(%)			
	2018	2019	2020	2021
RM4,000 dan ke bawah	79.1	85.5	83.6	84.0
RM4,001 – RM8,500	83.0	87.8	86.2	87.9
RM8,501 dan ke atas	84.8	89.0	87.5	89.5

8.2.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan UA dan Belum Bekerja, 2017–2021

- Kadar kebolehpasaran graduan UA pada tahun 2021 adalah sebanyak 88.2 peratus, iaitu meningkat 1.5 peratus berbanding tahun 2020 (86.7%) dan merupakan peratusan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun kajian.
- Kadar bekerja meningkat sebanyak 2.0 peratus, iaitu kepada 61.7 peratus (2020: 59.7%). Peratusan tersebut merupakan rekod kedua tinggi selepas tahun 2019, iaitu sebanyak 62.8 peratus.
- Kadar melanjutkan pengajian sebanyak 19.4 peratus pada tahun 2021 juga merupakan kadar tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
- Pada tahun 2021, kadar meningkatkan kemahiran menurun sebanyak 0.6 peratus dan menunggu penempatan pekerjaan sebanyak 0.8 peratus berbanding tahun 2020.
- Begitu juga kadar belum bekerja, merekodkan penurunan sebanyak 1.5 peratus, iaitu kepada 11.8 peratus berbanding 13.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Carta 8.2g

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara), 2017–2021




n= Jumlah responden

Nota: * Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

- Semua peringkat pengajian di UA mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 85.0 peratus.
- Kadar kebolehpasaran graduan PhD, sarjana dan ijazah pertama merekodkan peningkatan antara 1.0 hingga 2.7 peratus manakala bagi graduan diploma, menurun sebanyak 1.0 peratus.
- Peratusan yang direkodkan oleh graduan PhD (91.2%) dan sarjana (93.0%) merupakan kadar tertinggi bagi tempoh 2017 hingga 2021.

Carta 8.2h


Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021



- Kadar belum bekerja graduan pascasiswazah (PhD dan sarjana) dan ijazah pertama pada tahun 2021, masing-masing menurun sebanyak 2.5 peratus dan 2.2 peratus.
- Bagi graduan diploma, kadar belum bekerja meningkat sebanyak 1.0 peratus pada tahun 2021 (2020: 9.5%).

Carta 8.2i

Kadar Belum Bekerja Graduan UA (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021




* Termasuk peringkat PhD dan Sarjana

8.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS dan Belum Bekerja, 2017–2021

- Kadar kebolehpasaran graduan IPTS merekodkan peningkatan bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2017 hingga 2021). Peratusan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 80.3 peratus, meningkat sebanyak 0.9 peratus berbanding tahun 2020. Kadar bekerja (58.5%) juga mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu meningkat sebanyak 3.3 peratus.
- Kadar melanjutkan pengajian bagi tempoh lima (5) tahun ialah antara 15.5 peratus hingga 17.3 peratus.
- Kadar menunggu penempatan pekerjaan menurun sebanyak 1.8 peratus dan meningkatkan kemahiran sebanyak 0.3 peratus.
- Kadar belum bekerja graduan IPTS menurun sebanyak 0.9 peratus, iaitu kepada 19.7 peratus berbanding tahun 2020 (20.6%).

Carta 8.2j

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara), 2017–2021




n= Jumlah responden

Nota: * Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

- Kadar belum bekerja graduan IPTS peringkat pascasiswazah (PhD dan sarjana) dan ijazah pertama pada tahun 2021 mencatatkan penurunan antara 1.5 peratus hingga 2.6 peratus. Kadar belum bekerja kedua-dua peringkat tersebut merupakan peratusan terendah bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2017-2021).
- Bagi peringkat diploma pula, kadar belum bekerja telah meningkat sebanyak 1.4 peratus, iaitu daripada 20.8 peratus pada tahun 2020 kepada 22.2 peratus dan menyamai rekod pada tahun 2019.

Carta 8.2k

Kadar Belum Bekerja Graduan IPTS (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021




* Termasuk peringkat PhD dan Sarjana

8.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan Politeknik dan Belum Bekerja, 2017–2021

- Pada tahun 2021, kadar kebolehpasaran graduan politeknik ialah 93.7 peratus, iaitu meningkat sebanyak 2.3 peratus. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut masih rendah berbanding rekod yang telah dicatatkan pada tahun 2017–2019, iaitu antara 94.5 hingga 96.7 peratus.
- Peratusan bekerja dan melanjutkan pengajian bagi graduan politeknik tahun 2021 merekodkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus dan 0.5 peratus, iaitu masing-masing kepada 71.1 peratus dan 19.5 peratus. Peratusan graduan politeknik yang melanjutkan pengajian merupakan peratus tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun kajian.
- Sebanyak 2.2 peratus graduan politeknik sedang menunggu penempatan pekerjaan dan 0.8 peratus sedang mengikuti program meningkatkan kemahiran, iaitu masing-masing meningkat sebanyak 0.7 peratus dan 0.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Kadar belum bekerja graduan politeknik merekodkan penurunan sebanyak 2.3 peratus, iaitu kepada 6.3 peratus (2020: 8.6%).

Carta 8.21

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan Politeknik, 2017–2021




n= Jumlah responden

Nota: * Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

- Kadar belum bekerja graduan politeknik tahun 2021 bagi peringkat ijazah pertama menurun sebanyak 1.1 peratus kepada 5.6 peratus (2020: 6.7%). Begitu juga bagi graduan peringkat diploma, turut merekodkan penurunan sebanyak 2.3 peratus kepada 6.3 peratus (2020: 8.6%).
- Bagi peringkat sijil pula, kadar belum bekerja meningkat sebanyak 5.0 peratus kepada 22.1 peratus (17 graduan). Ini merupakan peratusan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun kajian.

Carta 8.2m

Kadar Belum Bekerja Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021




8.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti dan Belum Bekerja, 2017–2021

- Kadar kebolehpasaran graduan kolej komuniti meningkat, iaitu 0.6 peratus pada tahun 2021 kepada 94.8 peratus berbanding 94.2 peratus pada tahun 2020.
- Kadar bekerja menurun sebanyak 2.4 peratus pada tahun 2021 kepada 72.0 peratus berbanding 74.4 peratus pada tahun 2020.
- Sebaliknya, peratusan melanjutkan pengajian meningkat sebanyak 2.9 peratus, iaitu kepada 21.9 peratus (2020: 19.0%).
- Kadar belum bekerja tahun 2021 menurun, iaitu sebanyak 0.6 peratus (2021: 5.2%; 2020: 5.8%).

Carta 8.2n

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti, 2017–2021




n= Jumlah responden

Nota: * Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

- Kadar belum bekerja bagi peringkat sijil menurun sebanyak 0.8 peratus kepada 5.1 peratus (2020: 5.9%).
- Sebaliknya, bagi graduan diploma merekodkan peningkatan kadar belum bekerja kepada 11.1 peratus (4 graduan) berbanding 2.3 peratus (5 graduan) pada tahun 2020.

Carta 8.2o

Kadar Belum Bekerja Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2017-2021



8.3 Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara), 2017–2021

- Dalam kalangan graduan belum bekerja bagi tahun 2017–2021, graduan tahun 2021 merekodkan peratusan tertinggi sedang mencari pekerjaan, iaitu 73.2 peratus, meningkat sebanyak 0.4 peratus berbanding tahun 2020 (72.8%).
- Ini diikuti alasan berehat/melancong/bercuti, iaitu antara 6.7 hingga 11.8 peratus dengan graduan tahun 2019 merekodkan peratusan tertinggi.
- Peratusan graduan yang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian merekodkan trend meningkat iaitu 5.0 peratus pada tahun 2017 kepada 6.8 peratus pada tahun 2021.
- Terdapat penurunan peratusan bagi graduan yang belum bekerja dengan alasan kerja yang ditawarkan tidak sesuai (2020: 2.4%; 2021: 0.3%)

Jadual 8j

Sebab Belum Bekerja (10 Tertinggi) bagi Graduan Tahun 2017–2021

	(%)				
Sebab belum bekerja (10 tertinggi)	2017 (n= 53,373)	2018 (n= 57,411)	2019 (n= 41,161)	2020 (n= 40,550)	2021 (n= 41,467)
Sedang mencari pekerjaan	69.9	67.8	67.1	72.8	73.2
Berehat/melancong/bercuti	9.4	10.5	11.8	6.7	7.5
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	5.0	5.7	6.2	6.0	6.8
Tanggungjawab terhadap keluarga	5.5	5.4	4.9	4.5	4.3
Memilih untuk tidak bekerja	2.0	1.8	2.3	2.3	2.1
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	0.8	0.9	1.0	1.5	1.7
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)/ hilang upaya	0.9	1.1	1.5	1.5	1.6
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	-	0.1	0.2	0.4	1.1
Tidak berminat untuk bekerja	1.0	1.0	1.0	0.8	0.4
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	2.6	3.0	2.7	2.4	0.3

n= Jumlah responden belum bekerja

BAB 9

BAHAGIAN III

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA
2017-2021

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA, 2017–2021


Bab ini memperihalkan maklumat pekerjaan graduan warganegara bagi tempoh lima (5) tahun kajian, iaitu 2017–2021. Antara maklumat pekerjaan yang dibincangkan ialah taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, aktiviti ekonomi yang dibeberuhi dan pendapatan bulanan mengikut peringkat pengajian. Selain itu, kadar graduan yang menceburi bidang keusahawanan (merangkumi graduan bekerja sendiri/*freelance* dan sebagai majikan), maklumat pendapatan bulanan dan aktiviti ekonomi bagi graduan usahawan turut diperincikan dalam bab ini.

9.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2017–2021

- Bagi tempoh lima (5) tahun kajian, lebih daripada 70.0 peratus graduan merupakan pekerja swasta (termasuk NGO) kecuali pada tahun 2020, yang merekodkan sebanyak 68.5 peratus. Pada tahun 2021, peratusan pekerja swasta (termasuk NGO) meningkat sebanyak 1.7 peratus, iaitu kepada 70.2 peratus.
- Peratusan pekerja kerajaan pada tahun 2021 merekodkan peningkatan sebanyak 4.2 peratus, iaitu 14.6 peratus (2020: 10.4%).
- Graduan yang menceburi bidang keusahawanan merekodkan penurunan yang agak ketara pada tahun 2021, iaitu 9.7 peratus berbanding 15.2 peratus pada tahun 2020 (-5.5%).
- Bagi tempoh 2018–2021, sebanyak 5.1 hingga 5.9 peratus graduan bekerja dengan keluarga manakala pada tahun 2017 adalah sebanyak 3.2 peratus. Peratusan graduan yang bekerja dengan keluarga menurun 0.5 peratus pada tahun 2021, iaitu kepada 5.4 peratus berbanding 5.9 peratus pada tahun 2020.

Carta 9.1a

Trend Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan, 2017–2021



n= Jumlah responden bekerja

Nota: Usahawan merujuk kepada graduan yang bekerja sendiri/*freelance* dan sebagai majikan

9.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2017–2021


Peringkat pengajian adalah antara faktor utama yang mempengaruhi pendapatan bulanan graduan. Justeru, bagi mendapat gambaran jelas berkaitan pendapatan bulanan graduan, perincian disediakan mengikut peringkat pengajian.

9.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan PhD, 2017–2021

- Majoriti graduan PhD memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM5,000 bagi setiap tahun tempoh kajian 2017–2021, iaitu antara 64.0 hingga 70.6 peratus. Peratusan yang direkodkan pada tahun 2021 adalah kedua tertinggi, iaitu sebanyak 69.8 peratus berbanding 67.8 peratus pada tahun 2020.
- Sebanyak 6.1 hingga 11.0 peratus graduan PhD memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah. Bagi tempoh tiga (3) tahun terkini terdapat trend penurunan bagi kumpulan ini (2019: 11.0%; 2020: 10.7%; 2021: 7.6%).

Carta 9.2a

Trend Pendapatan Bulanan Graduan PhD, 2017–2021




n= Jumlah responden PhD bekerja

9.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2017-2021

- Bagi tempoh empat (4) tahun kajian (2018-2021), kumpulan pendapatan bulanan RM5,001 & ke atas merekodkan peratusan tertinggi, iaitu antara 35.3 hingga 44.7 peratus. Graduan tahun 2021 merekodkan peratusan tertinggi berada dalam kumpulan ini, iaitu 44.7 peratus (meningkat 8.1 peratus) berbanding 36.6 peratus pada tahun 2020.
- Kumpulan pendapatan bulanan antara RM2,001 hingga RM5,000 merekodkan penurunan bermula tahun 2017-2021.
- Pada tahun 2021, peratusan graduan sarjana yang memperolehi pendapatan RM2,000 & ke bawah adalah yang terendah dalam tempoh lima (5) tahun kajian.

Carta 9.2b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2017-2021




n= Jumlah responden sarjana bekerja

9.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2017–2021

- Graduan ijazah pertama merekodkan peratusan tertinggi berada dalam kumpulan pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000 bagi tempoh 2018–2021, iaitu antara 36.2 hingga 46.2 peratus.
- Terdapat peningkatan sebanyak 1.3 peratus bagi graduan yang memperolehi pendapatan RM2,001–RM3,000 bagi dua (2) tahun terkini (2020: 31.8%; 2021: 33.1%).
- Bermula tahun 2018 terdapat peningkatan peratusan bagi graduan yang memperolehi pendapatan melebihi RM3,000. Tahun 2021 mencatatkan peratusan tertinggi (18.6%) yang merangkumi pertambahan sebanyak 4.0 peratus berbanding tahun 2020.

Carta 9.2c

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2017–2021




n= Jumlah responden ijazah pertama bekerja

9.2.4 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2017–2021

- Majoriti graduan diploma memperolehi pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000. Terdapat peningkatan peratusan bagi kumpulan ini bermula tahun 2017–2020. Peratusan tertinggi adalah direkodkan oleh graduan 2020, iaitu 70.4 peratus, menurun sebanyak 0.9 peratus pada tahun 2021 (69.5%).
- Pada tahun 2021, peratusan graduan yang memperolehi pendapatan RM2,001 & ke atas (2021: 15.6%; 2020: 12.4%) meningkat manakala terdapat penurunan peratusan bagi kumpulan pendapatan RM2,000 & ke bawah (2021: 84.4%; 2020: 87.6%).
- Terdapat peningkatan peratusan graduan yang memperolehi pendapatan bulanan melebihi RM3,000 bagi tempoh lima (5) tahun (2017: 2.2%; 2021: 3.1%).

Carta 9.2d

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2017–2021




n= Jumlah responden diploma bekerja

9.2.5 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sijil, 2017–2021

- Bagi tempoh lima (5) tahun, majoriti graduan sijil berada dalam kumpulan pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, iaitu antara 57.4 hingga 67.8 peratus. Peratusan graduan sijil tahun 2021 yang berada dalam kumpulan ini meningkat sebanyak 5.5 peratus, iaitu 67.8 peratus berbanding 62.3 peratus pada tahun 2020.
- Graduan sijil yang memperoleh pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah merekodkan peratusan terendah pada tahun 2021 (21.6%), menurun 7.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Manakala peratusan kumpulan pendapatan bulanan melebihi RM2,000 adalah tertinggi pada tahun 2021, masing-masing sebanyak 7.9 peratus bagi kumpulan RM2,001 – RM3,000 dan 2.7 peratus memperoleh pendapatan bulanan RM3,001 & ke atas.

Carta 9.2e

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sijil, 2017–2021



n= Jumlah responden sijil bekerja

9.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2017–2021

- Lebih daripada 50.0 peratus graduan bekerja dalam sektor swasta tempatan bagi tempoh empat (4) tahun kajian kecuali pada tahun 2018, sebanyak 48.8 peratus bekerja di sektor tersebut.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam sektor kerajaan dan badan berkanun meningkat pada tahun 2021 berbanding tahun 2020, iaitu masing-masing kepada 14.6 peratus dan 3.1 peratus (meningkat antara 0.7 hingga 3.5 peratus).
- Penyertaan graduan dalam sektor pertubuhan bukan kerajaan (NGO) merekodkan trend penurunan bermula tahun 2018, iaitu 17.1 peratus kepada 9.8 peratus pada tahun 2021 (2019: 15.2%; 2020: 13.4%).

Jadual 9a

Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2017–2021

Sektor pekerjaan	(%)				
	2017 (n= 126,952)	2018 (n= 139,204)	2019 (n= 150,395)	2020 (n= 120,540)	2021 (n= 145,062)
Swasta tempatan	60.0	48.8	51.3	55.1	54.5
Swasta multinasional	18.8	18.8	18.8	16.8	17.0
Kerajaan	16.1	11.5	11.1	11.1	14.6
Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	2.2	17.1	15.2	13.4	9.8
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	2.8	3.8	3.6	3.6	4.1
Badan berkanun	3.6	2.6	2.4	2.4	3.1

n= Jumlah responden pekerja kerajaan/pekerja swasta (termasuk NGO)

9.4 Trend Sektor Ekonomi Graduan, 2017–2021

- Sebahagian besar graduan tahun 2017 hingga 2021 bekerja dalam sektor perkhidmatan dengan merekodkan antara 77.3 hingga 80.9 peratus. Peratusan tertinggi (80.9%) direkodkan oleh graduan tahun 2018 dan terendah adalah pada tahun 2020 (77.3%). Pada tahun 2021, sebanyak 78.1 peratus graduan bekerja dalam sektor ini, iaitu meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Sektor pembuatan menyumbang antara 10.4 hingga 14.6 peratus bagi tempoh 2017 hingga 2021. Peratusan tertinggi adalah pada tahun 2020, iaitu sebanyak 14.6 peratus menurun kepada 13.2 peratus pada tahun 2021.
- Sektor pembinaan pula merekodkan antara 5.6 hingga 6.7 peratus graduan berada dalam sektor tersebut bagi tempoh 2017 hingga 2021 dengan peratusan terendah adalah graduan tahun 2020. Pada tahun 2021, sebanyak 6.1 peratus, iaitu meningkat 0.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Bagi tempoh lima (5) tahun kajian, peratusan graduan yang terlibat dalam sektor perlombongan & pengkuarian adalah yang terendah dan tidak berubah (0.3%).

Jadual 9b

Trend Sektor Ekonomi Graduan, 2017–2021

Sektor ekonomi	(%)				
	2017 (n= 141,257)	2018 (n= 170,226)	2019 (n= 189,543)	2020 (n= 156,525)	2021 (n= 176,256)
Perkhidmatan	80.9	78.4	78.7	77.3	78.1
Pembuatan	10.4	13.0	13.1	14.6	13.2
Pembinaan	6.7	6.6	6.0	5.6	6.1
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1.8	1.7	1.9	2.2	2.3
Perlombongan dan pengkuarian	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3

n= Jumlah responden bekerja

9.5 Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2017–2021

- Kumpulan profesional merekodkan peratus tertinggi, iaitu antara 32.1 hingga 38.8 peratus bagi tempoh empat (4) tahun kajian (2017–2020). Pada tahun 2021, sebanyak 40.5 peratus graduan berada dalam kumpulan ini, iaitu meningkat 3.3 peratus berbanding tahun 2020 (37.2%).
- Kumpulan pengurus (3.6%) dan juruteknik & profesional bersekutu (18.4%) merekodkan penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya, iaitu masing-masing menurun sebanyak 4.1 peratus dan 1.7 peratus. Kumpulan pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan dan operator mesin & loji, & pemasang juga turut menurun pada tahun 2021, iaitu masing-masing 0.3 peratus.

Jadual 9c

Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2017–2021

Kumpulan pekerjaan	(%)				
	2017 (n= 136,062)	2018 (n= 151,821)	2019 (n= 163,655)	2020 (n= 132,682)	2021 (n= 175,038)
Pengurus	6.5	6.4	7.9	7.7	3.6
Profesional	38.8	32.1	38.2	37.2	40.5
Juruteknik dan profesional bersekutu	8.1	11.4	19.5	20.1	18.4
Pekerja sokongan perkeranian	16.6	14.7	11.4	11.2	12.5
Pekerja perkhidmatan dan jualan	17.1	17.9	12.3	11.9	12.5
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	0.7	0.8	0.3	0.3	0.6
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	3.7	6.7	2.9	3.5	3.2
Operator mesin dan loji, dan pemasang	1.5	1.8	2.7	3.7	3.4
Pekerja asas	6.3	7.6	3.3	3.9	4.9
Angkatan tentera	0.7	0.7	1.6	0.4	0.5

n= Jumlah responden bekerja

Nota:

- 1) 2017 hingga 2020 – tidak termasuk graduan bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan
- 2) 2021 – seramai 1,218 graduan tiada maklumat kerana menggunakan sistem 2020


9.6 Trend Graduan Menceburi Keusahawanan, 2017–2021

- Graduan usahawan merujuk kepada graduan bekerja sendiri/*freelance* dan majikan.
- Peratusan graduan yang memilih bidang keusahawanan pada tahun 2020, iaitu sebanyak 15.2 peratus merupakan kadar tertinggi yang dicatatkan bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2017–2021).
- Pada tahun 2021, kadar graduan yang menceburi bidang keusahawanan menurun sebanyak 5.5 peratus, iaitu kepada 9.7 peratus.

Carta 9.3a

Kadar Graduan Usahawan, 2017–2021

Tahun	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan
2017	141,257	3.7% (5,195)
2018	170,226	10.8% (18,405)
2019	189,543	13.7% (25,888)
2020	156,525	15.2% (23,843)
2021	176,256	9.7% (17,156)



9.6.1 Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan, 2017–2021

- Sebahagian besar graduan usahawan memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2017–2021), iaitu antara 73.7 hingga 80.8 peratus.
- Walau bagaimanapun, peratusan yang berada dalam kumpulan pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah menunjukkan penurunan pada tahun 2021, iaitu kepada 73.7 peratus (2020: 80.6%). Sebaliknya, peratusan yang memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM2,000 merekodkan peningkatan (2021: 26.3%; 2020: 19.4%).

Jadual 9d

Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan, 2017–2021

Pendapatan bulanan	(%)				
	2017 (n= 5,195)	2018 (n= 18,405)	2019 (n= 25,888)	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)
RM1,000 dan ke bawah	53.6	25.5	41.9	42.2	39.2
RM1,001 – RM2,000	27.2	52.3	37.3	38.4	34.5
RM2,001 – RM3,000	10.0	14.5	13.3	12.3	14.8
RM3,001 – RM5,000	5.5	5.0	4.8	4.6	7.3
RM5,001 dan ke atas	3.8	2.7	2.6	2.5	4.2

n= Jumlah responden bekerja sendiri/*freelance* dan majikan

9.6.2 Trend Sektor Ekonomi Graduan Usahawan, 2017–2021

- Sebahagian besar graduan yang menceburi bidang keusahawan berada dalam sektor perkhidmatan, iaitu antara 78.8 hingga 83.1 peratus bagi tahun 2017–2021. Peratusan tertinggi direkodkan pada tahun 2021 manakala kadar terendah ialah pada tahun 2020.
- Sektor ekonomi kedua yang menjadi pilihan graduan usahawan ialah pembuatan (antara 9.1 hingga 13.6 peratus). Ini diikuti sektor pembinaan (antara 3.7 hingga 4.4 peratus) dan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (2.6 hingga 5.5 peratus) bagi tempoh lima (5) tahun kajian.

Jadual 9e

Graduan Usahawan Mengikut Sektor Ekonomi, 2017–2021

Sektor ekonomi	2017 (n= 5,195)	2018 (n= 18,405)	2019 (n= 25,888)	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)
Perkhidmatan	80.3	82.3	81.4	78.8	83.1
Pembuatan	9.8	10.7	11.6	13.6	9.1
Pembinaan	4.2	4.2	3.9	3.7	4.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	5.5	2.6	3.0	3.7	3.3
Perlombongan dan pengkuarian	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

(%)

BAB 10

BAHAGIAN III


TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET
2018-2021

TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET, 2018–2021

Pelaksanaan Kajian Pengesanan Graduan kepada graduan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) bermula pada tahun 2018. Kaji selidik ini merangkumi graduan warganegara Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga ijazah pertama (tahap 6). Bab ini memaparkan trend keluaran, kebolehpasaran graduan dan maklumat pekerjaan terpilih graduan TVET bagi tempoh empat (4) tahun (2018–2021).

10.1 Trend Penyertaan ILKA dan Graduan TVET, 2018–2021

- ▶ Pada tahun 2018, Kajian Pengesanan Graduan TVET melibatkan 407 institusi latihan di bawah lima (5) kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Sumber Manusia (KSM), dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
- ▶ Seterusnya pada tahun 2021, terdapat sebanyak 547 institusi latihan di bawah lapan (8) kementerian termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kerja Raya (KKR), dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah meningkat sebanyak 34.4 peratus bagi tempoh empat (4) tahun kajian.
- ▶ Keluaran graduan TVET tahun 2021 merekodkan penurunan sebanyak 6.6 peratus, kepada (73,495 graduan) berbanding tahun 2020 (78,655 graduan). Penurunan jumlah graduan ini dipengaruhi oleh perubahan takwim akademik, pelanjutan tempoh latihan dan penangguhan latihan industri berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan pada tahun 2020. Hal ini menyebabkan pengambilan pelajar baru tidak dapat dibuat seterusnya menyumbang kepada pengurangan keluaran graduan.



- ▶ Pada tahun 2021, hampir semua ILKA mencatatkan kadar respons melebihi 90.0 peratus kecuali ILKA MOTAC (43.5%) dan ILKA KKR sebanyak 14.0 peratus. Kadar respons ILKA KKR sangat rendah kerana majlis konvokesyen yang menjadi mekanisma bagi memastikan penyertaan graduan dalam kaji selidik tidak dianjurkan pada tahun tersebut.

10.1.1 Trend Graduan TVET Mengikut Jantina, 2018–2021

- Sepanjang tempoh kaji selidik ini dilaksanakan jumlah graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu antara 58.9 hingga 61.7 peratus. Kadar graduan lelaki menunjukkan peningkatan bagi tempoh tiga (3) tahun (2019–2021), iaitu kepada 61.7 peratus pada tahun 2021 (2019: 58.9%; 2020: 60.1%).

Carta 10.1b

Trend Graduan TVET Mengikut Jantina, 2018–2021




10.1.2 Trend Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2021

- Trend keluaran graduan TVET mengikut peringkat pengajian bagi tempoh tiga (3) tahun, iaitu 2019 hingga 2021 tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Kumpulan terbesar adalah peringkat diploma (antara 56.9 hingga 58.2 peratus), diikuti peringkat sijil (antara 40.0 hingga 42.9 peratus). Bagi peringkat diploma lanjutan dan ijazah pertama pula adalah sebanyak 0.1 hingga 0.2 peratus.
- Perubahan ketara peratusan graduan bagi peringkat diploma dan sijil adalah pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 kerana skop kajian telah diperluaskan kepada graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 dan tahap 2.

Carta 10.1c

Trend Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2021



- ▶ Pada tahun 2021, terdapat sedikit peningkatan peratusan bagi peringkat sijil berbanding tahun 2020, iaitu sebanyak 2.9 peratus. Walau bagaimanapun, bilangan graduan sijil tidak menunjukkan perbezaan yang ketara, iaitu 31,495 pada tahun 2021 (2020: 31,501 graduan). Manakala bagi diploma, penurunan sebanyak 2.8 peratus dicatatkan pada tahun 2021.
- ▶ Bagi ILKBS, pelajar yang sepatutnya menamatkan pengajian selewat-lewatnya 31 Disember 2021 tidak dapat menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan disebabkan penangguhan sesi kuliah ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Begitu juga bagi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawah KSM, lazimnya terdapat dua (2) sesi keluaran utama setiap tahun. Namun pada tahun 2021, hanya satu (1) keluaran utama dan khas sahaja yang bergraduasi ekoran pelanjutan tempoh PKP.

Jadual 10a

Trend Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2021


Peringkat pengajian	2018	2019	2020	2021	Peratus perubahan tahunan 2021 (%)
	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	
Ijazah pertama	162	178	166	169	1.8
Diploma lanjutan	171	92	46	46	0.0
Diploma	48,867	50,036	46,942	41,785	-11.0
Sijil	28,093	35,723	31,501	31,495	0.0
Keseluruhan	77,293	86,029	78,655	73,495	-6.6

10.1.3 Trend Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2021

- ▶ Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mencatatkan jumlah graduan tertinggi sejak tahun 2018 iaitu antara 45,336 hingga 53,205 graduan. Jumlah graduan bidang ini pada tahun 2021 ialah seramai 46,290 graduan berbanding 50,465 graduan pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak 8.3 peratus.
- ▶ Hampir keseluruhan bidang pengajian merekodkan penurunan kecuali bidang kesihatan & kebajikan (meningkat 51.7 peratus), bidang pertanian & veterinar (meningkat 26.5 peratus) dan sastera & kemanusiaan (meningkat sebanyak 18.8 peratus).

Jadual 10b

Trend Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2021


Bidang pengajian	2018	2019	2020	2021	Peratus perubahan tahunan 2021
	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	%
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	45,336	53,205	50,465	46,290	-8.3
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	10,606	10,204	9,439	9,047	-4.2
 Perkhidmatan	6,250	8,149	8,508	7,187	-15.5
 Sains, matematik dan komputer	6,811	6,574	4,745	4,399	-7.3
 Sastera dan kemanusiaan	3,309	3,838	3,001	3,565	18.8
 Pertanian dan veterinar	2,173	2,313	1,699	2,150	26.5
 Pendidikan	2,503	1,578	655	640	-2.3
 Kesihatan dan kebajikan	305	168	143	217	51.7
Keseluruhan	77,293	86,029	78,655	73,495	-6.6

10.2 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET, 2018–2021

Bahagian ini akan membincangkan kadar kebolehpasaran graduan TVET (graduate employability; GE) yang merangkumi graduan berstatus bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

10.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET, 2018–2021

- Graduan TVET merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 87.0 hingga 93.4 peratus bagi tempoh kajian (2018–2021), dengan peratusan tertinggi adalah pada tahun 2019. Pandemik COVID-19 pada tahun 2020 menyebabkan penurunan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 6.4 peratus. Namun pada tahun 2021, kadar tersebut meningkat sebanyak 1.0 peratus.
- Peratusan bekerja menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus pada tahun 2019, iaitu 73.3 peratus berbanding 73.5 peratus pada tahun 2018. Seterusnya pada tahun 2020, peratusan bekerja terus mencatatkan penurunan sebanyak 6.5 peratus (kepada 66.8%) yang merupakan peratusan terendah dalam tempoh empat (4) tahun. Pada tahun 2021, peratusan bekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus (kepada 67.7%) berikutan Pelan Pemulihan Negara yang dilaksanakan kerajaan.
- Peratusan belum bekerja mencatatkan penurunan sebanyak 1.0 peratus, iaitu daripada 13.0 peratus pada tahun 2020 kepada 12.0 peratus pada tahun 2021.
- Graduan yang melanjutkan pengajian mencatatkan peningkatan pada setiap tahun iaitu antara 12.9 hingga 17.7 peratus.



n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

10.2.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Jantina, 2018–2021

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki melebihi perempuan dalam tempoh empat (4) tahun, kecuali pada tahun 2018.
- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus, iaitu 88.8 peratus pada tahun 2021 berbanding 87.9 peratus pada tahun 2020. Begitu juga dengan perempuan, kadar kebolehpasaran graduan yang dicatatkan pada tahun 2021 (86.8%) melebihi tahun 2020 (85.6%).


Jantina	2018		2019		2020		2021	
	Bil.	GE (%)	Bil.	GE (%)	Bil.	GE (%)	Bil.	GE (%)
Lelaki	34,963	88.5	40,273	94.1	36,764	87.9	34,721	88.8
Perempuan	25,660	89.5	29,529	92.4	25,278	85.6	23,109	86.8
Keseluruhan	60,623	88.9	69,802	93.4	62,042	87.0	57,830	88.0

10.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2021

- Kadar kebolehpasaran graduan bagi semua peringkat pengajian adalah melebihi 84.0 peratus bagi tempoh empat (4) tahun. Semua peringkat pengajian mencatatkan peningkatan kadar kebolehpasaran graduan pada 2021 berbanding 2020.

Carta 10.2b

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2021




10.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2021

- Bermula tahun 2018, kadar kebolehpasaran graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan yang dicatatkan adalah melebihi 88.0 peratus kecuali pada tahun 2020 (87.1%).
- Pada tahun 2021, kadar kebolehpasaran graduan bidang tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus, iaitu 88.7 peratus berbanding tahun 2020.

Jadual 10d

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2018–2021

Bidang pengajian	2018		2019		2020		2021	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
 Pendidikan	1,483	81.7	1,246	68.7	621	78.9	548	57.8
 Sastera dan kemanusiaan	3,073	91.5	3,494	94.5	2,836	90.5	3,410	89.2
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	9,851	91.7	9,644	96.8	8,895	88.8	8,475	89.4
 Sains, matematik dan komputer	6,031	90.4	6,031	93.3	4,534	87.6	4,169	87.1
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	39,603	88.2	44,836	93.6	44,981	87.1	40,089	88.7
 Pertanian dan veterinar	2,006	81.0	2,125	86.7	1,587	73.4	2,011	75.6
 Kesihatan dan kebajikan	289	83.4	163	96.9	143	86.7	210	80.0
 Perkhidmatan	5,831	91.2	7,204	93.4	7,731	86.0	6,838	88.2
Jumlah	68,167	88.9	74,743	93.4	71,328	87.0	65,750	88.0

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

10.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Negeri Bermastautin, 2018–2021

- Semua negeri mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 82.0 peratus dalam tempoh empat (4) tahun kecuali Wilayah Persekutuan Labuan (2018) dan Sabah (tahun 2020 dan 2021). Walau bagaimanapun, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan peningkatan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021.

Jadual 10e

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Negeri Bermastautin, 2018–2021

Negeri bermastautin	2018		2019		2020		2021	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
 Johor	7,656	93.5	8,503	94.9	7,666	93.2	7,209	92.4
 Kedah	7,197	87.5	7,263	93.9	6,704	86.1	6,087	87.8
 Kelantan	5,053	84.3	5,755	89.6	5,750	83.6	5,152	82.2
 Melaka	2,770	91.3	2,838	95.2	2,668	91.3	2,438	90.2
 Negeri Sembilan	3,042	90.4	3,264	92.7	3,073	88.9	2,879	89.4
 Pahang	4,078	89.6	4,336	93.1	4,166	88.8	3,829	88.0
 Pulau Pinang	3,563	93.4	4,110	95.7	4,000	89.7	2,878	90.2
 Perak	6,062	86.9	6,631	92.8	6,337	85.7	5,414	87.0
 Perlis	856	86.3	968	94.2	843	84.5	773	88.0
 Selangor	11,132	91.9	12,576	95.7	12,016	91.1	12,033	92.4
 Terengganu	3,658	84.9	4,112	89.8	4,273	85.4	3,770	86.9
 Sabah	4,866	83.3	5,175	90.3	5,485	72.8	4,917	76.8
 Sarawak	4,857	86.0	5,191	92.2	4,907	83.2	5,348	84.9
 WP Kuala Lumpur	2,816	92.4	3,066	94.8	2,600	89.3	2,486	90.9
 WP Labuan	300	73.3	275	91.6	293	79.9	219	82.6
 WP Putrajaya	236	94.9	273	93.8	259	92.3	229	94.8
 Luar Negara	25	100.0	27	100.0	25	96.0	4	100.0
* Keseluruhan	68,167	88.9	74,363	93.4	71,065	87.0	65,665	87.9

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

Nota: * Jumlah responden tidak sama kerana penyertaan SKPG2.0 sahaja:

i) 2019 – 380 graduan

ii) 2020 – 263 graduan

iii) 2021 – 85 graduan

10.2.6 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga, 2018–2021

- Kadar kebolehpasaran graduan tertinggi dicatatkan pada tahun 2021 ialah graduan yang berada dalam kategori keluarga berpendapatan RM8,501 & ke atas, iaitu 92.9 peratus, diikuti RM4,001 – RM8,500 (89.7%) dan RM4,000 & ke bawah (87.4%).

Carta 10.2c

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2018–2021

Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga	2018 2019 2020 2021 (%)			
	2018	2019	2020	2021
RM4,000 dan ke bawah	88.7	93.1	86.7	87.4
RM4,001 – RM8,500	90.5	95.1	88.7	89.7
RM8,501 dan ke atas	90.4	96.6	88.5	92.9

BAB 11

BAHAGIAN III
TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET
2018-2021

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET, 2018–2021


Bab ini akan membincangkan trend maklumat pekerjaan graduan TVET seperti taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, sektor ekonomi, pendapatan bulanan, kumpulan pekerjaan dan tahap kemahiran bagi tempoh empat (4) tahun, iaitu 2018 hingga 2021.

11.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2021

- Majoriti graduan TVET merupakan pekerja swasta (termasuk NGO) bagi tempoh empat (4) tahun, iaitu antara 71.6 hingga 75.0 peratus. Peratusan tertinggi direkodkan pada tahun 2019, menurun sebanyak 3.4 peratus pada tahun 2020. Pada tahun 2021, terdapat peningkatan sebanyak 1.6 peratus, iaitu kepada 73.2 peratus.
- Graduan TVET yang menceburi bidang keusahawanan menunjukkan peningkatan, bagi tempoh tiga (3) tahun, iaitu 18.3 peratus pada tahun 2020 berbanding 12.7 peratus pada tahun 2018. Pada tahun 2021, peratusan graduan yang berada dalam kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak 5.2 peratus, iaitu kepada 13.1 peratus.
- Bagi graduan yang bekerja dalam sektor kerajaan terdapat peningkatan peratusan sebanyak 3.2 peratus (2020: 3.3%, 2021: 6.5%).

Carta 11.1a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2021



n= Jumlah responden bekerja

11.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2018–2021


Bahagian ini memaparkan trend pendapatan bulanan graduan TVET 2018–2021 mengikut kumpulan peringkat pengajian, iaitu ijazah pertama (tahap 6), diploma lanjutan (tahap 5), diploma (tahap 4) dan sijil (tahap 1 hingga 3).

11.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Ijazah Pertama, 2018–2021

- Peratusan tertinggi graduan TVET peringkat ijazah pertama yang semuanya merupakan graduan politeknik, berada dalam julat pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, iaitu antara 39.2 hingga 48.6 peratus. Peratus tertinggi direkodkan oleh graduan tahun 2021 (48.6%) manakala peratus terendah adalah graduan tahun 2019 (39.2%).
- Peratusan graduan yang berada dalam julat pendapatan bulanan RM3,001 & ke atas mencatatkan trend penurunan sejak tahun 2019 dengan peratusan terendah, iaitu 6.3 peratus pada tahun 2021.
- Sebaliknya, peratusan graduan ijazah pertama yang memperoleh RM1,001 – RM2,000 merekodkan peningkatan sejak tahun 2019 dengan purata peningkatan 4.7 peratus.

Carta 11.2a

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Ijazah Pertama, 2018–2021




Nota: * Tidak termasuk dua (2) graduan ijazah pertama yang bekerja dengan keluarga (tanpa upah)

11.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma Lanjutan, 2018–2021

- Sebanyak 45.5 hingga 66.7 peratus graduan TVET peringkat diploma lanjutan memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000. Graduan tahun 2021 merekodkan sebanyak 63.2 peratus graduan diploma lanjutan berada pada julat ini, iaitu menghampiri rekod bagi tahun 2018 (66.7%).
- Peratusan graduan yang berada dalam julat pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 pada tahun 2021 merekodkan penurunan yang ketara, iaitu kepada 18.4 peratus berbanding 44.1 peratus pada tahun 2020.
- Seterusnya, bagi kumpulan pendapatan bulanan RM3,001 & ke atas telah merekodkan peningkatan, iaitu kepada 5.3 peratus (2 graduan) pada tahun 2021.

Carta 11.2b


Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma Lanjutan, 2018–2021



11.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma, 2018–2021

- Sebahagian besar graduan TVET peringkat diploma memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, iaitu merekodkan peningkatan setiap tahun (2018: 60.7%; 2021: 73.7%).
- Peratusan graduan dalam kumpulan pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah menunjukkan trend penurunan, iaitu sebanyak 28.3 peratus pada tahun 2018 kepada 12.2 peratus pada tahun 2021 (menurun sebanyak 16.1 peratus).
- Peratus graduan diploma yang berpendapatan RM2,001 – RM3,000 adalah sekitar 9.0 hingga 9.9 peratus bagi tempoh tiga (3) tahun, iaitu 2018 hingga 2020. Pada tahun 2021, sebanyak 11.7 peratus graduan peringkat ini memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 (2020: 9.0%).

Carta 11.2c Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma, 2018–2021




Nota: * Tidak termasuk 1,069 graduan diploma yang bekerja dengan keluarga (tanpa upah)

11.2.4 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Sijil, 2018–2021

- Majoriti graduan TVET peringkat sijil memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, iaitu antara 62.2 hingga 69.1 peratus. Peratusan tertinggi dicatatkan oleh graduan 2021 (69.1%), iaitu meningkat sebanyak 5.9 peratus berbanding tahun 2020 (63.2%).
- Graduan sijil yang memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 menunjukkan trend meningkat, iaitu 5.3 peratus masing-masing pada tahun 2018 dan 2019 kepada 7.2 peratus pada tahun 2021 (2020: 6.0%).
- Terdapat juga trend peningkatan peratusan graduan sijil memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM3,000 (2020: 1.3%; 2021: 1.7%).

Carta 11.2d

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Sijil, 2018–2021



Nota: * Tidak termasuk 936 graduan sijil yang bekerja dengan keluarga (tanpa upah)

11.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2021

- ▶ Bagi tempoh empat (4) tahun, graduan TVET yang bekerja dalam sektor swasta tempatan ialah antara 56.1 hingga 67.1 peratus. Peratusan graduan yang bekerja dalam sektor ini menunjukkan trend peningkatan, iaitu sebanyak 67.1 peratus pada tahun 2021 (2020: 62.1%).
- ▶ Sektor pekerjaan yang paling kurang diceburi oleh graduan TVET sepanjang tempoh kajian adalah badan berkanun, antara 0.6 peratus hingga 1.2 peratus.

Jadual 11a

Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2018–2021

(%)

Sektor pekerjaan	2018 (n= 39,322)	2019 (n= 42,945)	2020 (n= 35,660)	2021 (n= 35,491)
Badan berkanun	0.7	0.6	0.6	1.2
Swasta multinasional	13.6	13.1	11.8	12.2
Swasta tempatan	56.1	59.5	62.1	67.1
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	2.6	2.3	2.6	2.7
Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	22.9	20.7	19.1	10.0
Kerajaan Persekutuan	2.3	2.0	1.9	2.9
Kerajaan negeri/tempatan	1.9	1.7	1.8	4.1

n= Jumlah responden pekerja kerajaan/pekerja swasta (termasuk NGO)

11.4 Trend Sektor Ekonomi Graduan TVET, 2018–2021

- Majoriti graduan TVET tahun 2018–2021 bekerja dalam sektor perkhidmatan, iaitu antara 68.4 hingga 71.2 peratus. Walau bagaimanapun, peratusan graduan yang bekerja dalam sektor ini menunjukkan trend penurunan setiap tahun, iaitu kepada 68.4 peratus pada tahun 2021 berbanding 71.2 peratus pada tahun 2018.
- Sektor kedua yang diceburi oleh graduan TVET bagi tempoh tersebut ialah sektor pembuatan (antara 19.3 hingga 22.6 peratus), diikuti sektor pembinaan (antara 5.7 hingga 7.2 peratus).

Jadual 11b

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan TVET, 2018–2021

Sektor ekonomi	(%)			
	2018 (n= 50,125)	2019 (n= 54,821)	2020 (n= 47,635)	2021 (n= 44,544)
Perkhidmatan	71.2	70.7	68.9	68.4
Pembuatan	19.3	20.7	22.6	20.9
Pembinaan	6.9	6.2	5.7	7.2
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2.3	2.2	2.6	3.2
Perlombongan dan pengkuarian	0.2	0.2	0.2	0.2

n= Jumlah responden bekerja

11.5 Trend Kumpulan Pekerja dan Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2018–2021

- Sebanyak 21.7 hingga 29.9 peratus graduan TVET bekerja sebagai juruteknik & profesional bersekutu bagi tempoh empat (4) tahun. Ini diikuti kumpulan pekerja perkhidmatan & jualan (antara 16.2 hingga 21.2 peratus) dan pekerja sokongan perkeranian (antara 11.8 hingga 13.8 peratus).
- Walau bagaimanapun, terdapat trend penurunan bagi graduan yang terlibat dalam pekerja perkhidmatan & jualan (2018: 21.2%; 2021: 16.2%).

Jadual 11c

Trend Kumpulan Pekerja Graduan TVET, 2018–2021

Kumpulan pekerjaan	(%)			
	2018 (n= 43,753)	2019 (n= 46,295)	2020 (n= 38,928)	2021 (n= 44,279)
Pengurus	3.1	2.4	1.8	1.6
Profesional	6.0	13.8	12.4	12.5
Juruteknik dan profesional bersekutu	21.7	29.9	29.6	28.7
Pekerja sokongan perkeranian	13.8	12.7	11.8	12.8
Pekerja perkhidmatan dan jualan	21.2	17.0	16.8	16.2
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	1.1	0.4	0.5	0.9
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	17.1	8.7	10.4	9.0
Operator mesin dan loji, dan pemasang	3.7	6.6	8.5	8.3
Pekerja asas	12.2	6.6	7.9	9.5
Angkatan tentera	0.0	1.9	0.4	0.3

Nota: Tidak termasuk graduan bekerja sendiri, majikan dan *freelance*

- Mengikut tahap kemahiran (tidak termasuk angkatan tentera), hampir 50.0 peratus graduan TVET merupakan pekerja separuh mahir bagi tempoh tiga (3) tahun kajian (2019–2021). Peratusan graduan TVET yang berada dalam kumpulan ini menurun sebanyak 0.2 peratus pada tahun 2021 (47.9%) berbanding 2020 (48.1%).
- Bermula tahun 2019, peratusan graduan TVET yang merupakan pekerja mahir mencatatkan penurunan, iaitu daripada 47.0 peratus kepada 42.8 peratus pada tahun 2021 (2020: 43.9%).
- Peratusan graduan TVET yang berada dalam kumpulan berkemahiran rendah mencatatkan peningkatan sejak tahun 2019 (6.7%) kepada 9.3 peratus pada tahun 2021 (2020: 7.9%).

Jadual 11d

Trend Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2018–2021

Tahap kemahiran	(%)			
	2018 (n= 43,745)	2019 (n= 45,398)	2020 (n= 38,783)	2021 (n= 44,166)
Mahir	30.8	47.0	43.9	42.8
Separuh mahir	57.0	46.3	48.1	47.9
Berkemahiran rendah	12.2	6.7	7.9	9.3

Nota: Tidak termasuk graduan dalam kumpulan angkatan tentera

BAB 12

BAHAGIAN III

TREND PENDAPATAN BULANAN GRADUAN (WARGANEGARA) BAGI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DAN DIPLOMA (UMUR 30 TAHUN DAN KE BAWAH) 2017–2021

- Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Taraf Pekerjaan
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Jenis IPT
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Tahap Kemahiran
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Pendapatan Keluarga
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Sektor Ekonomi Utama

TREND PENDAPATAN BULANAN GRADUAN (WARGANEGARA) BAGI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DAN DIPLOMA (UMUR 30 TAHUN DAN KE BAWAH), 2017–2021

Bab ini membincangkan hasil penganalisan pendapatan bulanan graduan peringkat ijazah pertama dan diploma bagi tahun 2017 hingga 2021. Selain dari peringkat pengajian, penganalisan juga berfokus kepada graduan warganegara sahaja, berumur 30 tahun dan ke bawah serta mengecualikan responden yang berstatus “telah bekerja sebelum menyambung pengajian”.

Perincian dapatan memberi fokus kepada trend graduan mengikut peringkat pengajian ijazah pertama dan diploma meliputi;


- Pendapatan bulanan;
- Taraf pekerjaan;
- Jenis IPT;
- Tahap kemahiran;
- Pendapatan bulanan keluarga; dan
- Sektor ekonomi utama.

12.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma, 2017–2021

► Bahagian ini memperincikan perbandingan pendapatan bulanan graduan ijazah pertama dan diploma serta menganalisis graduan yang mempunyai pendapatan RM5,001 & ke atas (**Carta 12.1a**). Di samping itu, analisis graduan diploma yang berpendapatan di bawah gaji minimum, iaitu RM1,000 & ke bawah turut diperincikan seperti pada **Carta 12.1b**. Analisis secara mendalam dilaksanakan untuk melihat sama ada graduan memperoleh pendapatan bulanan mengikut kelayakan akademik graduan.

Carta 12.1a


Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2017–2021



- ▶ Berdasarkan trend data dalam tempoh lima tahun (2017–2021), lebih 50 peratus graduan ijazah pertama memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,000 & ke bawah.
- ▶ Peratusan graduan ijazah pertama yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus (2021: 34.0%; 2020: 32.3%). Ini menunjukkan trend peralihan pendapatan dari RM2,000 & ke bawah kepada julat RM2,001 – RM3,000. Dalam hal ini, ianya menyokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam melaksanakan pelbagai inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 termasuk mewujudkan portal sehenti, iaitu *Graduates Reference Hub for Employment and Training* (GREaT) bagi memudahkan graduan dan bakal graduan.
- ▶ Terdapat peningkatan peratus graduan yang memperoleh pendapatan bulanan RM5,001 & ke atas bagi tempoh 2017 hingga 2019. Peratusan graduan bekerja di syarikat swasta multinasional meningkat sebanyak 0.7 peratus, iaitu 58.8 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya; [Lampiran A **Jadual 12.1b**]. Walaupun berlaku penurunan 0.9 peratus pada 2020, namun terdapat trend peningkatan pada 2021 sebanyak 0.1 peratus, iaitu 1.0 peratus graduan berpendapatan RM5,001 & ke atas (**Carta 12.1a**).

Carta 12.1b


Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, Tahun 2017–2021



- Berdasarkan trend data bagi tempoh lima tahun (2017-2021), sebanyak 60.4 hingga 71.4 peratus graduan diploma memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000.
- Peratusan graduan diploma yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 pada tahun 2021 menunjukkan trend peningkatan sebanyak 2.7 peratus (2021: 12.0%; 2020: 9.3%). Ini juga menunjukkan trend peralihan julat pendapatan daripada RM1,001 – RM2,000 kepada julat RM2,001 – RM3,000.
- Dalam tempoh lima (5) tahun tersebut, graduan diploma yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,000 & ke bawah menunjukkan penurunan yang amat signifikan, iaitu 15.1 peratus pada tahun 2021 berbanding 29.1 peratus yang direkodkan pada tahun 2017.
- Terdapat sebanyak 0.4 peratus graduan diploma berpendapatan RM5,001 & ke atas yang direkodkan pada tahun 2017 hingga 2021. Terdapat trend peningkatan usahawan pada tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 47.1 hingga 58.6 peratus namun menurun kepada 52.7 peratus pada 2021 seperti yang ditunjukkan pada **Carta 12.1c**.

Carta 12.1c

Trend Taraf Pekerjaan Graduan Diploma bagi Pendapatan Bulanan RM5,001 & Ke Atas, 2017-2021



12.2 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Taraf Pekerjaan, 2017–2021

Bahagian ini mengandungi trend pendapatan bulanan graduan (warganegara) peringkat ijazah pertama dan diploma mengikut taraf pekerjaan bagi tempoh 2017 hingga 2021. Analisis pada bahagian ini memperincikan pendapatan bulanan graduan mengikut taraf pekerjaan sama ada bekerja dengan keluarga, pekerja kerajaan, pekerja swasta (termasuk NGO) dan usahawan. Bahagian ini turut menganalisis sektor ekonomi yang diceburi oleh graduan usahawan.

Jadual 12a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan bagi Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2017–2021

Taraf pekerjaan	Diploma					Ijazah pertama				
	2017 n= 44,335	2018 n= 61,102	2019 n= 65,040	2020 n= 51,401	2021 n= 53,243	2017 n= 60,567	2018 n= 69,332	2019 n= 81,414	2020 n= 66,461	2021 n= 80,268
Pekerja swasta (termasuk NGO)	85.1	75.5	74.5	73.6	74.2	85.0	78.9	75.0	73.4	77.1
Pekerja kerajaan	5.9	4.4	4.3	3.8	8.7	8.5	7.0	7.0	6.5	9.0
Usahawan	4.4	13.1	15.1	15.6	10.2	3.3	10.0	12.8	14.1	8.7
Bekerja dengan keluarga	4.6	7.1	6.1	6.9	6.9	3.2	4.1	5.2	6.0	5.1
Jumlah	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100

- Lebih daripada 70.0 peratus graduan ijazah pertama dan diploma bekerja dalam sektor swasta (termasuk NGO) bagi tempoh lima tahun (2017–2021). Trend pemulihan pada 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus bagi peringkat diploma (2021: 74.2%; 2020: 73.6%) dan peningkatan sebanyak 3.7 peratus bagi ijazah pertama (2021: 77.1%; 2020: 73.4%) berbanding penyusutan antara tahun 2019 dan 2020 bagi sektor yang sama.
- Dalam hal ini, pemulihan ekonomi Malaysia tahun 2021 dengan pertumbuhan 3.1 peratus daripada negatif 5.5 peratus pada tahun sebelumnya yang mana prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan & Pembuatan yang menyumbang 81.3 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) turut memberi kesan positif kepada graduan yang mula berkerja. (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia).
- Terdapat penurunan graduan yang bekerja sebagai usahawan kepada 8.7 peratus direkodkan pada tahun 2021 (2020: 14.1%) bagi graduan ijazah pertama. Begitu juga graduan diploma yang menunjukkan penurunan kepada 10.2 peratus pada tahun 2021 (2020: 15.6%) seperti pada **Jadual 12a**. Namun berdasarkan **Jadual 12b** graduan usahawan dalam sektor perkhidmatan di peringkat diploma dan ijazah pertama menunjukkan peningkatan pada tahun 2021, masing-masing sebanyak 76.3 peratus dan 78.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ianya seiring dengan pertumbuhan rancak dalam penggunaan platform digital bagi sektor perkhidmatan terutamanya bidang perniagaan baharu.

Sektor ekonomi	Diploma					Ijazah pertama				
	2017 (n= 44,335)	2018 (n= 61,102)	2019 (n= 65,040)	2020 (n= 51,401)	2021 (n= 53,243)	2017 (n= 60,567)	2018 (n= 69,332)	2019 (n= 81,414)	2020 (n= 66,461)	2021 (n= 80,268)
Perkhidmatan	79.5	76.8	77.5	75.0	76.3	78.0	78.6	79.1	78.0	78.6
Pembuatan	11.8	14.5	14.6	17.2	15.3	11.5	12.0	11.8	13.0	12.3
Pembinaan	6.5	6.5	5.7	5.3	5.7	8.6	7.6	7.0	6.6	6.8
Pertanian	2.0	1.9	2.0	2.3	2.5	1.6	1.4	1.7	2.1	2.1
Perlombongan dan pengkuarian	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.3	0.4	0.4	0.3	0.3
Jumlah	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100

12.2.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Taraf Pekerjaan, 2017-2021

- Peratusan tertinggi graduan ijazah pertama bagi setiap taraf pekerjaan adalah bagi julat pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah berdasarkan trend data bagi tempoh lima (5) tahun.
- Peratusan graduan usahawan dan bekerja dengan keluarga masing-masing meningkat bagi pendapatan bulanan RM2,001 - RM3,000 pada tahun 2021, iaitu kepada 19.7 peratus (2019: 17.9%) dan 11.8 peratus (2020: 8.8%). [Lampiran A **Jadual 12.2a**]
- Peratusan graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) pula meningkat bagi pendapatan bulanan RM3,000 - RM5,000 pada tahun 2021, iaitu kepada 14.4 peratus (2020: 11.9%).

12.2.2 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma Mengikut Taraf Pekerjaan, 2017-2021


- Peratusan tertinggi graduan diploma bagi setiap taraf pekerjaan pada 2021 adalah bagi julat pendapatan bulanan RM1,001 - RM2,000, iaitu 42.1 peratus hingga 75.8 peratus.
- Peratusan pendapatan bulanan bagi julat pendapatan bulanan RM1,001 - RM2,000 untuk graduan diploma bertaraf pekerja swasta (termasuk NGO) menunjukkan peningkatan, iaitu 75.8 peratus pada tahun 2021 berbanding 63.9 peratus yang direkodkan pada tahun 2017.
- Manakala julat pendapatan bulanan RM1,001 - RM2,000 bagi graduan diploma yang bekerja dengan keluarga meningkat pada tahun 2021, iaitu kepada 47.4 peratus (2020: 41.4%).
- Bagi graduan diploma yang menjadi usahawan, trend data menunjukkan terdapat perubahan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan bulanan, iaitu julat RM1,000 & ke bawah yang direkodkan pada tahun 2017 (59.0%) kepada julat RM1,001 - RM2,000 bagi tahun 2018 (53.6%), 2019 (45.7%), 2020 (47.1%) dan 2021 (42.1%). [Lampiran A **Jadual 12.2b**]

12.3 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Jenis IPT, 2017–2021


Bahagian ini mengandungi trend pendapatan bulanan graduan (warganegara) peringkat ijazah pertama dan diploma mengikut jenis IPT bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021. Analisis dalam bahagian ini akan memperincikan perbandingan pendapatan bulanan yang diterima graduan mengikut IPT masing-masing.

Carta 12.2a

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama di Universiti Awam (UA), 2017–2021



- Trend menunjukkan bahawa lebih daripada 60.0 peratus graduan ijazah pertama dari Universiti Awam (UA), memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah bagi tempoh lima (5) tahun.
- Terdapat trend peningkatan graduan ijazah pertama dalam julat pendapatan RM2,001 – RM3,000, iaitu kepada 28.6 peratus (2020: 25.6%). Sebanyak 6.5 hingga 10.5 peratus graduan ijazah pertama berada dalam julat pendapatan melebihi RM3,000 bagi tempoh tersebut (**Carta 12.2a**).
- Manakala bagi graduan ijazah pertama dari IPTS pula menunjukkan peratusan tertinggi graduan memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 (**Carta 12.2b**).
- Berdasarkan analisis tersebut, didapati graduan ijazah pertama dari IPTS ditawarkan gaji yang lebih tinggi berbanding graduan UA.



- Graduan ijazah pertama di IPTS menunjukkan peratusan tertinggi, antara 43.4 hingga 50.4 peratus graduan memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 berbanding graduan UA yang menunjukkan lebih daripada 60.0 peratus memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,000 & ke bawah.
- Bagi graduan diploma pula, peratusan tertinggi ialah graduan yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000 bagi semua jenis IPT dan ILKA. [Lampiran A **Jadual 12.2c**]

12.4 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Tahap Kemahiran, 2017-2021

Bahagian ini memaparkan pendapatan bulanan graduan (warganegara) bagi peringkat ijazah pertama dan diploma mengikut tahap kemahiran pekerjaan sama ada dalam kategori mahir, separuh mahir atau berkemahiran rendah.

12.4.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Tahap Kemahiran, 2017-2021


- Dari perspektif pekerjaan, graduan ijazah pertama yang bekerja berada dalam kategori mahir merekodkan julat antara 59.2 hingga 75.9 peratus sejak tahun 2017. Ini diikuti kategori separuh mahir dengan peratusan antara 20.8 hingga 35.3 peratus. (**Jadual 12c**)
- Pada tahun 2021, sebanyak 72.4 peratus (56,091 graduan) berada dalam kategori mahir dengan 72.8 peratus daripadanya bekerja dalam pekerjaan Profesional, diikuti oleh Juruteknik & profesional bersekutu sebanyak 22.1 peratus dan Pengurus 5.1 peratus. (**Carta 12.3a**)
- Sebanyak 40.2 peratus graduan kategori mahir memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000. Manakala, terdapat 40.5 peratus graduan peringkat ini yang berada dalam kategori mahir memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah. Ini menunjukkan masih ramai graduan ijazah pertama yang bekerja, namun tidak sepadan dengan pendapatan yang diperoleh (22,704 graduan).

- Pada tahun 2021, peratusan graduan yang bekerja dalam kategori berkemahiran rendah adalah sebanyak 2.9 peratus (2,214 graduan) berbanding tahun 2020, iaitu 3.6 peratus (2,073 graduan). Daripada keseluruhan graduan tersebut, seramai 1,864 (84.2%) bekerja sebagai pekerja asas dan memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah. Angka ini dilihat membimbangkan memandangkan kumpulan graduan ini boleh dikelaskan sebagai ketidaksepadan pekerjaan kerana mereka tidak menggunakan sepenuhnya kemahiran dan pengetahuan mereka. Hal ini dapat disimpulkan bahawa kumpulan graduan ijazah pertama yang berada dalam kategori ini memilih untuk mencuba sebarang pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka ketika negara dalam proses pemulihan ekonomi negara.

Jadual 12c

Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama
(Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Tahap Kemahiran,
2017-2021

Tahun	Tahap kemahiran	Jumlah responden	Peratus sumbangan	RM2,000 dan ke bawah		RM2,001 - RM3,000		RM3,001 - RM5,000		RM5,001 dan ke atas	
				Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2017	Mahir	34,574	59.4	12,837	37.1	17,022	49.2	4,286	12.4	429	1.2
	Separuh mahir	20,536	35.3	15,299	74.5	4,589	22.3	560	2.7	88	0.4
	Berkemahiran rendah	3,060	5.3	2,478	81.0	515	16.8	58	1.9	9	0.3
	Jumlah	58,170	100.0	30,614	52.6	22,126	38.0	4,904	8.4	526	0.9
2018	Mahir	36,721	59.2	12,507	34.1	18,318	49.9	5,386	14.7	510	1.4
	Separuh mahir	21,779	35.1	15,302	70.3	5,551	25.5	788	3.6	138	0.6
	Berkemahiran rendah	3,570	5.8	2,808	78.7	656	18.4	94	2.6	12	0.3
	Jumlah	62,070	100.0	30,617	49.3	24,525	39.5	6,268	10.1	660	1.1
2019	Mahir	53,290	75.9	21,398	40.2	23,881	44.8	7,198	13.5	813	1.5
	Separuh mahir	15,018	21.4	11,960	79.6	2,583	17.2	376	2.5	99	0.7
	Berkemahiran rendah	1,892	2.7	1,634	86.4	213	11.3	38	2.0	7	0.4
	Jumlah	70,200	100.0	34,992	49.8	26,677	38.0	7,612	10.8	919	1.3
2020	Mahir	43,046	75.6	18,416	42.8	17,909	41.6	6,313	14.7	408	0.9
	Separuh mahir	11,843	20.8	9,966	84.2	1,615	13.6	222	1.9	40	0.3
	Berkemahiran rendah	2,073	3.6	1,844	89.0	196	9.5	30	1.4	3	0.1
	Jumlah	56,962	100.0	30,226	53.1	19,720	34.6	6,565	11.5	451	0.8
2021	Mahir	56,091	72.4	22,704	40.5	22,545	40.2	10,175	18.1	667	1.2
	Separuh mahir	19,207	24.8	15,177	79.0	3,361	17.5	608	3.2	61	0.3
	Berkemahiran rendah	2,214	2.9	1,864	84.2	306	13.8	41	1.9	3	0.1
	Jumlah	77,512	100.0	39,745	51.3	26,212	33.8	10,824	14.0	731	0.9



12.4.2 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Tahap Kemahiran, 2017–2021

- ▶ Bagi graduan diploma, trend dilihat meningkat bagi graduan yang bekerja dalam kategori mahir, iaitu daripada 33.3 peratus pada tahun 2017 kepada 52.5 peratus pada tahun 2019, namun sedikit menurun pada tahun 2020 dan 2021, iaitu masing-masing 50.3 peratus dan 47.5 peratus. Graduan diploma yang bekerja dalam kategori separuh mahir pula merekodkan sebaliknya dengan trend penurunan 53.1 hingga 37.6 peratus pada 2017 hingga 2020, namun pada 2021 trend meningkat semula kepada 45.3 peratus.
- ▶ Jika dilihat dari segi trend kesemua tahap kemahiran graduan diploma yang bekerja, majoritinya masih memperoleh pendapatan RM1,001 – RM2,000. Dasar gaji minimum yang diperkenalkan kerajaan membantu graduan ini untuk memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM1,000.
- ▶ Julat bagi pendapatan RM2,001 – RM3,000 pula menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2017 sehingga 2019, iaitu 8.8 hingga 10.7 peratus dan turun kepada 9.4 peratus pada 2020 kemudian kembali pulih kepada 11.9 peratus pada 2021. **(Jadual 12d)**
- ▶ Dalam hal ini KPT telah mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan institusi pendidikan tinggi (IPT) menawarkan program akademik yang selari dengan keperluan semasa. Pada 15 Oktober 2021, KPT telah melancarkan inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL). Inisiatif ini merupakan satu kerangka transformasi program akademik yang mengintegrasikan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (personalised) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran, yang diperoleh daripada pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.
- ▶ Kerangka EXCEL ini dapat terus memacu usaha untuk menghasilkan graduan yang mempunyai daya tahan dan keupayaan menghadapi serta menerima perubahan (Resilient and Change-Ready Talent). Ini termasuk juga aspirasi untuk melahirkan graduan yang memiliki ciri-ciri pengamal pembelajaran sepanjang hayat (lifelong learners), usahawan inovatif (innovative entrepreneurs), pengamal kreatif (creative practitioners) dan pengaruh perubahan (change-makers).

Tahun	Tahap kemahiran	Jumlah responden	Peratus sumbangan	RM1,000 dan ke bawah		RM1,001 – RM2,000		RM2,001 – RM3,000		RM3,001 – RM5,000		RM5,001 dan ke atas	
				Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2017	Mahir	14,076	33.3	2,264	16.1	9,301	66.1	2,140	15.2	297	2.1	74	0.5
	Separuh mahir	22,460	53.1	7,239	32.2	13,645	60.8	1,344	6.0	190	0.8	42	0.2
	Berkemahiran rendah	5,775	13.6	2,224	38.5	3,240	56.1	257	4.5	46	0.8	8	0.1
	Jumlah	42,311	100	11,727	27.7	26,186	61.9	3,741	8.8	533	1.3	124	0.3
2018	Mahir	18,755	35.4	1,560	8.3	13,552	72.3	3,144	16.8	428	2.3	71	0.4
	Separuh mahir	26,595	50.2	5,480	20.6	18,906	71.1	1,911	7.2	240	0.9	58	0.2
	Berkemahiran rendah	7,590	14.3	1,917	25.3	5,233	68.9	382	5.0	52	0.7	6	0.1
	Jumlah	52,940	100	8,957	16.9	37,691	71.2	5,437	10.3	720	1.4	135	0.3
2019	Mahir	28,498	52.5	3,294	11.6	20,309	71.3	4,294	15.1	507	1.8	94	0.3
	Separuh mahir	20,684	38.1	4,180	20.2	15,092	73.0	1,232	6.0	152	0.7	28	0.1
	Berkemahiran rendah	5,138	9.5	974	19.0	3,818	74.3	288	5.6	51	1.0	7	0.1
	Jumlah	54,320	100	8,448	15.6	39,219	72.2	5,814	10.7	710	1.3	129	0.2
2020	Mahir	21,764	50.3	2,117	9.7	16,330	75.0	2,895	13.3	367	1.7	55	0.3
	Separuh mahir	16,239	37.6	2,868	17.7	12,377	76.2	856	5.3	111	0.7	27	0.2
	Berkemahiran rendah	5,232	12.1	768	14.7	4,099	78.3	313	6.0	40	0.8	12	0.2
	Jumlah	43,235	100	5,753	13.3	32,806	75.9	4,064	9.4	518	1.2	94	0.2
2021	Mahir	23,980	47.5	2,872	12.0	16,283	67.9	4,042	16.9	645	2.7	138	0.6
	Separuh mahir	22,876	45.3	3,990	17.4	16,899	73.9	1,666	7.3	273	1.2	48	0.2
	Berkemahiran rendah	3,638	7.2	703	19.3	2,623	72.1	277	7.6	30	0.8	5	0.1
	Jumlah	50,494	100	7,565	15.0	35,805	70.9	5,985	11.9	948	1.9	191	0.4


12.5 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018–2021

Berdasarkan survei pendapatan dan kemudahan asas 2019, had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,850. Had pendapatan kumpulan M40 yang melibatkan 2.91 juta isi rumah pula adalah di antara RM4,850 hingga RM10,959. Sementara itu, sebanyak 1.46 juta isi rumah berada di kumpulan T20 dengan pendapatan melebihi RM10,960. Merujuk kepada Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia juga turut menerangkan bahawa nilai purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada peringkat nasional ialah RM2,208 sebulan.

Carta 12.4a

Kumpulan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019

KUMPULAN ISI RUMAH



Sumber: Laporan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

- Kajian Pengesanan Graduan tahun 2021 turut melihat corak pendapatan keluarga graduan dengan pendapatan graduan ijazah pertama dan diploma yang bekerja. Setiap ibu bapa terutamanya daripada kumpulan pendapatan B40 mengharapkan anak mereka dapat mengeluarkan keluarga mereka daripada kancas kemiskinan. Namun begitu, kebanyakan siswazah yang menjadi harapan keluarga masing-masing yang selama ini tergolong dalam kelompok isi rumah terendah, B40 dan keluarga miskin masih memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah.

12.5.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018–2021

- ▶ **Jadual 12e** menunjukkan secara keseluruhan dari tahun 2018 hingga 2021, graduan ijazah pertama daripada keluarga B40 melebihi 60.0 peratus. Walau bagaimanapun, trend menunjukkan peratusan pendapatan keluarga B40 semakin menurun dari 72.7 peratus pada 2018 kepada 63.5 peratus pada tahun 2021. Pada masa yang sama, peratusan pendapatan keluarga M40 semakin meningkat dari tahun 2018 hingga 2021 dari 19.7 hingga 24.3 peratus.
- ▶ Pada 2021, sebanyak 56.0 peratus graduan ijazah pertama daripada keluarga B40 ini yang pertama kali merasai pengalaman bekerja memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah dimana 50.4 peratus bekerja dalam sektor swasta tempatan dan 10.3 peratus dengan pertubuhan bukan kerajaan.
- ▶ Manakala 32.2 peratus memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 dengan 50.7 peratus bekerja dalam syarikat swasta tempatan dan 25.4 peratus swasta multinasional. [Lampiran A **Jadual 12.3a**]
- ▶ Hanya 0.6 peratus sahaja graduan daripada keluarga B40 berpeluang mendapat pekerjaan yang menawarkan pendapatan RM5,001 & ke atas dengan 37.7 peratus bekerja di sektor swasta multinasional.
- ▶ Trend yang direkodkan keluarga B40 bagi pendapatan RM2,000 & ke bawah yang diperoleh graduan ijazah pertama mencatatkan purata melebihi 50.0 peratus sejak tahun 2018 diikuti pendapatan RM2001 – RM3,000 yang mencatatkan peratus melebihi 30.0 peratus.

Tahun	Kumpulan pendapatan keluarga	Jumlah responden	Peratus sumbangan	RM2,000 dan ke bawah		RM2,001 – RM3,000		RM3,001 – RM5,000		RM5,001 dan ke atas	
				Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2018	B40	50,406	72.7	27,970	55.5	18,094	35.9	3,890	7.7	452	0.9
	M40	13,624	19.7	5,460	40.1	6,028	44.2	1,935	14.2	201	1.5
	T20	5,302	7.6	2,036	38.4	2,186	41.2	927	17.5	153	2.9
	Jumlah	69,332	100.0	35,466	51.2	26,308	37.9	6,752	9.7	806	1.2
2019	B40	57,504	70.6	32,892	57.2	19,358	33.7	4,643	8.1	611	1.1
	M40	16,846	20.7	7,222	42.9	6,867	40.8	2,420	14.4	337	2.0
	T20	6,908	8.5	2,732	39.5	2,756	39.9	1,232	17.8	188	2.7
	* Tiada maklumat	156	0.2	57	36.5	66	42.3	26	16.7	7	4.5
	Jumlah	81,414	100.0	42,903	52.7	29,047	35.7	8,321	10.2	1,143	1.4
2020	B40	44,671	67.2	26,970	60.4	13,639	30.5	3,784	8.5	278	0.6
	M40	14,868	22.4	7,045	47.4	5,479	36.9	2,157	14.5	187	1.3
	T20	6,699	10.1	3,230	48.2	2,273	33.9	1,084	16.2	112	1.7
	* Tiada maklumat	223	0.3	108	48.4	85	38.1	27	12.1	3	1.3
	Jumlah	66,461	100.0	37,353	56.2	21,476	32.3	7,052	10.6	580	0.9
2021	B40	49,860	63.5	27,941	56.0	16,046	32.2	5,568	11.2	305	0.6
	M40	19,087	24.3	8,081	42.3	7,283	38.2	3,495	18.3	228	1.2
	T20	9,357	11.9	4,038	43.2	3,290	35.2	1,828	19.5	201	2.1
	* Tiada maklumat	200	0.3	66	33.0	79	39.5	47	23.5	8	4.0
	Jumlah	78,504	100.0	40,126	51.1	26,698	34.0	10,938	13.9	742	0.9

12.5.2 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018–2021

- Bagi graduan peringkat diploma pula, didapati trend yang tidak jauh berbeza dengan graduan ijazah pertama, iaitu graduan dalam kalangan keluarga B40 merekodkan sumbangan melebihi 75.0 peratus setiap tahun namun dilihat menurun dari 86.4 peratus pada tahun 2018 kepada 79.7 peratus pada tahun 2021.
- Berdasarkan **Jadual 12f**, graduan peringkat diploma yang mendapat pekerjaan pertama memperoleh pendapatan dalam kumpulan RM1,001 – RM2,000 merekodkan peratusan melebihi 65.0 peratus. Peratusan dalam kumpulan pendapatan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus, iaitu 70.5 peratus pada 2021 berbanding 68.8 peratus direkodkan pada tahun 2018. Perkara ini selari dengan penetapan garis panduan gaji permulaan lulusan diploma yang terdapat di dalam Buku Panduan Gaji (ver. 2020) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia, iaitu antara RM1,330 hingga RM2,460 bergantung kepada tahap kemahiran.
- Hasil daripada analisis bagi tahun 2021 menunjukkan bahawa graduan diploma yang berasal daripada keluarga berpendapatan B40 yang mengikuti pengajian di IPTS dan memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah mempunyai sumbangan tertinggi dengan 31.7 peratus manakala graduan dari UA dalam kalangan kumpulan pendapatan RM2,000 & ke bawah hanya memberi sumbangan sebanyak 14.4 peratus.
- Terdapat juga sebilangan kecil graduan diploma daripada keluarga B40 pada 2021 yang berjaya memperoleh pendapatan RM5,001 & ke atas (0.2%; 97 graduan) dengan 38 graduan (39.2%) adalah yang belajar di politeknik bagi tahun yang sama. [Lampiran A **Jadual 12.3b**]

Tahun	Kumpulan pendapatan keluarga	Jumlah responden	Peratus sumbangan	RM1,000 dan ke bawah		RM1,001 – RM2,000		RM2,001 – RM3,000		RM3,001 – RM5,000		RM5,001 dan ke atas	
				Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2018	B40	52,816	86.4	10,441	19.8	36,599	69.3	4,951	9.4	661	1.3	164	0.3
	M40	6,683	10.9	1,009	15.1	4,403	65.9	1,011	15.1	203	3.0	57	0.9
	T20	1,602	2.6	212	13.2	1,021	63.7	258	16.1	77	4.8	34	2.1
	Jumlah	61,101	100.0	11,662	19.1	42,023	68.8	6,220	10.2	941	1.5	255	0.4
2019	B40	55,217	84.9	10,784	19.5	38,294	69.4	5,292	9.6	684	1.2	163	0.3
	M40	7,594	11.7	1,404	18.5	4,711	62.0	1,184	15.6	231	3.0	64	0.8
	T20	1,904	2.9	395	20.7	1,097	57.6	297	15.6	74	3.9	41	2.2
	* Tiada maklumat	325	0.5	59	18.2	241	74.2	21	6.5	2	0.6	2	0.6
	Jumlah	65,040	100.0	12,642	19.4	44,343	68.2	6,794	10.4	991	1.5	270	0.4
2020	B40	42,438	82.6	7,464	17.6	30,787	72.5	3,563	8.4	498	1.2	126	0.3
	M40	6,768	13.2	1,110	16.4	4,512	66.7	910	13.4	177	2.6	59	0.9
	T20	1,849	3.6	343	18.6	1,133	61.3	266	14.4	68	3.7	39	2.1
	* Tiada maklumat	346	0.7	53	15.3	256	74.0	29	8.4	5	1.4	3	0.9
	Jumlah	51,401	100.0	8,970	17.5	36,688	71.4	4,768	9.3	748	1.5	227	0.4
2021	B40	40,756	79.7	6,172	15.1	29,367	72.1	4,505	11.1	615	1.5	97	0.2
	M40	8,081	15.8	1,138	14.1	5,360	66.3	1,257	15.6	262	3.2	64	0.8
	T20	2,230	4.4	406	18.2	1,303	58.4	376	16.9	107	4.8	38	1.7
	* Tiada maklumat	68	0.1	7	10.3	41	60.3	17	25.0	1	1.5	2	2.9
	Jumlah	51,135	100.0	7,723	15.1	36,071	70.5	6,155	12.0	985	1.9	201	0.4

Kesimpulannya, jika graduan memperoleh pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan akademik atau pendapatan yang setimpal akan dapat membantu meningkatkan sosio ekonomi keluarga dan mempunyai peluang untuk hidup selesa pada masa hadapan dan mampu menyesuaikan diri dengan peralihan ekonomi dunia dan tempatan yang kian mencabar. Selain itu, perkara ini penting agar graduan dapat membuat bayaran balik pinjaman pendidikan yang diterima sepenuhnya sepanjang tempoh pengajian.

12.6 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Sektor Ekonomi Utama, 2017–2021

